

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 17

Selasa

17 April 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): ■ Penahanan Tidak Sah Francis Ng Wai Kong dan Victor Hoo Kim Swee Di Arab Saudi - <i>Y.B. Tuan Chow Kon Yeaw (Tanjong)</i>	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007	(Halaman 31)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 2006	(Halaman 31)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17 April 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimanakah hasil kajian penstrukturan semula organisasi dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang telah dijalankan beberapa tahun yang lalu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rembau, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih lagi mengkaji dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan cadangan penstrukturan semula organisasi dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan pihak berkuasa tempatan kerana ia melibatkan pindaan kepada pelbagai akta yang mempunyai implikasi yang luas dan yang memerlukan kajian dan penelitian secara mendalam.

Walau bagaimanapun, sementara usaha ini dijalankan, kementerian juga menumpukan kepada penambahbaikan proses kerja PBT yang sering mendapat aduan orang ramai dan pihak swasta yang mana ia baru sahaja selesai diambil tindakan beberapa hari yang lalu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 13 April baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan, Penambahbaikan Urusan Cadangan Pemajuan Serta Penyelenggaraan dan Pengurusan Hartanah.

Ia melibatkan konsep bina kemudian jual, pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* oleh para profesional, pelaksanaan pusat setempat (OSC), bagi cadangan kemajuan serta pelantikan Yang di-Pertua PBT sebagai Pesuruhjaya Bangunan (COB). Pelaksanaannya akan membolehkan proses kerja PBT disingkatkan. Dengan terlaksananya penambahbaikan proses kerja PBT ini, kementerian akan memberi tumpuan seterusnya kepada proses pindaan secara menyeluruh Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang turut mengambil kira penstrukturan semula pihak berkuasa tempatan.

Siri perbincangan awal bersama semua pihak ataupun agensi yang berkaitan termasuk juga pihak swasta telah pun dimulakan. Sebenarnya banyak pandangan yang telah diberi dalam Dewan yang mulia ini dalam beberapa tahun ini yang juga telah diambil kira semasa kementerian

mengkaji cadangan penstrukturan semula PBT. Semua ini perlu diambil kira secara berhati-hati kerana ia akan melibatkan ... dengan izin, *revamping* yang besar, yang melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan serta enakmen dan undang-undang di peringkat negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Alor Star kemudian Yang Berhormat bagi Rembau. Yang Berhormat bagi Alor Star dahulu.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut apa yang telah pun diberitahu, dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini persepsi orang ramai terhadap prestasi kerja dan perkhidmatan PBT adalah di bawah kawalan kementerian Yang Berhormat Menteri. Apabila terdapat sesetengah PBT yang kurang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, penduduk, maka mereka ini akan tujukan segala-gala aduan kepada kementerian Yang Berhormat.

Maka, dengan hasrat kerajaan untuk mengadakan satu penstrukturan semula organisasi dan syarat-syarat perkhidmatan kakitangan PBT, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada semua PBT akan terus berada di bawah kawalan dan pemantauan kementerian Yang Berhormat Menteri dan bukan di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Melalui cara inilah baru saya percaya dan ramai penduduk, rakyat, percaya bahawa prestasi perkhidmatan akan bertambah baik lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Alor Setar tentang cadangan dan juga prihatin mengenai persepsi orang ramai terhadap PBT yang selalunya disalah kaitkan dengan kementerian saya, padahal mengikut Perlembagaan, mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, PBT adalah sebenarnya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kementerian atau Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan atau mengarahkan PBT untuk membuat sesuatu kecuali melalui saluran yang tertentu iaitu sebagai contoh di bawah Perlembagaan telah membolehkan kita menubuhkan Majlis Negara kepada kerajaan tempatan di mana semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ketua Menteri menjadi anggota, Timbalan Perdana Menteri menjadi pengerusi. Itu satu forum yang sah untuk mengadakan kerjasama yang rapat, untuk menambahbaikkan apa sahaja nasihat yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada PBT.

Dalam usaha untuk menstruktur semula ini, kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih kuasa daripada kerajaan negeri.

■ 1010

Cuma kerajaan Persekutuan dengan kerjasama dengan kerajaan negeri akan cuba membuka perkhidmatan PBT yang tertutup pada masa kini di mana Ahli-ahli Yang Berhormat sini pun telah banyak kali bangkitkan bahawa apabila terdapat salah seseorang kakitangan PBT kalau dia tidak *perform* atau dia punya prestasi tidak baik kalau sekiranya dia di satu PBT yang tertutup, di situ kalau dia tidak melanggar disiplin, tetapi dia tidak membuat kerja dengan

mempunyai rekod yang baik kita tidak boleh buat apa terhadapnya, dia akan di situ selamalamanya.

Dengan salah satu cadangan yang sedang kaji ialah kita nak membuka perkhidmatan ini supaya ia terbuka dalam negeri yang sama dan supaya mereka yang prestasi yang baik boleh dinaikkan pangkat dari satu PBT yang kecil kepada PBT yang besar. Mereka yang memegang satu jawatan yang terlalu strategik sangat tetapi dia tidak *perform* dengan baik dengan izin, dia boleh dipindah ke satu tempat lain menjawat satu jawatan yang tidak begitu strategik yang tidak akan membebankan ataupun melambatkan perkhidmatan. Jadi ini salah satu konsep strateginya dan kementerian saya memang dari segi Perlembagaan kita tidak bercadang untuk mengambil alih kuasa itu kerana kita perlu kerjasama yang baik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan seterusnya PBT. Sebagai contoh apa yang dilancarkan pada 13 hari bulan baru-baru ini, sebenarnya merupakan satu kerjasama antara tiga lapis kerajaan dan kita boleh kerjasama sehingga menjayakan sesuatu perubahan sesuatu anjakan paradigma. Saya rasa kalau terlalu kita tumpu kepada kuasa siapa, kita tidak akan ke mana-mana.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi. Soalan tambahan saya ialah berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bermakna kerajaan sedang mengkaji saranan untuk mengamalkan sistem terbuka dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang akan membolehkan kakitangannya dinaikkan pangkat dan dipindahkan seluruh negara sebagai langkah untuk menambah baik sistem penyampaian sektor berkenaan. Ini sangat penting memandangkan Rancangan Malaysia Kesembilan sudah masuk gear ke-2 dan seterusnya gear yang ke-3. Tapi soalnya adakah kementerian menetapkan *target-target* tarikh tertentu untuk melaksanakan skim ini sebab seperti yang kita sedia maklum, motivasi kepada modal insan yang merupakan jentera kepada PBT ini sangat penting supaya segala program Rancangan Malaysia Kesembilan dapat berjalan dengan baik. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua saya ingin menjelaskan bahawa apa yang saya cadangkan tadi bukan bertujuan untuk meminda pegawai di seluruh negeri bukan di negara. Dia masih tidak boleh dipindah keluar daripada negeri kerana bidang kuasa negeri itu masih dikekalkan. Tarikh yang akan kita dapat melaksanakannya bergantung pada berapa cepat kita dapat meminda Perlembagaan, kita boleh meminda Akta Kerajaan Tempatan dan juga Enakmen Kerajaan Negeri. Ini adalah satu *exercise* yang besar, ia mengambil masa.

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya perkara ini perlu diberi keutamaan, diberi tumpuan dan kementerian saya telah pun dalam beberapa tahun ini telah pun dapatkan banyak maklum balas, kajian dan sebagainya. Oleh sebab ini adalah satu perkara yang amat serius dan amat penting, maka beberapa pandangan itu telah diambil kira, telah pun diubahsuai. Itu sebabnya ia tidak dapat dijalankan dengan cepat. Walau bagaimanapun, hasrat bersama kita ialah kita nak adakan penstrukturan semula ini secepat mungkin. Nampaknya

masa untuk pindaan itu ia perlu satu tempoh yang agak panjang, bukan dalam sekadar dalam enam bulan ke, ia tentu akan lebih daripada itu.

2. Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Minta Menteri Pelancongan menyatakan bilangan pelancong asing yang telah melawat negara kita pada tahun ini bersempena dengan program Tahun Melawat Malaysia 2007. Daripada jumlah tersebut nyatakan bilangan mereka yang telah melawat negeri Sarawak dan apakah bentuk-bentuk tarikan yang disediakan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Tahun Melawat Malaysia 2007 dilancarkan, ketibaan pelancong yang direkodkan pada bulan Januari hingga Februari 2007 adalah seramai 3,101,691 orang. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 9.3% berbanding dengan 2,838,282 orang pelancong pada bulan Januari hingga Februari 2006. Daripada jumlah ketibaan ini, seramai 172,217 orang pelancong telah melawat Sarawak. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 37.7% berbanding ketibaan Januari hingga Februari 2006 iaitu seramai 125,103 orang.

Bagi menarik lebih ramai pelancong ke Sarawak pada Tahun Melawat Malaysia 2007, Kerajaan Negeri telah mengemukakan 12 acara utama. Acara-acara utama ini telah mula dipromosikan sejak pertengahan tahun 2006 melalui kalendar acara Tahun Melawat Malaysia 2007. Antara acara yang mendapat tempat di hati para pelancong antarabangsa adalah Rain Forest World Music Festival, Pesta Gawai dan lain-lain acara menarik seperti yang disenaraikan dalam lampiran. Bulan April kita ada Mukah Kao Festival, bulan Mei kita ada Miri International Jazz Festival 2007. Juga bulan Mei kita ada World Harvest Festival 2007, bulan Jun dan Julai ada Borneo Culture Festival. Bulan Julai juga ada Sarawak International Ethnic Music Conference dan Julai juga ada Rain Forest World Music Festival, bulan Ogos ada Kuching Street Parade, bulan September ada Sarawak Regatta, bulan November ada International Median and Environment Summit 2007. Bulan Disember ada Asiacypt Convention 2007. Sekian.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan itu tadi. Tahun ini memanglah Tahun Melawat Malaysia. Oleh itu, kita nak peningkatan pelancong-pelancong asing lebih tinggi lagi untuk melawat Sarawak, bahkan kita nak 100% peningkatan. Tetapi apa yang kita bimbang pada tahun ini ialah pembatalan tempahan daripada agensi-agensi pelancongan di *Europe* sejak enam bulan yang lepas kerana tidak ada kesinambungan ataupun *flight connectivity* ke Sarawak yang lebih kurang lagi. Walaupun Kerajaan Negeri telah pun menyediakan dua belas acara utama pada tahun ini. Semuanya baik-baik belaka termasuk pada bulan Julai *International Ethnic Music Festival*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya akan sampai ke soalan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas *reminder* tersebut. Jadi memang kita nak lebih ramai lagi

pelancong datang ke Sarawak. Oleh yang demikian, bagaimanakah pihak kementerian boleh membantu supaya bilangan pelancong ini meningkat dengan lebih banyak lagi daripada bulan Januari hingga ke bulan Februari pada tahun ini. Peningkatan 37% sebelum ini belum cukup. Bolehkah kementerian bantu kami di Sarawak? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari kawasan Mambong. Memang kita tahu seperti Yang Berhormat telah kata tadi iaitu pembatalan pelancong dari Eropah.

■ 1020

Itu adalah disebabkan oleh penerbangan, *what do you call* AirAsia Express yang mengambil alih *domestic flight* dan antara dua syarikat iaitu MAS dan AirAsia ada *miscommunication* dan kita pun di Kementerian Pelancongan mengadakan mesyuarat iaitu kita membawa semua pihak yang berkenaan supaya kita berbincang dengan isu-isu yang kita hadapi dan nampaknya keadaan pada masa ini dalam *stable condition* oleh itu Yang Berhormat jangan bimbang.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, kita memang menjaga lebih sedikit untuk negeri Sarawak dan peruntukan yang kita beri untuk Rancangan Malaysia Kesembilan untuk projek pelancongan berjumlah RM167 juta untuk 39 projek kalau dibandingkan dengan Sarawak yang RM91 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu salah satu cara membantu Sarawak.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ya,lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong hendak membantu Sarawak juga. Baiklah soalan keluar, cepat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah bahagian yang pertama itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satulah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, soalan tambahan. Ada dua bahagian di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, satu bahagian sahaja.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okay. Yang pertama iaitu memang saya mahu mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian. Dalam dua bulan ini sahaja kita dapat lebih kurang 3.1 juta pelancong asing melawat Malaysia. Tetapi satu persoalan pokok yang selalu orang tanya ialah walau pun negara kita ini boleh menawarkan pelbagai jenis pelancongan yang berasaskan kepada *ecotourism*, berasaskan kepada pendidikan ataupun berasaskan kepada perubatan dan seterusnya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian telah membuat suatu kajian yang *detail* supaya penarikan pelancong yang berkualiti. Maksud berkualiti ialah mereka boleh berbelanja lebih daripada pelancong-pelancong biasa, supaya fokus kita kepada sektor-sektor tertentu di mana Malaysia mempunyai keunikan dan keistimewaan kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Sungguhpun ini tidak ada kaitan dengan Sarawak tetapi ia terpulang kepada kementerian. Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ini adalah sesuatu yang berkaitan dengan Sarawak. Boleh saya dapat sedikit pandangan dan juga penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Memang itulah *target* kita supaya kita menarik lebih ramai pelancong asing yang berkualiti seperti pelancong yang datang bermain golf dan juga MICE atau *Meeting, Incentive, Conventions and Exhibitions* yang kedua-duanya ini adalah yang kita hendak *promote* di negara Sabah dan Sarawak supaya lebih ramai pelancong datang dan juga *ecotourism* yang berada di Sabah dan Sarawak. Kita memang ambil prihatin supaya kita ada lebih ramai pelancong yang berkualiti datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tambah boleh Tuan Yang di-Pertua. Tahun Melawat Malaysia boleh tambah lagi satu soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, hari-hari lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan untuk hari ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

3. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah kejayaan Skim Latihan Graduan yang telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan berapakah peruntukan yang diberikan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad semenjak ia ditubuhkan sehingga Januari 2007.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melancarkan Skim Latihan Graduan yang pertama pada tahun 2001 dengan peruntukan kewangan sebanyak RM70 juta.

Skim ini bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran graduan yang masih menganggur bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Memandangkan sambutan terhadap skim ini amat memberangsangkan, kerajaan telah meneruskan skim ini pada tahun 2003 dan 2005 dengan tambahan peruntukan masing-masing sebanyak RM70 juta dan RM100 juta.

Jumlah keseluruhan peruntukan melaksanakan skim ini adalah RM240 juta. Sebanyak 13 program latihan telah ditawarkan dengan memberi penekanan kepada kemahiran pekerja atau *working skills* seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menganalisis, keterampilan diri dan aspek-aspek pengurusan lain yang boleh membantu graduan menganggur mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian keberkesanan yang dijalankan ke atas graduan yang telah menamatkan latihan di bawah Skim Latihan Graduan fasa ketiga mendapati bahawa majoriti iaitu 86.7% graduan menyatakan bahawa skim ini membantu meluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan.

Daripada kajian keberkesanan yang dijalankan ke atas graduan yang telah enam bulan menamatkan latihan di bawah Skim Latihan Graduan fasa satu didapati seramai 74% graduan telah berjaya mendapat pekerjaan manakala bagi Skim Latihan Graduan fasa dua pula didapati 67.1% graduan telah mendapat pekerjaan.

Bagi Skim Latihan Graduan fasa ketiga pula, kajian keberkesanan telah dijalankan selepas tiga bulan pelatih menamatkan latihan. Sehingga 12 Februari 2007, sebanyak 9,051 borang kaji selidik telah diterima dan dari jumlah tersebut, seramai 60.4% graduan berjaya mendapat pekerjaan. Dari jumlah tersebut 46.8% mendapat jawatan tetap manakala 28.6% menjawat jawatan kontrak dan 20% menjawat jawatan sambilan dan 4.6% bekerja sendiri.

Adalah dijangkakan lebih ramai graduan yang sedang mengikuti skim ini akan mendapat pekerjaan apabila tamat latihan nanti memandangkan semua pelatih tersebut dikehendaki menjalani latihan praktikal yang akan memantapkan lagi kualiti latihan tersebut.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, saya ingin tahu pertamanya ialah purata kos setiap graduan yang dibelanjakan oleh pihak Sumber Manusia Berhad ini daripada RM240 juta itu berapa tiap-tiap seorang graduan dihabiskan.

Kemudian saya ingin tahu ialah daripada 13 latihan yang dibuat itu adakah termasuk modul yang boleh membentuk graduan ini ke arah membela masyarakat ataupun membimbing masyarakat kerana mereka ini berada di universiti dikongkong oleh Akta Universiti. Apabila mereka ini menjadi graduan tidak dapat pekerjaan kemudian diberikan mengikuti Skim Latihan Graduan.

Saya hendak tanya lagi sekiranya ialah adakah semasa mereka yang diberi latihan ini pihak yang menganjur ini cuba mempengaruhi mereka ini supaya condong ke arah menyokong kerajaan kerana ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih kepada kerajaan bukan menyokong.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih biasalah, menyokong sekarang ini kerana kita tahu sebahagian besar graduan yang menganggur ini mereka memprotes kepada kerajaan kerana kerajaan mendidik, memberi ilmu tetapi tidak boleh menyediakan pekerjaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Soalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Hah?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Soalan. Baiklah. Adakah pihak Sumber Manusia Berhad ini melatih graduan ini supaya jangan menjadi seperti Wakil Rakyat UMNO – Barisan Nasional dalam Dewan Yang Mulia ini

[Dewan riuh]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Masalah itu. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukup, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order.*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ini soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup. Baiklah Yang Berhormat. Cukup. Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order 36(6)*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Adakah, pihak Sumber Manusia Berhad ini melatih graduan ini supaya menjadi Ahli Parlimen seperti yang riuh rendah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah, cukup, cukup. Hah, soalan. Cukup. Yang Berhormat, saya fikir tak perlu jawablah.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tak perlulah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

■ 1030

- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Muar.
- Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua...
- Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih.
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tangga Batu?
- Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Eik...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya rasa jawapan itu...
- Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Ha, tidak payah jawab.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya rasa jawapan itu...
- Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Ini tidak ada kena-mengenalah.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya rasa itu bukan niat dialah. Bukan tujuan dia hendak satu jawapan yang tepat.
- Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Menyampuk]*
- Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baik, baik. Yang Berhormat tadi hendak latih seperti Ahli Yang Berhormat. Saya fikir Ahli Yang Berhormat semua baik. Tentu hendak latihkan...
- Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu sebab saya cakap Yang Berhormat hanya dibenarkan tanya satu soalan.
- Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Hati tidak betul, hati tidak betullah, Tuan Yang di-Pertua.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat Menteri hendak jawabkah?
- Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak jawab, okey.
- Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sungguhpun soalan kedua itu tidak langsung berkaitan dengan tujuan skim ini, namun demikian izinkan saya menjawab. Dari segi kos yang dibelanjakan kepada pelatih ini, selain daripada membiayai yuran-yuran yang dikenakan, kerajaan juga membiayai sedikit yuran *allowance* kehidupan kepada pelatih-pelatih sebanyak RM500 sebulan. Jadi untuk kursus yang mengambil tempoh enam bulan, kita belanjakan lebih kurang RM3,000 dan untuk kursus 10 bulan, kita belanja lebih. Secara purata, yuran untuk kursus setiap orang pelatih adalah di antara RM3,000 hingga RM5,000 atau RM6,000 dengan

mengambil kira jenis bidang dan sebagainya. Jadi secara purata kerajaan memang sayang terhadap pelatih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, memang skim ini merupakan skim pertama di dunia di mana kerajaan membiayai semua kos untuk menentukan graduan-graduan tersebut mendapat pekerjaan dan daripada *feedback* ini, hampir semua pelatih telah menyatakan terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana menjalankan kursus ini. [Tepuk] Mereka menyatakan itu secara sukarela.

Oleh kerana semua kursus ini dijalankan oleh sektor swasta, tidak berkaitan langsung dengan kerajaan. Oleh yang demikian, mereka menyatakan terima kasih kepada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar, sila.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semenjak dilancarkan pada tahun 2001, syarikat di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad ini kita lihat telah banyak kejayaan dicapai dan kita dapati ada 7,000 orang terlibat dengan dana hampir RM100 juta. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana dasar ini telah berjaya meningkatkan penglibatan graduan yang tidak bekerja.

Soalan saya ada dua. Pertama, saya hendak tahu siapa yang ada dalam Syarikat Pembangunan Sumber Manusia Berhad yang menentukan dasar-dasar pendekatan perbelanjaan dan melatih graduan.

Yang kedua, apa peranan syarikat dalam menentukan tumpuan diberi kepada pengumuman kerajaan dalam sektor pertanian supaya graduan yang terpilih dapat dilatih bagi mengisi kekosongan sektor pertanian dan di Johor ada Wilayah Pembangunan Iskandar. Bagaimana syarikat ini dapat melatih profesional yang tidak bekerja supaya dapat mengisi sektor perkhidmatan di Wilayah Pembangunan Iskandar kelak? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. PSMB atau Pembangunan Sumber Manusia Berhad sebagai satu badan korporat memang mempunyai cara-cara tertentu untuk menentukan kursus dan kursus-kursus tersebut ditentukan oleh satu jawatankuasa selepas perbincangan secara mendalam dengan wakil-wakil majikan dan juga wakil-wakil kesatuan sekerja untuk mengambil kira atau mengambil tahu sektor-sektor mana yang amat memerlukan pekerja-pekerja dan sebagainya.

Kursus itu kita selalu ubah. Kalau ada wakil-wakil majikan atau persatuan majikan yang perlukan kursus-kursus baru, kita sanggup terima dan kita tawarkan kursus tersebut sebagai kursus tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun kebanyakan kursus-kursus tersebut adalah berkaitan dengan komunikasi, ICT dan sebagainya, tetapi kita juga mempunyai kursus-kursus lain berkaitan dengan pertanian seperti sijil untuk pengurusan tanah, kursus-kursus *entrepreneurship* dan sebagainya.

Namun demikian, belum ada kursus-kursus yang 100% berkaitan dengan pertanian memandangkan bahawa kita rasa itu adalah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi menyalurkan informasi, isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan serta pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai media rasmi kerajaan, Kementerian Penerangan mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, program-program pembangunan dan isu-isu semasa kepada rakyat. Pendekatan yang digunakan oleh kementerian ini adalah melalui media elektronik, media cetak dan melalui komunikasi bersemuka.

Pendekatan melalui media elektronik yang diamalkan oleh Jabatan Penyiaran atau RTM dan Filem Negara menyebarkan maklumat-maklumat menerusi program-program yang disiarkan oleh TV dan radio. Ini termasuk program berita, Bicarawara, rancangan-ancangan sketsa, drama dan hiburan serta kapsul-kapsul ucapan dan penjelasan pemimpin-pemimpin negara secara intensif mengenai dasar dan isu-isu tertentu supaya rakyat memahaminya.

Penyebaran maklumat melalui komunikasi bersemuka dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan dan JASA melalui program ceramah, taklimat, pentas bergerak, gerak tumpu, Forum Perdana, gotong-royong, pemimpin bersama rakyat, kenduri kampung dan ziarah. Pendekatan komunikasi bersemuka disokong dengan risalah-risalah dan buku-buku kecil mengenai isu-isu tertentu yang diedarkan di program-program berkenaan.

Melalui media cetak pula, kementerian mempunyai input-input yang dijadikan punca berita untuk disiarkan oleh akhbar-akhbar di dalam dan juga di luar negara dan diselaraskan oleh BERNAMA. Kementerian ini akan terus melaksanakan program-program seperti yang di atas bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa. Pada masa yang sama, kementerian ini juga akan mengkaji keberkesanan setiap program yang dilaksanakan dan akan membuat penambahbaikan.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Kita tahu bahawa maklumat ini sangat penting dan kita mesti pastikan bahawa maklumat yang betul itu dapat disampaikan hingga ke akar umbi. Jadi daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian, adakah kementerian mempunyai maklumat tentang berapa ramai yang telah memperoleh maklumat-maklumat yang penting ini? Adakah kementerian mempunyai maklumat sedemikian? Sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan ini, apakah peranan Filem Negara dalam menerbitkan kapsul untuk orang ramai? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Penerangan memberi maklum balas dan juga menjalankan kajian-kajian tentang keberkesanan program-program yang dijalankan. Laporan yang berkenaan meliputi kehadiran atau bilangan orang yang hadir dalam program itu dan kajian seperti soal selidik dan sebagainya akan dijalankan. Maklum balas daripada kajian ini akan diambil kira sama ada untuk menjalankan atau menggantikan program-program yang tidak berkesan ataupun mengadakan satu pendekatan yang lebih baik untuk mencapai satu keberkesanan yang lebih baik. Itulah langkah-langkah yang akan dijalankan. Program-program yang diadakan atau diadakan oleh Kementerian Penerangan selalunya boleh dikatakan mendapat sambutan yang baik sekiranya mendapat sokongan daripada wakil rakyat dan juga pertubuhan-pertubuhan tempatan.

■ 1040

Sempena sambutan 50 tahun merdeka ini, memang ada banyak program yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan. Di bawah Filem Negara Malaysia memang ada lebih daripada 88 kapsul, dokumentari dan sebagainya telah di keluarkan oleh Filem Negara Malaysia. Di bawah pendidikan dokumentari ada beberapa program dan *trailer* yang digunakan adalah berkenaan dengan kronologi sejarah sebelum dan selepas.

Tahun ini merupakan Tahun Melawat Malaysia, jadi dengan kerjasama Kementerian Pelancongan memang Filem Negara Malaysia akan mengeluarkan lebih kurang lapan kapsul yang mengemukakan pulau dan tempat-tempat peranginan yang boleh menarik pelancong-pelancong. Dan satu *trailer* atau dokumentari yang boleh kata berkesan ialah temu bual dengan Perdana Menteri Malaysia. Yang mana pertama, di mana kita telah menyiarkan versi Bahasa Malaysia pada 8 Februari. Oleh kerana ada permintaan versi *voice over* di dalam Bahasa Mandarin pula telah disiarkan pada 9 April baru-baru ini. Dan DVD yang di keluarkan sebanyak 10 ribu itu telah pun *sold out* di mana banyak tempat seperti stesen RTM, pusat maklumat rakyat dan juga di koperasi di mana laporan yang kita terima semuanya sudah habis dijual. Sehingga kita perlu mencetak versi yang ke dua, sekian terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam TV Bernama telah membuat pengumuman bahawa mereka akan ada satu perjanjian Buletin Utama dalam Astro. Apakah banyak berita-berita RTM ini kadang-kala terlewat kerana setengah kaki tangan kontrak mereka mengambil jalan memilih untuk menyertai stesen TV yang lain.

Dan semalam kebetulan saya di fahamkan sebuah stesen TV dari sebuah negara asing telah menemu ramah mufti Perak berhubungan dengan isu tentang murtad kalau tak silap saya. Jadi apakah pendekatan yang di buat oleh RTM tentang penyampaian maklumat.

Selain daripada Yang Berhormat sebut tadi selain daripada drama, ada program-program bersama Menteri, Debat Perdana, *live telecast*, barangkali sudah tiba masanya RTM memikirkan penyampaian maklumat melalui sistem maklumat ringkas (SMS) dalam *handphone* daripada

penyebaran berita-berita fitnah yang boleh merosakkan akidah dan yang boleh merosakkan perpaduan di kalangan rakyat.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bahawa sistem maklumat RTM ini boleh diperluaskan lagi termasuk kepada penyampaian maklumat ringkas (SMS) daripada kita mendengar dan menerima maklumat merupakan berita-berita fitnah yang tidak menguntungkan rakyat dalam masyarakat kita, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA mempunyai satu perjanjian dengan Astro di mana berita BERNAMA akan disiarkan lebih kurang dua jam sehari di dalam Astro, di dalam *channel* Prima, RIA, AEC dan juga Vannavil. Melalui program ini boleh dikatakan lebih berkesan menyiarkan berita-berita, melalui lain-lain *channel* atau stesen.

Cadangan Yang Berhormat mengenai SMS memang telah dijalankan dan dilaksanakan oleh BERNAMA. Di mana berita-berita yang ringkas pun telah dijalankan oleh BERNAMA. Dan melalui banyak-banyak program di mana kita menggalakkan maklum balas melalui SMS. Dan juga kita maklum balas melalui SMS ini boleh merupakan satu cara ini boleh dikatakan baru yang berkesan di mana ..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Disampuk]* dengan izin Yang Berhormat, itu yang dibayar Yang Berhormat kalau saya mintak secara percuma .

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau percuma memang kita akan mengkaji tentang kos efektif dan juga apakah belanjawan yang perlu sebelum kita membuat keputusan. Tapi cara-cara yang lain boleh melalui internet dan kemungkinan besar kita boleh menerima melalui *hand phone* siaran digital yang di keluarkan oleh RTM. Jika kita boleh melaksanakan program-program pada tahun yang akan datang, sekian terima kasih.

5. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah keberkesanan "Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan" sejak program ini dipraktikkan. Adakah program ini benar-benar mencapai matlamat kementerian.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau nama singkatannya RIMUP merupakan program yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada tahun 1986, semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pelajaran.

Program tersebut melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama antara berbagai aliran sekolah di negara ini iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk di kalangan murid sekolah.

RIMUP juga merupakan antara komponen utama dalam teras satu membina negara bangsa Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Bagi memastikan RIMUP

dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh di pelbagai aliran sekolah dalam negara, kementerian telah mengadakan sesi taklimat kepada pihak yang terlibat dan telah menyediakan buku panduan RIMUP bagi membantu Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah untuk mereka merancang dan membuat pengisian bagi mencapai matlamat program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada Januari 2007 tahun ini juga kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak 25.8 juta agar RIMUP dapat di laksanakan dengan lebih menyeluruh dan sistematik. Peruntukan tersebut juga meliputi 2.4 juta bagi memberi latihan kepada 9,938 guru dan pegawai kementerian supaya mereka dapat benar-benar menghayati konsep dan objektif RIMUP.

Perlaksanaan RIMUP juga melibatkan komponen teknologi komunikasi maklumat atau ICT iaitu menerusi pelaksanaan e-Intergrasi yang melibatkan satu sistem *interactive virtual* dan juga *physical* yang berasaskan tema-tema perpaduan untuk menggalakkan pembelajaran merentasi budaya, persefahaman, saling hormat-menghormati dan semangat toleransi di kalangan peserta. Program e-Intergrasi ini telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 29 Januari 2005 di Kepala Batas , Pulau Pinang.

Selain daripada aktiviti-aktiviti bersama yang melibatkan pelbagai aliran sekolah seperti sukan dan permainan, lawatan dan juga perkhemahan, perayaan dan perhimpunan serta aktiviti untuk kecemerlangan akademik . RIMUP juga memberi ruang kepada masyarakat setempat dan ibu bapa di peringkat perancangan dan pelaksanaannya. Aktiviti-aktiviti yang di laksanakan di bawah RIMUP juga mampu menyemai sikap kerjasama, tolong-menolong dalam suasana muhibah di kalangan pelajar daripada aliran sekolah yang berbeza.

Perpaduan dan integrasi nasional Tuan Yang di-Pertua merupakan agenda negara dan perkara ini termaktub di dalam cabaran pertama Wawasan 2020. Menerusi pelaksanaan jangka panjang RIMUP secara konsisten di peringkat sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia amat yakin bahawa bukan sahaja ia dapat melahirkan generasi muda yang berupaya membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian tetapi mampu juga mewujudkan satu jambatan yang menghubungkan sekolah-sekolah pelbagai aliran di bawah satu aspirasi nasional yang sama.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua , terima Yang Berhormat Menteri. Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan adalah begitu penting untuk generasi yang akan datang.

Jadi soalan tambahan saya, untuk tahun 2006 berapakah Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan telah dilaksanakan di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah di seluruh negara kita. Dan agaknya berapa ramai pelajar-pelajar kita telah mengambil bahagian

dalam program ini. Dan boleh kah Yang Berhormat Menteri menentukan pasti mengadakan satu program peringkat negeri murid-murid sekolah rendah dan juga di sekolah menengah sekian terima kasih.

■ 1050

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengadakan program setiap negeri merupakan satu cadangan yang baik dan saya bersetuju. Keduanya berhubung kait dengan pelaksanaan RIMUP ini ianya dijalankan secara berkelompok dengan mengambil kira kriteria jenis sekolah berhampiran. Bermakna ada kelompok-kelompok tertentu di sekolah rendah contohnya

- Kelompok A - SK, SJKC dan SJKT.
- Kelompok B, - SK dan SJKC,
- Kelompok C - SK dan SJKT,
- Kelompok D - SKJC dan SJKT.

Setakat hari ini sekolah rendah jumlah kelompok yang telah melaksanakan program RIMUP adalah sebanyak 1,387 buah iaitu 394 Kelompok A, 927 Kelompok B, 142 Kelompok C dan 14 Kelompok D.

Pada masa yang sama kita juga mengizinkan sekolah-sekolah berkenaan untuk mengadakan program-program persendirian di mana mungkin lokasinya tidak sesuai untuk kita gandingkan tiga aliran ini dan 4,044 buah sekolah telah pun menjalankan program ini. Di peringkat sekolah menengah pula program RIMUP telah dilaksanakan di 457 Kelompok A dan 83 Kelompok B sementara di peringkat sekolah sendiri sebanyak 800 buah sekolah telah pun terlibat. Di peringkat sekolah menengah sekurang-kurangnya dua buah sekolah menengah kebangsaan di Kelompok A, sekurang-kurangnya dua buah sekolah menengah kebangsaan termasuk sekolah menengah kebangsaan yang dahulunya dikenali sebagai sekolah menengah jenis kebangsaan Cina (SMJKC) dalam Kelompok B.

Dari segi jumlah pelajar kita membenarkan pihak sekolah yang terlibat untuk memikirkan kaedah dan program yang paling sesuai untuk sekolah masing-masing dan seperti saya janji dan telah pun menyatakan di dalam Dewan ini di bawah PIPP kita akan melaporkan perancangan kita dan kejayaan kita dua kali setahun, bulan Jun ini kita akan memaklumkan jumlah pelajar yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia sudah terkenal dengan peristiwa menghunus keris. Dalam konteks selama

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Point of order, point of order .*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]* Itu cerita lamalah Ipoh Timor.

[Dewan gamat]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sehingga ada wakil dan ada tanya bila keris akan digunakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order* sudah lari daripada tajuk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

[Dewan gamat]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat menghina

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Selama peristiwa ini tidak dijelaskan Yang Berhormat Menteri telah hilang kelayakan untuk menjadi satu lambang

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hunus keris perkara biasalah dalam budaya orang Melayu, dia bukan mahu tikam orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat semua duduk. Yang Berhormat bagi Jerai sila duduk. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ia mengenai perpaduan.....

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya anggap tidak kena-mengena dengan soalan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun dan menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jerai cari *Point of Order*. Jerai sudah dapat *Point of Order*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order 36(9)*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri rela minta maaf, supaya ketepikan yang menjadi lambang perpaduan.

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta semua duduk termasuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak beri kepercayaan kepada Yang Berhormat Menteri tidak payah keluarkan soalan.

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat berhak berdiri saya berhak memberikan teguran. Bila saya beri teguran minta semua duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya kemukakan soalan tambahan saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

[Dewan gamat]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun dan menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa ganggu saya? Apa ini, ini *floor* saya. Soalan tambahan, boleh saya tanya soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Tangga Batu sila duduk, semua duduk. Yang Berhormat, kalau kata Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat diganggu sebenarnya saya lagi diganggu. Keluarkan soalan kalau tidak saya tiak benarkan.

[Dewan gamat]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalannya ialah, Tuan Yang di-Pertua adakah Yang Berhormat Menteri rela untuk meminta maaf atas apa yang berlaku.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berhak untuk dikeluarkan Peraturan Mesyuarat *[Menyampuk]*

[Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Baik, baik, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menggalakkan segala usaha-usaha perpaduan termasuk RIMUP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk semua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 36(9)(c), Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak jawab kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 36(9)(c) Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sila. Yang Berhormat bagi Jerai duduk.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini pagi-pagi hari melatah dan beremosi ini apa pasal? Mungkin hendak gunakan untuk bahan di pilihan raya kecil DUN Ijok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya hendak nasihatkan kepada Yang Berhormat, perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan rakan-rakan Yang Berhormat di Machap tetapi kalah juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya telah sebut pengundi-pengundi keluar untuk BN turun, jatuh.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Jawapan kepada soalan itu ialah nawaitu, niat, keikhlasan kita. Orang ramai pun mengetahui, bangkitlah macam mana isu perkauman Yang Berhormat akhirnya rakyat akan tolak juga isu-isu sebegini. Jadi kalau Yang Berhormat gunakan untuk Ijok ingat dulu benda yang sama dibangkitkan di Machap tetapi kalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: DAP balik kampung, apa macam?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, yang kita bangkitkan ini merupakan satu perkara yang serius bukan untuk dipolitikkan dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak ada kena-mengena dengan soalan asal. Saya tidak perlu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pulaui sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Eh, dua lah soalan tambahan, bagilah peluang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pulaui sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi ganggu bagilah soalan ketiga, 36(9). Tuan Yang di-Pertua, 36(9)(c).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik saya akan meneliti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini orang memang jahat punya.

6. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia mengenai keputusan negara Jepun untuk mengaktifkan angkatan tenteranya untuk tujuan peperangan walaupun sebelum ini Jepun bersikap mempertahankan diri. Adakah kerajaan bimbang mengenai kemungkinan Jepun menggunakan kekuatan tenteranya untuk menjelajah rantau Asia Tenggara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pulaui di atas soalan yang dikemukakan. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri Shinzo Abe sejak September 2006, Kerajaan Jepun telah melakukan beberapa perubahan dasar. Salah satu perubahan dasar ialah menaiktarafkan *Japan Defense Agency* dengan izin kepada status Kementerian Pertahanan dan melantik seorang Menteri Pertahanan.

Dalam perbahasan usul menaiktarafkan agensi tersebut, Parlimen Jepun telah dimaklumkan oleh Kerajaan Jepun bahawa penaiktarafan agensi kepada status kementerian tidaklah membawa perubahan besar kepada dasar pertahanan Jepun. Bagaimanapun keputusan tersebut adalah penting bagi pertahanan negara Jepun dan kebergantungan mereka ke atas Amerika Syarikat. Dalam hal ini Kerajaan Malaysia menyambut baik akan penaiktarafan agensi tersebut ke status kementerian. Malaysia menganggap bahawa keputusan tersebut bukan bermakna bahawa Jepun akan mengaktifkan angkatan tenteranya untuk tujuan peperangan sebaliknya Malaysia dunia Jepun boleh bekerjasama di dalam bidang ketenteraan dan misi pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kerajaan Malaysia juga tidak bimbang mengenai kemungkinan Jepun menggunakan kekuatan tenteranya untuk menjajah rantau Asia Tenggara. Tragedi peristiwa hitam, serangan bom nuklear di Nagasaki dan Hiroshima telah banyak mengubah pendirian Jepun dalam pelbagai aspek. Rakyat Jepun sendiri sekarang tidak setuju dengan tindakan tentera Jepun dalam Peperangan Dunia Kedua. Kini Jepun telah berminat untuk bekerjasama di pelbagai bidang

dengan negara-negara lain termasuk Malaysia ke arah keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran rantau Asia Timur.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang baik tadi. Saya sebenarnya hendak melahirkan kebimbangan rakyat Malaysia kerana kita selalu diingatkan oleh bapa atau datuk kita mengenai kekejaman tentera Jepun di Tanah Melayu sewaktu Perang Dunia Kedua dahulu dan sekarang ini Jepun ditekan oleh isu *comfort woman*. Oleh itu kita akan terus merasa bimbang mengenai tujuan *military* Jepun ini. Soalan tambahan saya adakah tindakan Jepun sekiranya tidak mengaktifkan angkatan tenteranya tetapi menghidupkannya semula didorong oleh tingkah laku Korea Utara yang ungal dengan pembangunan program senjata nuklearnya ataupun sebenarnya didorong oleh Amerika Syarikat yang mahukan Jepun memainkan peranan yang lebih besar di rantau Asia Timur dan Asia Tenggara ini untuk mengimbangi kekuatan angkatan tentera China yang semakin meningkat. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pulau sebentar tadi. Terdapat pelbagai pandangan yang mengatakan bahawa terdapat beberapa isu yang berlaku terutama sekali di rantau Asia Timur hingga mendesak Jepun untuk mengaktifkan bidang ketenteraannya. Tetapi daripada apa yang kita perhatikan misalnya, bajet tahunan Jepun yang terakhir sekali dalam tahun 2007 ini untuk 2007, daripada keseluruhan bajet Jepun sebanyak kira-kira USD700 bilion, peruntukan untuk pertahanannya hanya USD40 bilion iaitu kira-kira 6% daripada keseluruhan bajetnya. Ini bermakna kalau kita lihat, *trend* ini tidak berubah daripada dahulu hingga sekarang. Artinya isu tentang Jepun ingin meningkatkan ketenteraannya tidak timbul sama sekali.

Perkara-perkara lain yang memerlukan atau mendesak Jepun untuk menjadi satu kuasa tentera ia memerlukan suasana *xenofobia* ataupun kebencian kepada negara-negara asing, rakyat asing dan sebagainya yang masih belum wujud di sana dan ia memerlukan penggembleran dari segi kehidupan bermasyarakat mereka dari segi perundangan, politik dan sebagainya.

Jadi perkara kita tidak merasakan perkara ini sebagai sesuatu yang membimbangkan walaupun Jepun dilihat sangat prihatin tentang perkembangan yang berlaku terutama sekali di Semenanjung Korea sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jepun pada minggu lalu telah dilawati oleh pemimpin besar dari China. Kita melihat bahawa China bukan sahaja merupakan satu kuasa besar bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi dari segi ketenteraannya (*military*). Apakah kerajaan tidak melihat kerjasama ketenteraan antara Jepun-China ini boleh mengganggu-gugat ketenteraman yang ada di Asia ini.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, soal kerjasama tidak membimbangkan. Yang membimbangkan ialah sekiranya berlaku konflik. Bila berlaku konflik ketenteraan, masing-masing akan cuba mencari pengaruh masing-masing dan ideologi ini tidak berlaku di mana ia boleh mencetuskan satu konflik ketenteraan. Saya rasa kerjasama misalnya, dalam soal yang berlaku dalam perkara-perkara yang melibatkan keamanan dunia sekarang ini. Malaysia menganggap bahawa Jepun perlu lebih aktif dalam menghantar misi pengamannya di bawah payung ataupun panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu. Tetapi Jepun tidak boleh berbuat demikian kerana ada sekatan-sekatan selepas Perang Dunia Kedua. Ia hanya menghantar tentera mereka ke tempat-tempat seperti Iraq dan sebagainya, hanya menghantar bagi tujuan-tujuan keamanan, pembangunan semula dan kontraktor yang dihantar. Sedangkan negara kecil seperti Malaysia boleh menghantar tenteranya.

Jadi ramai yang menganggap kenapa negara besar, negara kaya yang berkemampuan seperti Jepun hanya menghantar duit, menghantar kontraktor, sedangkan negara kecil boleh menghantar tenteranya sehingga orang mengatakan bahawa negara miskin nilai rakyatnya adalah rendah, negara kaya hanya boleh menghantar wang semata-mata. Jadi perkara ini, pembangunan yang ada dalam pemikiran kepimpinan di Jepun sebagaimana yang disebutkan tadi menukar daripada sekadar agensi kepada kementerian yang membolehkan mereka memainkan peranan yang aktif adalah satu perkara yang harus kita alu-alukan dalam soal ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan tambahan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak boleh. Nantilah. Soalan yang lain nanti bolehlah. [*Ketawa*] Yang Berhormat bagi Kapit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bagus, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti saya akan pilih Yang Berhormat bangun untuk soalan tambahan.

7. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar menikmati perkhidmatan perpustakaan. Bolehkah kementerian mempertimbangkan penggunaan bot bergerak bagi tujuan tersebut di kawasan Parlimen Kapit.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi strategi kerajaan untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar bagi membolehkan rakyat menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan dan capaian kepada bahan bacaan. Sehingga kini sebanyak 194 unit perpustakaan desa telah dibangunkan di negeri Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sebanyak dua unit perpustakaan desa telah dibangunkan di kawasan Kapit melalui projek perpustakaan desa di bawah peruntukan khas belanja mengurus tahun 2005 dan tahun 2006. Kerajaan akan mempertimbangkan kesesuaian dan keupayaan bagi penyediaan perkhidmatan perpustakaan bot bergerak di kawasan Kapit. Sekian.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kerana seperti yang telah diumumkan sebentar tadi pada tahun lepas telah diwujudkan sebuah sahaja perpustakaan desa di Taman Ixora Indah di kawasan Parlimen Kapit dan yang satu lagi di kawasan Hulu Rejang. Terima kasih. Akan tetapi hanya satu sahaja tidaklah mencukupi. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, berapa buah lagi akan diwujudkan di daerah Kapit dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan berapakah yang telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini diberi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi tujuan mewujudkan perkhidmatan perpustakaan bergerak menggunakan bot sebab di Sarawak ini Sungai Batang Rajang adalah sungai yang terpanjang dan terbesar di Malaysia. Banyak kampung-kampung atau rumah-rumah panjang penduduk-penduduk di kawasan pedalaman tinggal di kawasan sebelah tebing sungai. Sekiranya ada perkhidmatan bergerak ini dapatlah kita menepati matlamat untuk menyediakan satu perkhidmatan kepada rakyat di Sarawak. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kapit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negeri Sarawak pada mulanya memohon peruntukan sebanyak RM450,000 untuk sebuah bot yang dilengkapi dengan buku-buku dan peralatan tetapi kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak RM200,000 sahaja. Namun begitu kita menggantikan bot bergerak dengan satu perpustakaan desa yang kosnya sebanyak RM200,000 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kapit iaitu di Taman Ixora Indah. Walau bagaimanapun kita tidak lepas tangan tentang permintaan sebab peruntukan awal yang diberikan iaitu sebanyak RM200,000 tidak mencukupi. Kita akan mempertimbangkannya. Sebab saya difahamkan di sepanjang sungai Rejang, penduduk-penduduk menetap di tepi sungai, jadi khususnya di sungai ini, di pedalaman maka perpustakaan bot bergerak sangat sesuai, jadi kita akan mempertimbangkan dan mementingkan permintaan daripada Yang Berhormat.

■ 1110

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pengurusan untuk tahun 2007 untuk Sarawak adalah RM6.6 juta dan untuk pembangunan hanya RM300,000 sahaja. Sebab untuk tahun 2005 dan tahun 2006, kementerian saya mendapat peruntukan khas. Pada tahun 2005 sebanyak RM30 juta dan tahun 2006 sebanyak RM85 juta. Negeri yang dapat paling banyak perpustakaan desa adalah daripada Sarawak di seluruh negara iaitu saya tadi telah sebut sebanyak 194. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak khusus kepada soalan. Kerajaan telah memperkenalkan sukan malam sebagai aktiviti pencelahan golongan muda. Cadangan telah diberikan kepada kementerian supaya perpustakaan juga dibuka pada waktu malam sebagai satu aktiviti pencelahan yang penting bagi golongan muda. Apakah rancangan dan tindakan kerajaan mengenai perpustakaan dibuka pada waktu malam ini? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang baik tetapi kita lihat daripada segi kewangan. Pada masa ini, perpustakaan kami dibuka pada siang hari iaitu pada pagi sehingga petang. Untuk hujung minggu di sesetengah perpustakaan, kita ada aktiviti-aktiviti lain supaya kita dapat menarik orang ramai khususnya pemuda dan pemudi untuk menggunakan kemudahan perpustakaan selain daripada rujukan buku dan sebagainya. Kalau ada peruntukan yang lebih, kita boleh bincangkan. Sekian, terima kasih.

8. Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk meratifikasikan semua konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai hak asasi manusia dan juga menandatangani perjanjian-perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pelarian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat di atas soalan yang dikemukakan. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menggubal enam konvensyen yang merupakan konvensyen asas berhubung dengan hak asasi manusia. Malaysia telah menjadi parti kepada dua daripada konvensyen-konvensyen berkenaan iaitu Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak dan Konvensyen Mengenai Pembasmian Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita. Konvensyen-konvensyen tersebut telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1995.

Sebagai langkah memastikan kerajaan prihatin terhadap isu-isu hak asasi manusia dan berusaha untuk meningkatkan perlindungan terhadap hak-hak asasi rakyat Malaysia secara berterusan, Kementerian Luar Negeri telah dan sedang mengkaji beberapa triti-triti utama tadi ke arah penyertaan Malaysia dalam triti-triti tersebut tanpa membawa kemudaratan kepada kedaulatan dan keselamatan negara. Pada masa yang sama, ia tidak mengkompromikan polisi dan ciri-ciri kebudayaan yang sedia ada. Pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri juga mengambil langkah mengkaji semula reservasi-reservasi yang telah dimasukkan ke atas beberapa peruntukan dalam kedua-dua triti yang telah diratifikasikan oleh Malaysia dengan tujuan menarik balik reservasi yang telah lapuk.

Berhubung perjanjian mengenai pelarian pula, pada masa ini pihak Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk menyertai Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Taraf Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Kerajaan berpendapat sekiranya Malaysia menjadi negara pihak pada konvensyen tersebut dan didokong oleh faktor kedudukan geografi Malaysia

yang strategi di rantau ini, ia akan menjadi faktor penarik pada para pelarian untuk datang ke Malaysia. Namun begitu, Kementerian Luar Negeri dan agensi kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan pejabat UNHCR dalam soal-soal yang melibatkan orang-orang pelarian di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih atas jawapan. Berkaitan dengan *human rights* ataupun hak asasi manusia yang mana berdasarkan kepada perisytiharan yang dibuat daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1948 yang mana hak asasi tadi berasaskan kepada empat kebebasan utama iaitu kebebasan dalam segi ketakutan, kemahuan, bersuara dan juga kepercayaan. Yang amat jelas ialah pengaruh politik adalah memainkan peranan rapat dalam membentuk sesuatu undang-undang. Kita ambil contoh sebagai ISA yang mana ISA tadi bergantung kepada faktor keselamatan yang agak selari dan juga mempunyai latar belakang yang hampir sama atau rasional dengan Akta Patriot di Amerika Syarikat yang mana sudah diterima dan diakui oleh masyarakat antarabangsa.

Jadi berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi, soalan saya ialah bagaimana kita sebagai sebuah negara yang berdaulat hendak memastikan yang hak dan juga nilai kita serta soal keselamatan dapat difahami oleh seluruh masyarakat antarabangsa tanpa menjejaskan usaha kita untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat antarabangsa tersebut? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan 'Seri' Yang di-Pertua, saya sendiri pernah berjumpa dengan Pesuruhjaya...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, naik pangkat. Tuan yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketua Pembangkang tanya bila?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ketua Pembangkang mahu jugakah? Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sempat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu apa itu? Mahu apa?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Mahu jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, jawablah. [Ketawa]

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah berbincang dengan Pesuruhjaya Majlis Hak Asasi Manusia yang berpejabat di Geneva. Mereka memahami Malaysia adalah antara negara yang kurang meratifikasikan semua konvensyen tadi. Ia menimbulkan beberapa masalah dari segi imej negara kita kerana kita lambat meratifikasikan beberapa konvensyen tetapi beliau mengatakan bahawa mereka memahami Malaysia kerana ada perkara-perkara asas yang kita fikirkan bahawa apa guna kalau kita meratifikasi tetapi kita

tidak membuat susulan dengan segera tentang semua perkara-perkara yang berkaitan dengan konvensyen-konvensyen tadi.

Ada negara yang terus meratifikasikan konvensyen-konvensyen yang disebutkan. Banyak negara-negara di Afrika dipersoalkan dari segi rekod hak asasi manusia mereka tetapi tidak dilaksanakan di peringkat negara mereka. Sebab itulah dalam soal ini, kita katakan Malaysia akan terus berperanan mengatakan bahawa kita akan cuba sedaya upaya. Kita perlukan masa untuk memikirkan apakah cara untuk kita menerangkan kepada dunia antarabangsa dalam proses kita meratifikasikan untuk bersama dengan negara-negara lain sejajar dengan zaman global.

Sekarang ini kita seiring dengan negara-negara yang mempunyai rekod yang baik dalam melaksanakan asas-asas penting pada hak asasi manusia. Kita terangkan kepada mereka kita ada keterbatasan yang tertentu buat masa sekarang. Sebagai contohnya, kalau dikatakan tentang soal konvensyen yang berkaitan dengan *torture* ataupun penderaan. Ada beberapa hal yang dikaitkan dengan undang-undang sebat misalannya. Adakah kita bersedia untuk membuang perkara ini - perkara-perkara yang berkaitan dengan soal asas dalam Perlembagaan kita dan hak istimewa orang Melayu misalannya. Apakah kita hendak membuang perkara ini dan sebagainya? Jadi inilah antara perkara-perkara yang kita rasakan melambatkan usaha kita untuk meratifikasikan semua konvensyen-konvensyen tersebut.

9. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan mengapakah hasil penyewaan gerai-gerai JKKK di seluruh negara khususnya di negeri Pahang hendak diserahkan kepada Pejabat Daerah dan tidak lagi kepada pihak JKKK.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menetapkan bahawa pihak agensi perlaksanaan projek iaitu pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan atau agensi kementerian dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengendali, menyelaras dan menyelenggarakan projek-projek gerai termasuk mengutip bulanan premis gerai. Setakat ini KLBW tidak pernah menyerahkan urusan penyewaan, penjagaan dan penyelenggaraan projek premis kepada pihak Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) termasuk di negeri Pahang. Sebaliknya semua urusan telah dipertanggungjawabkan kepada agensi pelaksana untuk melaksanakan.

■ 1120

Dalam hubungan ini, pihak Perbendaharaan Malaysia juga telah menegaskan bahawa pengurusan ataupun pengendalian hasil kerajaan adalah perkara yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Oleh yang demikian, pengutipan semua sewa bulanan yang dikenakan ke atas

premis–premis perniagaan KKL BW akan dikutip dan diuruskan oleh agensi pelaksana. Hasil sewaan tersebut adalah bertujuan untuk penyelenggaraan dan membaiki kerosakan yang berlaku supaya premis berkenaan sentiasa dalam keadaan baik, kemas dan bersih serta selesa untuk kemudahan pengguna. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Secara praktisnya dan amalannya, bahawa gerai-gerai JKK terutamanya masyarakat di luar bandar dikendali dan ditadbir urus oleh JKK dan juga kutipan bagi sewa-sewa ini dimasukkan di dalam tabung untuk tabung aktiviti bagi JKK di sesebuah kampung. Ini saya rasa menjadi tanggung jawab kepada kerajaan untuk membantu masyarakat di luar bandar terutama sekali JKK dalam mengadakan aktiviti bagi setiap kampung masing-masing.

Sekiranya kementerian masih lagi ingin melaksanakan amalan supaya agensi pelaksana adalah dikehendaki mengutip hasil-hasil sewa bagi gerai-gerai JKK ini, adakah pihak Kementerian Luar Bandar ini bersedia untuk memberikan peruntukan tahunan kepada seluruh negara bagi mengadakan aktiviti contohnya RM500.00 bagi satu bulan dan kalau bagi setahun hanya RM6,000.00. Bersediakah kementerian untuk memberikan peruntukan supaya JKK dapat mengadakan aktiviti gotong-royong dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Dewan yang mulia sedia maklum, JKK adalah di bawah pentadbiran kerajaan negeri, pihak berkuasa kerajaan negeri. Jadi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah setakat ini hanyalah menyalurkan bantuan dari segi elaun kepada Pengerusi JKK ataupun Ketua Kampung yang telah diperkenalkan ataupun dimajukan oleh pihak berkuasa negeri. Namun demikian, saranan ataupun permohonan Yang Berhormat itu kita boleh bawa kepada pihak kementerian untuk dibincangkan dengan lebih teliti lagi. Sekian.

10. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan bagaimanakah kerajaan ingin membantu pengusaha-pengusaha ternakan tenusu terutamanya dari kalangan masyarakat India supaya permintaan tinggi terhadap susu segar dapat dipenuhi melalui sumber tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam usaha meningkatkan pengeluaran susu tempatan, kerajaan telah menggariskan lima strategi, iaitu:-

- (i) Meningkatkan populasi asas ternakan Mafriwal untuk pengeluaran susu yang mampan dan ekonomik;
- (ii) Kedua meningkatkan keupayaan daya saing industri tenusu;
- (iii) Menambah baik persekitaran dan prasarana, *business and skill incentive*;

- (iv) Memperkukuhkan langkah *sanitary* dan *phytosanitary*; dan
- (v) Menambah baik kualiti produk dan pengeluaran produk tambah nilai tenusu.

Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga memainkan peranan untuk menyampaikan perkhidmatan sokongan dan kawalan penyakit kepada ladang penternak dan menyediakan Pusat Pembangunan Industri Tenusu (PPIT) yang berfungsi membantu memasarkan susu mentah. Penglibatan penternak khususnya masyarakat India, dalam sistem penternakan berskala besar dapat meningkatkan pengeluaran susu. Walaupun sistem penternakan berskala besar memerlukan input dan modal yang besar, bantuan pinjaman 3F dan insentif penggalakan seperti penyediaan bilik sejuk, peralatan perladangan diberi untuk membantu para penternak membiayai projek masing-masing. Pengusaha penternakan tenusu terutamanya dari kalangan masyarakat India, perlu mengubah cara pengurusan tradisional kepada amalan penternakan baik dengan mengambil kira keperluan pelanggan dan berkaitan dengan kualiti juga di samping meningkatkan pelaburan dengan membuat pinjaman 3F untuk membangunkan ladang dan menguruskan sebagai satu perniagaan. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan daripada lawatan seluruh Malaysia ke negeri-negeri daripada maklum balas masyarakat bahawa masalah utama mereka ialah masalah tanah dan tanah adalah dalam ruang lingkup kerajaan negeri.

Apakah usaha daripada kementerian untuk menyelaraskan pemberian tanah kepada petani-petani yang terlibat di dalam industri tenusu kerana ini merupakan satu perkara yang begitu asas sekali yang menjadi penghalang kepada perkembangan dan juga bantuan-bantuan yang disediakan. Ramai daripada mereka tidak dapat menerima bantuan akibat daripada kekangan ini dan saya juga dimaklumkan bahawa mereka memerlukan bantuan daripada segi latihan kemahiran, modal dan teknologi.

Walaupun kementerian sudah ada, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perangkaan-perangkaan yang sedia ada menunjukkan bahawa bantuan yang secukupnya telah disalurkan kerana maklumat di bawah peringkat akar umbi adalah tidak cukup. Minta penjelasan.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Berkaitan dengan masalah tanah, kementerian akui bahawa di beberapa negeri, kita ada masalah trans-lokasi projek apabila ada pembangunan tanah seperti di pinggir bandar atau *reserve* jalan dan sungai. Oleh itu sekarang ini, kementerian telah mengadakan beberapa perbincangan dengan negeri-negeri. Kita telah bekerjasama pada masa ini untuk industri tenusu. Kementerian bekerjasama dengan negeri dan kita ada *reserve* padang ragut yang dimiliki oleh kementerian dan pembahagian, kita telah bagi tanah-tanah lot kepada penternak-penternak tenusu dan bahagian pemilikan tanah adalah seperti berikut pada masa ini:-

- (i) India – 23 orang;

- (ii) Cina – 5 orang; dan
- (iii) Melayu – 14 orang.

Selain daripada itu, kita juga dapat kompelin daripada peternak kaum India di Selangor bahawa tanah yang sedia ada tidak mencukupi . Oleh itu, kita telah tawarkan projek di empat kawasan tanah padang ragut di Pahang untuk 29 peternak India yang bersedia untuk berpindah ke sana. Kita harap dengan adanya tapak kekal ini, mereka dapat memajukan perniagaan mereka.

Dari segi kursus, Jabatan Perkhidmatan Haiwan sentiasa ada dialog dengan penternak-penternak dan pada masa kini, kita ada menyediakan kursus-kurus di Institut Haiwan seperti di Institut Haiwan di Kluang, Johor yang menyediakan tiga kursus dalam lembu tenusu. Kita menggalakkan semua penternak untuk mengambil bahagian di dalam kursus ini. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang utama yang dihadapi oleh penternak lembu di negara ini adalah penternak lembu dan ternakan tenusu adalah pengeluaran, *the amount of milk*. Di mana lembu-lembu Australia boleh mengeluarkan lebih kurang 50 liter. Akan tetapi lembu-lembu yang ada di negara ini yang *cross breed* dengan *Indian cows* hanya dapat mengeluarkan lebih kurang, lebih-lebih 12 liter sahaja.

Apakah sebabnya hingga beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun kita ada lembu Mafriwal, ada *artificial insemination*. Tetapi nampaknya ini tidak progresif. Apakah sebabnya kementerian tidak dapat menolong pihak-pihak yang terlibat supaya lebih kuantum bila susu dapat dikeluarkan dan juga berkaitan dengan harga susu 1 liter yang diberi oleh MCC, Milk Collecting Centre oleh Jabatan Pertanian adalah RM1.35. Ini sudah *stagnant* lebih kurang 15 tahun. Adakah kerajaan mempunyai niat untuk meningkatkan harganya supaya lebih ramai orang dapat menjual dengan harga yang berpatutan kerana harga di pasaran adalah lebih kurang RM3.00 satu liter, walhal MCC hanya membeli dengan harga RM1.35 sen.

■ 1130

Datuk Mah Siew Keong: Yang Berhormat, berkaitan dengan produktiviti lembu tenusu, kita juga maklum dari segi produktiviti *breeding* kerana yang asal dari Australia tidak dapat *accommodate* dengan iklim di negara kita. Kita ada *research cross breeding* dan dalam *research* kita telah membuat kajian bahawa satu kelemahan adalah dari genetik dan pembakaan.

Oleh itu, JBS sekarang telah pergi berunding, memberi nasihat kepada semua penternak lembu tenusu. Bila kita buat *breeding*, cara yang terbaik adalah dengan *artificial insemination* tetapi mereka mesti menggunakan mani beku yang *authorized* oleh JBH dan mesti menggunakan *frozen sperm* sebagai satu cara yang terbaik. Tetapi kita mesti maklum bahawa banyak yang tidak menggunakan cara ini dan banyak yang menggunakan cara tradisional. Ini yang menyebabkan produktiviti pengeluaran susu masih rendah jika kita hendak *compare* dengan lain negara.

Yang kedua adalah berkaitan dengan pembelian susu. Sebenarnya kementerian tidak mendapat keuntungan apabila membeli susu dari penternak. Pusat Pembangunan Industri Tenusu telah membuat satu *service* dengan mengumpulkan susu itu dan selepas menyejukkannya, susu akan dijual terus kepada kilang dan mengikut harga pasaran. Walau bagaimanapun kini sebanyak 12 pusat Pembangunan Industri Tenusu telah dinaik taraf sebagai pusat pemprosesan untuk membuat kerja *pasteurization* dan kita harap dengan adanya peningkatan taraf ini, kita dapat meningkatkan harga yang kita dapat bayar kepada penternak-penternak tenusu ini. Terima kasih.

11. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan jumlah kes aduan pemandu teksi yang tidak berhemah atau pemandu samseng enggan menggunakan meter tambang dalam tempoh tahun 2006 dan apakah tindakan serta langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyelesaikannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh tahun 2006, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menerima sebanyak 2,011 aduan terhadap pemandu teksi yang tidak berhemah melakukan pelbagai jenis kesalahan.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 550 aduan berkaitan dengan pemandu teksi yang tidak menggunakan meter dan selebihnya berkaitan dengan pelbagai kesalahan lain seperti mengenakan tambang lebih, mengubahsuai meter, enggan mengambil penumpang, kegiatan melanggan penumpang, berkelakuan kasar terhadap penumpang dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, 550 aduan pemandu teksi yang tidak menggunakan meter, sebanyak 25 lesen telah dibatalkan, 5 lesen digantung, 450 teksi dikenakan tindakan kompaun, 40 pemegang lesen teksi diberi amaran, 18 kes ditutup dan dibebaskan kerana aduan tidak lengkap dan sebanyak 12 kes masih dalam siasatan.

Manakala baki sebanyak 1,461 kes aduan MECD melalui LPKP telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) batal lesen, 8 kes
- (ii) gantung lesen, 4 kes
- (iii) kompaun, 337 kes
- (iv) amaran, 256 kes
- (v) tiada kes dan kes tutup, 238
- (vi) dalam siasatan, 618 kes.

Sementara itu MECD melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan juga mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah seperti berikut:

- (i) Membangunkan sistem kupon teksi di tempat-tempat strategik yang bukan sahaja untuk memberikan kemudahan perkhidmatan kepada orang ramai bahkan juga merupakan satu sistem yang berkesan bagi menggantikan penggunaan meter teksi.
- (ii) Mengadakan kursus bagi meningkat kesedaran dan disiplin pemandu teksi supaya sentiasa mematuhi peraturan pelesenan.
- (iii) Mengedar kad aduan kepada orang ramai untuk membolehkan mereka mengemukakan aduan rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan teksi.
- (iv) Bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi membolehkan tindakan membatalkan, menggantung lesen pemandu pengangkutan awam dan pemandu teksi yang kerap melakukan kesalahan.
- (v) Mengadakan perkhidmatan kaunseling ke atas pemandu teksi yang melakukan kesalahan pelesenan termasuk kesalahan lalu lintas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, selesailah sesi soal jawab ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENAHANAN TIDAK SAH
FRANCIS NG WAI KONG DAN VICTOR HOO KIM SWEE
DI ARAB SAUDI**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong, sila.
11.37pagi

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya memberi notis di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membawa satu usul seperti berikut, bahawa saya Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Rakyat kawasan Tanjong, ingin mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak berunding dengan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan Akhbar *New Strait Times* pada 12 April 2007. Dua rakyat Malaysia iaitu Francis Ng Wai Kong dan Victor Hoo Kim Swee telah ditahan dan terperangkap di Arab Saudi sejak 100 hari lalu kerana salah faham berhubung dengan urusan perniagaan. Siasatan awal mendapati masalah berpunca daripada pertikaian dalam urusan perniagaan dan penahanan dua rakyat Malaysia itu dilakukan secara tidak sah.

Pejabat Konsulat Malaysia di Jeddah, Arab Saudi dikatakan sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi membawa pulang dua orang rakyat Malaysia ini. Akan

tetapi, mereka masih terperangkap dan hidup serba kekurangan di sebuah bilik kecil di Pejabat Konsulat Malaysia. Sudah melebihi 100 hari mereka terperangkap dan tidak ada pihak yang berminat untuk mencari jalan penyelesaian.

“Sometimes, I wonder if anybody is bothered”. Francis Ng Wai Kong memberitahu *New Straits Times* pada minggu yang lepas. *“We feel like captive and we are emotionally drained”*, mereka mengadu. Parlimen Malaysia dan Kerajaan Malaysia haruslah menunjukkan sikap *we care* tentang penderitaan rakyat Malaysia yang terperangkap di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan tindakan segera supaya kedua-dua rakyat Malaysia ini dapat dibawa pulang dengan kadar segera. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat bagi Tanjong pada hari Isnin, 18 April 2007 lalu. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu
- (ii) bagi kepentingan orang ramai dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Perkara ini tidak perlu disegerakan kerana saya difahamkan bahawa Kementerian Luar Negeri sedang mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara tersebut dan dalam masa yang sama perkara ini adalah dalam pertimbangan Badan Perundangan Kerajaan Arab Saudi.

Oleh yang demikian saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2)

■ 1140

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995; di bawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

Dan

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2006

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion sembilan ratus tujuh puluh tujuh juta sembilan ratus tiga puluh empat ribu tiga ratus ringgit (RM1,977,934,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2007 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.” **[16 April 2007]**

Timbalan Yang di-pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh menyambung semula ucapan, ingin saya tahu berapa ramai lagi Ahli Yang Berhormat ingin berucap.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli Yang Berhormat, oleh kerana pada petang ini pihak kerajaan akan menjawab, jadi saya minta semua apabila diberi peluang tidak akan mengambil masa yang panjang. Jadi sekarang saya terpaksa mengehadkan setiap ahli yang berucap diberikan masa sepuluh minit. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lima belas minit boleh tidak Tuan Yang di-Pertua?

11.41 pagi

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua bijaksana menentukan masa sepuluh minit. Saya cuba sedaya upaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat ingat fikir panjang sangat boleh ringkaskan turun kepada lima minit.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi, sebelum saya menyokong penuh untuk belanjawan mengurus dan juga pembangunan bagi 2006 tambahan kedua, kita sedar bahawa tambahan pertambahan pertama dahulu. Peruntukan yang pertama ini tambahan yang kedua. RM21 bilion ini satu angka yang besar bagi saya adalah perlu Tuan Yang di-Pertua ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita menyokong. Pertamanya atas dasar kerana kita hendak supaya pencapaian dalam pelaksanaan modal insan dan juga *delivery system*, dua saya tekankan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua yang baru bertukar, dua penekanan saya, *delivery system*. Ini adalah penting kerana *delivery system* menentukan bahawa RM21 bilion ini boleh sampai ke akar umbinya. Tidak ada makna kita mentadbir, kita mengurus, kita membangun, tetapi pencapaian tidak sampai ke tahap yang maksimum. Dengan dasar inilah maka saya nyatakan bahawa JAKIM. JAKIM adalah *lead agency* Tuan Yang di-Pertua.

Lead agency walaupun kita dengar tidak mempunyai kuasa undang-undang, tetapi kita ada satu kuasa yang barangkali jarang kita ketahui oleh semua Ahli Yang Berhormat iaitu Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia iaitu MKI *short form* nya dengan ringkas. Ialah memberi kuasa oleh raja-raja untuk menyelaras agama di seluruh negara. Kuasa melalui raja-raja ini kuat. Saya rasa *no need* undang-undang dengan izin. Tidak perlu undang-undang kalau ada kuasa. Sudah menjadi satu kuasa undang-undang kerana Raja-raja Melayu adalah Ketua Agama, Ketua Negeri maka Agong kepada sebagai Ketua di peringkat persekutuan. Maka kita boleh diwujudkan *lead agency* di peringkat persekutuan ialah JAKIM. JAKIM boleh menyelaras.

Saya minta segerakan akta dan juga produk halal, logo itu kita satukan seluruh negara supaya tidak keliru. Kerana hari ini orang pandang kepada Malaysia walaupun kecil sekanggang kera dengan izin Tuan Yang di-Pertua rakyat pun tidak ramai 25 juta, tetapi sudah menjual satu produk yang begitu hebat Halal Hub. Maka kita hendak supaya keyakinan ini JAKIM minta disegerakan. Yang kedua saya telah bertanya dalam Dewan ini tempoh hari telah dijawab oleh menteri dengan baik, dengan ikhlas bahawa *joint service*, perkhidmatan bersama antara jabatan-jabatan agama negeri juga boleh dibuat atas asasnya apabila direstui oleh negeri-negeri melalui Raja-raja Melayu.

Maka kita hendak supaya anjakan paradigma ini supaya boleh memajukan agama di negara kita sejajar dengan Islam Hadhari. Masyarakat Islam Hadhari masyarakat yang maju, bukan masyarakat yang membincang hal 100, 1000, 2000, atau 3000 tahun yang lalu. Kita

hendak bincang masa kini, era global ini. *Global village* dengan izin. Yang kedua lihat kalau kita melihat Jabatan Perkhidmatan Awam, kita hendak supaya Jabatan Agama, jawatan-jawatan yang wujud penuh dengan segera jangan kita lewat. Ikut peraturan, JAKIM ada kekosongan isi semua, sebab saya tengok dakwah tidak mencukupi.

Kita kalah dakwah orang lain daripada dakwah kita kerana *manpower* tidak cukup, duit tidak cukup, kepakaran tidak cukup, kita tingkatkan. Sebab itu saya cadang JAKIM beri latihan semaksimumnya kepada pegawai-pegawai Jabatan Agama dan beri peruntukan yang secukupnya dan tenaga secukupnya. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, kredit kad kecil, *that is small matter, not big matter* dengan izin. Tetapi kredit kad adalah perniagaan peribadi yang cukup penting terutama bagi Yang Berhormat. Kadang-kadang sampai habis *limit*, kena *warning* kerana kita boleh segera untuk penggunaan. Tetapi, saya minta Kementerian Kewangan tengok balik *charge* mesti sama, kredit kad seluruh negara mesti sama. Jangan ada perbezaan-perbezaan yang tertentu. Saya perlu kredit kad saya mengatakan begitu. Tetapi, saya bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya hendak ke belakang sedikit sahaja tadi, kita banyak sangat bercakap mengenai masalah *delivery system*. Saya memang sangat bersetuju supaya kekosongan dan kekurangan jawatan ini segera diisi kerana keperluan dan ini sebenarnya yang menjejaskan kelicinan dan keberkesanan pentadbiran.

Jadi, dalam cadangan yang begitu banyak, apakah agaknya cadangan yang baru yang boleh diberikan selain daripada kita meminta dan minta dan berkali-kali sampai kadang-kadang kita *emotional* dan marah supaya pengisian jawatan itu disegerakan. Sebagai contoh umpamanya polis memerlukan 20 ribu anggota. Kita sudah sebut perkara ini beberapa tahun, tetapi nampaknya pengisian itu sebenarnya masih belum lagi dan ini memang sangat menjejaskan keberkesanan pentadbiran. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh perkara ini?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pandangan. Ini perlu, jadikan sebahagian ucapan saya. Kita hendak segerakan, drastik, tidak mahu tangguh-tangguh lagi.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta tunggu dahulu Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, saya habiskan sedikit saya akan bagi. Bayaran sewa rumah kerajaan kuarters, institusi kuarters. Kita mengucapkan terima kasih kerajaan buat perubahan. Daripada kelas G, kelas H dia boleh RM180 bulan. Tetapi rumah ini hakikatnya sewaan ialah

RM45. Tengok balik. Dalam kaedah hendak bina sebuah masyarakat Islam Hadhari, kalau RM180 diberi kepada kelas G, kita potong RM45 rumah, potong RM45.

Lebih itu bagi kepada tuan hak. Ini pandangan, al-Quran dan hadis tidak boleh ubah, tetapi peraturan kerajaan boleh ubah. Kalau pendapatan rendah, kita beri RM180 potong habis licin RM180. Pada hal rumah itu duk potong selama ini RM45. *Why not* kita tengok balik, bagi RM45 lebih bagi kepada tuan hak, dapat pahala besar, ini masyarakat Islam Hadhari. Itu cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hendak gulung, nanti sekejap. Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Feed lot* ini saya hendak sokong Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, saya mengucapkan tahniah kepada menteri kerana pergi Pasir Puteh dua hari lepas. Saya pun bersama, berpanas. Tetapi *feed lot* adalah penting kerana dia pelihara lembu secara berkelompok. RM185 ribu, tujuh bulan dia untung, modal RM5 juta. RM185 ribu untung dibahagi kepada rakyat hampir RM2 ribu dalam masa tujuh bulan.

Ini satu faedah yang besar, boleh *exit scheme* keluar dari makruh tembakau kepada *feed lot* pelihara lembu secara kelompok. Ini saya hendak supaya menteri jangan buat apa-apa dahulu tembakau ini. Sebab risiko saya 10 juta pengundi. Bukan saya takut parti pembangkang, saya akan menang. Tetapi hendak jaga hati rakyat. Kalau kita hendak ganti alternatif mesti dahulu *feed lot* ini mesti berjaya dan kita buat *second project*. Yang ketiga, lepas itu saya bagilah, saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Kementerian Pertanian; ternakan lembu, industri tenusu, ternakan lembu susu secara berkelompok.

Kita hendak tengok sebab saya sudah lancarkan di Pasir Puteh kita ada nama Kampung New Zealand. Diubah nama oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Kampung New Zealand tapi sebenarnya asal Sungai Durian. Yang Berhormat bagi Tanah Merah tahu kampung ini, semua Ahli Yang Berhormat Kelantan kita tahu sebab comel di situ, sejuk sahaja. Lembu susu telah berjaya. Tenusu ini telah berjaya. Kita hendak supaya tambah lagi beberapa lagi untuk tenusu ini sebab saya kira kalau kita hendak bawa industri asas tani sebagai ketiga dalam negara membela rakyat semua kaum, India pelihara lembu, cina pelihara lembu, Melayu pelihara lembu. Kita buat tenusu lebih hebat tembusi pasar *international* bukan sahaja pasar di Kuala Lumpur. Kita *international*. Industri secara bentuk komersial.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Satu lagi. Padang ragut hebatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Padang ragut perhebatkan. Maka dengan sebab itulah bagi saya sebelum saya menggulung saya mencadangkan supaya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah suruh gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Gulung, gulung. Misi nasional lima teras hendaklah diimplementasikan oleh jentera kita. Saya sokong jentera perkhidmatan awam beri dia naik gaji, tambahkan elaunnya, biar dia selesa, dia boleh kerja dengan cepat kerana kita telah mencapai 6% kadar pendapatan kasar dalam negara. Terima kasih dengan ini saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perbelanjaan tambahan ini kerana perbelanjaan ini semata-mata untuk rakyat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan supaya mengkaji semula minimum gaji pokok seseorang pekerja. Hari ini Tuan Yang di-Pertua kita dapat lihat tak usah kiralah sama ada jawatan apa tetapi gaji minimum untuk seseorang pekerja itu dapat hidup dengan selesa di sesebuah negara membangun. Begitu juga takrif bayaran pencen kepada orang-orang yang telah berjasa dan berkhidmat untuk negara. Harus diambil kira pencen minimum supaya mereka dapat hidup dengan pencen yang mereka dapat selain daripada ganjaran EPF. Contoh Tuan Yang di-Pertua, seorang koperal polis yang berkhidmat 30 tahun dalam perkhidmatan untuk menjaga keselamatan negara tetapi apabila beliau pencen, beliau dengan sendirinya tergolong dalam golongan orang-orang PPRT kerana RM450 ke bawah ini dianggap sebagai rakyat yang termiskin *hardcore poor*.

Jadi kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua orang yang berkhidmat kepada negara akhirnya merempat menjadi rakyat yang *hardcore poor* yang miskin yang masih diperlukan untuk menghantar anak ke sekolah dan sebagainya. Saya bersetuju dengan pandangan CUEPACS untuk mengkaji semula struktur gaji kerana kos hidup meningkat. Ini tidak dapat dinafikan kos hidup meningkat apatah lagi hidup di ibu kota dan tempat-tempat yang besar. Jadi harus mengkaji semula faktor gaji dan faktor minimum pencen seseorang pekerja itu.

Kita berasa sedih Tuan Yang di-Pertua apabila kita berkhidmat kebanyakan saya dengar polis-polis *retire* akhirnya dalam umur yang begitu lanjut usia terpaksa bersengkang mata sampai ke siang hari menjadi jaga ke sana sini untuk menampung pencen yang mereka dapat. Bekas askar kadang-kadang terpaksa kerja sana sini, kerja buruh, kerja *guard* dan itu ini. Kadang-kadang bawa teksi dan sebagainya. Jadi kita kena fikir dari segi pembangunan negara kita

sedang buat tetapi rakyat juga harus mendapat nikmat daripada hasil arahan tujuh K kita ke arah negara membangun. Ini saya amat memerlukan satu kajian yang mendalam.

Saya menyokong CUEPACS, saya menyokong cadangan daripada Ketua Polis Negara untuk mengkaji struktur gaji pasukan polis. Gaji pasukan polis ini kalau *private* ini Tuan Yang di-Pertua baiklah orang kerja lain. Kerja keranikah, kerja pelayan pejabat lebih seronok daripada kerja pasukan polis kerana pasukan polis pertamanya tidak ada *overtime*, yang kedua bekerja tidak ikut jadual masa. Untuk menjaga ketenteraman tetapi gaji mereka itu tidak sepadan dengan kerja yang mereka buat. Kita mungkin lihat apabila mereka memakai uniform Tuan Yang di-Pertua cantik dan segar. Tetapi apabila mereka buka uniform mereka ini adalah orang yang cukup susah. Anak ramai, rumah yang tidak tentu hala. Jadi kita perlu memberi pekerja-pekerja kita ini satu keselesaan dari segi gaji dan juga kemudahan-kemudahan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong CUEPACS untuk mengurangkan cuti. Hari ini terlalu banyak cuti Tuan Yang di-Pertua. Kita sedang menuju ke negara membangun. Saya terima cuti hari Sabtu dan Ahad ataupun di Kedah hari Jumaat dan Sabtu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi kalau terlampau banyak cuti ini Tuan Yang di-Pertua pertamanya dari sudut orang meniaga pun tersangkut, dari sudut masa kita untuk memproseskan sesuatu permohonan pun tersangkut. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji balik soal cuti....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun. Dia hendak cuti agaknya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Tentang ini saya bantah. Saya membantah pendapat Yang Berhormat bagi Jerai. Apa masalahnya cuti...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kawan lama pun bantah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun dengar Ketua CUEPACS pun bantah tapi bagi saya apa salahnya. Kalau cuti bertindih itu tak seberapa hari pun dalam setahun. Tak jadi masalah sangat dan cuti bertindih ini pun bukan tiap-tiap tahun berupa bilangan seperti itu. Apa salahnya beri kerehatan kepada kakitangan kerajaan kita yang memang ada 14 hari itu kemudian cuti-cuti yang tertentu. Jadi kalau yang bertindih itu pun kita hendak...ialah cuti ada had, jatuh pada hari Ahad itu ada satu peristiwa maka hari Isnin diganti cuti. Itu yang hendak ditolak oleh CUEPACS ini pada pandangan saya. Saya tak tahulah apa maksud dia tapi yang saya fikir cuti yang bertindih itu. Apa salahnya. Bagilah peluang.

Kadang-kadang yang bekerja ini duduk di Kuala Lumpur kampungnya di Jerai, mak bapak dia di Jerai, ada kerja di Ipoh, mak bapak dia di Sri Gading, dia kerja di Penang, mak bapak dia di Kuala Krai, dia bekerja di Sarawak mak bapak dia di Terengganu. Cuti inilah

menyebabkan mereka boleh berjumpa dengan keluarga dan budaya orang Malaysia kekuatan kita sebenarnya ialah kita masih mengekalkan kekeluargaan ini. Jadi saya harap Yang Berhormat bagi Jerai tak payahlah cadangkan itu, tarik balik sahajalah cadangan itu.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Supaya sokonglah apa yang telah diberi kerajaan sebagai dermawan kerajaan kepada kakitangan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan kita pula tolak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, maksud saya ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Saya menyokong cadangan untuk naikkan gaji tetapi sama ada oleh kakitangan awam atau polis. Tetapi kerajaan membuat alasan ia melibatkan kewangan yang besar iaitu lebih kurang RM6 bilion. Adakah wajar alasan ini yang diberi. Apakah tidak kerajaan boleh pungutan cukai daripada petroleum masih ada lagi yang tidak dipungut sebanyak lebih kurang RM6 bilion lebih. Dengan kerajaan tidak pungut cukai ini ia kontra dengan RM6 bilion yang sepatutnya diberikan kepada untuk kakitangan awam atau polis. Dengan tidak menaikkan harga minyak. Apakah Yang Berhormat setuju?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading kena faham. Tadi saya membela untuk naikkan gaji. Naikkan gaji maknanya saya memahami.....

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tarik balikhlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sama-sama kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita sendiri wakil rakyat pun dengan pendapatan yang tak tahu *superscale* mana kedudukan kita ini. Hendak kata *superscale* A kah, staf kah, kami pun tak tahu. Elaun kami ini pun hendak kira-kira saya ingat TKSU di satu kementerian pun lebih besar daripada Ahli Parlimen ini dengan kemudahan-kemudahan yang dapat.

■ 1200

Ahli Parlimen dapatlah *road tax free* setahun. Jadi, yang itu kami tidak ungkit. Tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tentang itu saya sokong Yang Berhormat bagi Jerai. Kenaikan elaun wakil rakyat itu. Macam satu negara jiran, Perdana Menteri dia sampai USD7 juta, Perdana Menteri kita RM20,000 sebulan, kalau setahun baru RM240 ribu sebulan, RM300 ribu. Ahli Parlimen dia pun berjuta, berjuta dalam nilai mata wang dia, yang lebih tinggi daripada mata wang kita. Saya ingat agaknya kalau naik elaun Ahli Parlimen itu, saya sokong sangat.

Termasuk agaknya kita sokong Ketua Pembangkang pun naik elaun dia. Apa salahnya, Ketua Pembangkang kan? Ketua Pembangkang diiktiraf oleh kerajaan. Saya ingat yang ini Ketua Pembangkang akan bersetuju dengan kita. *[Ketawa]* Kalau dia punya elaun, Ketua Pembangkang pun naik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita bela anak-anak buah kita dahulu. Ini kerana anak-anak buah kita ini merekalah yang menggerakkan kerajaan. Sabit itulah Tuan Yang di-Pertua, apabila gaji diberi dengan sempurna, hidup mereka sempurna, bermakna mereka akan bekerja dengan penuh kesempurnaan.

Tuan Yang di-Pertua, kami memahami. Kadang-kadang apabila hasrat kerajaan tidak kesampaian untuk rakyat, rakyat tidak akan tuju dengan pegawai-pegawai kerajaan, rakyat akan marah kepada kami sebagai wakil rakyat kerana kami ini berada di barisan hadapan. Sebab itulah antara wakil rakyat dengan pegawai kerajaan ini macam abang dengan adik. Kita kena bermuafakat untuk misi membangunkan negara kita ini. Jadi ini kita dok sebut, dan saya menyokong kenaikan gaji. Tolonglah Kementerian Kewangan carilah macam mana pun bagi dia orang mudah.

Saya tahu kadang-kadang hendak keluar rumah, hendak sampai ke pejabat berapa kali bayar tol, saya pun sendiri membayar tol beringgit-ringgit daripada Alor Setar ke Kuala Lumpur, kemudian dari Kuala Lumpur hendak datang ke Dewan Rakyat ini, bertol-tol. Sedangkan itulah gaji mereka depa gunakan untuk bertol-tol ini, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini saya tidak bela Tuan Yang di-Pertua lagi, belum masuk Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, duduk di kampung, daripada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada tawar-menawar, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, Yang Berhormat jangan susah hati pasal apa kerajaan dia faham.....

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Mencilah sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran. Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini masa menggulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini masa menggulung.....

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:jadi termasuk dalam menggulung, macam mana?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya hendak tolong Yang Berhormat bagi Jerai sedikit ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tertarik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tentang tol tadi. Saya pun timbulkan dahulu semasa kita bahas tentang Titah Menjunjung Kasih. Tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, kita bersedia, saya bersedia bayar tol tetapi apakah Yang Berhormat berpuas hati dan keadaan jalan raya sekarang ini? Jalan raya yang kita tahu banyak yang tidak baik. Tetapi tol sentiasa naik, orang kena bayar kerana hendak lalu. Bagaimana pandangan, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ialah itulah yang saya cadangkan dahulu bahawa projek infrastruktur yang besar-besar ini bagi kepada EPF untuk buat. EPF dia tidak boleh ambil pinjaman bank, dia boleh guna duit dia. Di negara-negara maju EPF ataupun *public provident fund* inilah yang menjalankan projek-projek infrastruktur yang besar-besar. Pengguna bayar murah kemudian pula pengguna pula untung apabila dividen dibayar melalui EPF dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dan mencadangkan kita minimumkan gaji minimum sekurang-kurangnya RM1,000, pencen minimum pun sekurang-kurangnya RM1,000. Itu untuk hidup, Tuan Yang di-Pertua, untuk hidup, bukan kata untuk hendak ini, untuk hidup sahaja. Makan cukup, boleh bayar elektrik dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, tidak payahlah Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Hendak habis sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta juga....

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya minta laluan.

Tuan Loh Seng Ko [Kelana Jaya]: Minta sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya gulung dengan dia sekejap lagi, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Loh Seng Ko [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai sentiasa menyentuh tentang kenaikan gaji, faedah persaraan anggota kerajaan termasuk anggota polis dan beliau menyokong tentang cadangan CUEPACS. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat bagi Jerai, apabila kerajaan cuba memperkenalkan satu skim persaraan baru, iaitu skim faedah pencen bercarum yang ada unsur ganjaran, yang ada unsur caruman tetapi CEUPACS nampaknya ada *reservation*. Apakah pandangan Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan pendirian Yang Berhormat, apakah hendak menyokong CEUPACS atau hendak menyokong pihak institusi pentadbiran kerajaan untuk hendak memperkenalkan skim faedah pencen bercarum ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, habiskan ucapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, kita kena cari jalan tengah untuk kebaikan *win-win*. Kerajaan ini kerajaan kita, yang mentadbirkan kerajaan pegawai kerajaan, orang politik orang yang menguatkuasakan kuasa untuk negara kita ini. Parti pembangkang mengkritik, walaupun pun benda baik, tidak baik. Walaupun benda itu baik untuk negara pun dia kritik, kerana mereka mencari makan ikut itu. Kita mempertahankan kedaulatan negara untuk rakyat.

Yang satu lagi tentang cuti, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bertolak ansur, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak. Walau bagaimanapun, kalau terlalu banyak cuti maknanya kita punya produktiviti kurang. Cuma saya hendak minta, Tuan Yang di-Pertua, cuti haji ini, cuti untuk mengerjakan haji ini pihak syarikat swasta pun mesti, kalau ada pekerja hendaknya hendak menunaikan haji, itu Rukun Islam yang kelima, dia tidak boleh potong gaji, dia tidak boleh suruh kawan itu berhenti, dia kena bagi, ini hak dia sebagai orang Islam untuk menunaikan haji.

Saya berharap syarikat-syarikat swasta, pelabur-pelabur kena faham tentang budaya hidup orang Islam, tentang budaya dalam negara kita ini. Kalau tidak kita akan menghadapi masalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ... sebab saya dengar seorang pegawai di sebuah hotel dia kena berhenti kerana dia hendak menunaikan haji disebabkan hotel tersebut tidak bagi dia cuti haji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh berucap dalam jawatankuasa untuk kementerian tentang itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak gulung sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Gulung tidak habis, tidak elok, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat sudah ambil banyak masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak apalah, saya akur tetapi Tuan Yang di-Pertua beri saya bercakap lain kali, ya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 3, 6, 9, 12, 15. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

12.06 tgh.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2006. Permintaan yang ada diminta oleh kerajaan adalah lebih daripada RM19 bilion. Adakah wajar untuk Dewan yang mulia ini menyokong permintaan ini. Adakah Kerajaan Barisan Nasional kerajaan yang baik? *[Disampuk]* Kerajaan yang harus diberi permintaan seperti mana yang diminta tadi. Dalam kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, khasnya menteri-menteri yang kurang ajar. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah gunakan perkataan itu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tidak tumpu kepada siapa-siapa.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Khasnya Yang Berhormat bagi Sungai Siput. *[Ketawa]* Baru-baru ini apabila bagi kawasan Ijok seorang Thirumoorthy, dia ada jadi Ketua MIC kawasan Kuala Selangor. Dia bantah calon yang dicadangkan dan apa reaksi Ahli Yang Berhormat bagi Sungai Siput, Presiden MIC. Dia menyatakan, *get lost*. Adakah perkataan

seperti ini yang harus dilafazkan oleh seorang menteri yang ada di dalam kerajaan di masa yang panjang. Lebih baik dia bersara. *[Disampuk]*

Ada dikatakan di Dewan yang mulia ini pada suatu masa, Tuan Yang di-Pertua oleh Tun Mahathir Mohamad, bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah *a useless scrap of paper*.

■ 1210

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, bagi pelantikan Dr. Badariah Syed Hamid dan apa yang ada dalam peruntukan, dalam Perkara 1, 2, 3 ada dua syarat iaitu:

- (i) orang yang layak adalah seorang warganegara dan
- (ii) kelayakan sebagai Peguam bela dan Peguam cara dalam *Active Practice* atau dalam *Judicial and Legal Service*.

Tidak ada apa-apa peruntukan lain seorang ahli *academia* daripada akademi tidak ada dalam peruntukan 1, 2, 3. Kenapa kerajaan atas nasihat Ketua Hakim Negara tidak patuh kepada apa yang ada dalam perlembagaan. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Padang Rengas baru-baru ini yang menyatakan tidak ada apa-apa halangan untuk pelantikan seorang daripada *academia*. Ini bermakna sesiapa pun boleh *since there is no prohibition anyone can be appointed* dengan izin.

Saya merayu kepada kerajaan untuk meneliti dengan baik pelantikan Dr. Badariah Syed Hamid. Ahli Yang Berhormat bagi Padang Rendah ada menyatakan ada suatu *precedent* di mana seorang daripada akademi iaitu Profesor Dr. Visusinathuray adalah dilantik sebagai hakim bukan Pesuruhjaya Kehakiman tetapi sebagai hakim pada bulan Mac 1992.

Itu jadi satu *precedent* tetapi itu adalah *precedent* yang tidak boleh diikuti kerana bertentangan dengan peruntukan dalam perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada kerajaan untuk meneliti semula pelantikan Dr. Badariah Syed Hamid.

Perkara yang penting, perkara yang kedua saya akan bangkitkan adalah mengenai satu laporan dalam surat khabar di Mongolia. Surat khabar "*North Storied Middy*" di mana dilaporkan dan saya baca apa yang ada terjemahan, apa yang ada dalam surat khabar itu.

Title dengan izin

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Peraturan Mesyuarat 36(4) adakah Tuan Yang di-Pertua sedar penggunaan perkataan kurang ajar tidak sopan dan tidak berparlimen. Adakah benar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, saya sudah tegur Yang Berhormat. Jangan saya sudah tegur.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan makan masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, teruskan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya baca apa yang dalam laporan itu Tuan Yang di-Pertua. *“The trial suddenly postponed to 4 June 2006 because some authorities from the Malaysian Government related with murder case. Therefore the Malaysia Government hurry to end the trial, luckily this is going to appear Malaysian’s business to affect..”* Saya ingat barangkali bukan *appear*. *“Also Mr Shariboo knows some important resources related with the case. And he does not want to make clear before the trial.*

“That is why Malaysian authorities should know about this resource are planning to kill Mr Shariboo. Those secret information could badly influence Malaysian current government. Therefore it is spreading ... Malaysian authorities are planning to kill Shariboo through accident during the trial.”

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkara yang serius. Dalam perbicaraan yang bermula pada 4 Jun tahun ini. Apa yang harus diingati adalah ini Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak atasan selain daripada orang yang dituduh dalam kes ini terlibat.

Saya bukan buat suatu pertuduhan di Dewan yang mulia ini. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan ada terlibat dalam pembunuhan Altantuya. Bolehkah Timbalan Perdana Menteri datang ke Dewan yang mulia ini untuk menafikan apa yang dikatakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat habis Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Belum habis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ada *monitor*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam perbicaraan, kita tunggulah Yang Berhormat, ya?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya cabar. Saya cabar Timbalan Perdana Menteri untuk datang ke sini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: untuk menafikan apa yang dikatakan mengenai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia pengamal undang-undang, tak tahukah, perkara di mahkamah tidak boleh dibawa di Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa punya undang-undang lah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, cukup. Masa cukup.

Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Ledang. Lima minit Ledang.

Beberapa Ahli: [Bangun]**12.17 tgh.****Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Untuk Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Lima minit sahaja tidak lebih, saya janji. Dua perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pertama, tentang perkhidmatan Maxis, Celcom dan Digi ini. Okey lah Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju perkhidmatan dari segi kuantiti sudah bertambah.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, dari segi kualiti nampaknya dia tidak seiring dengan perkembangan telefon selular ini. Kan? Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kualiti penerimaan (*reception*) dengan izin, kalau kita berjalan memandu kereta daripada Selatan ke Utara, di sepanjang lebuh raya cukup sahajalah. Di situ kita boleh ukur sejauhmana keberkesanan dan kecekapan Maxis, Celcom dan Digi agaknya Tuan Yang di-Pertua, Maxis ini dan lain-lain ini perlu agaknya kerajaan ambil alih sebagai syarikat GLC sebab nampaknya dari segi kecekapan, keberkesanan masih lagi pada tahun 10 tahun yang lalu sedangkan mereka ini telah ditubuhkan pada 10 tahun yang lalu.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian melihat perkara ini dan Dewan yang mulia ini ingin tahu apakah sebenarnya strategi kita untuk membaik pulih perkhidmatan Maxis, Celcom dan Digi supaya benar-benar memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggannya. Satu perkara, hendak cepat ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, tentang budaya penyelenggaraan segala aset kerajaan ini sama ada bangunan, struktur perkhidmatan sokongan, jalan raya, *pavement corridor*, jambatan dan *accessory*, lapangan terbang, pelabuhan, cerun jalan, perkhidmatan kejuruteraan dan lain-lain macam-macam ini nampaknya yang kita semak daripada kajian, 80% penyelenggaraan ataupun pembaikan dibuat secara *ad hoc*. Tidak ada perancangan yang teliti, sudah bocor, seperti di bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah bocor baru hendak dilihat. Rupanya hanya kerana batang paip yang bocor.

Begitu juga kejadian-kejadian tanah cerun runtuh, daripada penemuan rupa-rupanya paip air dalam tanah bocor.

■ 1220

Kesemuanya ini Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada kajian yang dibuat oleh pihak JKR, 80% dibuat secara *ad hoc*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya mesti ada, dengan izin, *lead agency*. Umpamanya JKR yang boleh memusatkan segala perancangan, segala *budgeting*, dengan izin, segala pelaksanaan dan *auditing* kepada semua harta kerajaan yang sewajarnya diselenggarakan dengan baik. Barulah Tuan Yang di-Pertua,

kita menyambut saranan dan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting sebab kita buat secara ad hoc, kos *maintenance* terlalu mahal dan untuk tempoh yang panjang, ia akan lebih mahal. Tetapi kalau kita boleh belanja lebih sedikit untuk tujuan perancangan penyelenggaraan ini, kita mungkin belanja RM1 juta tetapi kita boleh selamat RM10 juta dan RM100 juta untuk kesemua harta kerajaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya mesti ada satu *lead agency* supaya perkara ini dapat diselesaikan supaya budaya penyelenggaraan ini dapat diamalkan dalam negara kita. Barulah Tuan Yang di-Pertua, kita boleh menyuruh, meminta atau merayu supaya rakyat mengamalkan budaya menjaga baik segala harta kerajaan termasuklah jalan-jalan kampung, kemudahan-kemudahan awam di kampung-kampung, di desa-desa dan di bandar-bandar yang ada di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

12.21 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Pengurusan (Tambahan) (Bil. 2) ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bincang ialah isu yang pertama mengenai pembinaan LRT yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita iaitu sebanyak RM10 bilion telah diagih atau diperuntukkan bagi kita untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Lembah Klang.

Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah meluluskan satu rancangan untuk membina ataupun *extendkan* LRT dari Sri Petaling ke kawasan saya, kawasan Puchong dan proses pengumpulan data dan juga analisa telah dilakukan. Tetapi cuma satu perkara yang saya kuarir dan juga ini adalah satu pendapat khasnya penduduk di Puchong bahawa bagaimana kita hendak melaksanakan. Saya difahamkan agensi pelaksana ialah Syarikat Prasarana Negara Berhad iaitu di bawah Kementerian Kewangan yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini di seluruh Lembah Klang.

Di sini, saya sebagai wakil rakyat di kawasan Puchong ingin mendapat satu pendekatan yang baru bagaimana kita boleh melaksanakan sebuah projek yang besar supaya pembaziran dan juga rintihan atau keluhan rakyat ini tidak akan berulang lagi seperti yang telah berlaku di sini seperti LRT-LRT yang sedia ada di Lembah Klang ini. Saya difahamkan ada stesen-stesen yang di mana *ridershipnya*, dengan izin, adalah berkurangan.

Kita cuma memberi sedikit pandangan dan juga maklum balas kepada agensi ini tetapi saya tidak mendapat kerjasama yang rapi dan kerjasama yang baik daripada agensi ini. Bila saya dan juga wakil-wakil tempatan ini ataupun pemimpin-pemimpin tempatan ini ingin berjumpa dengan CEO dan juga pasukannya, kami telah diberikan beberapa sebab mengapa tidak dapat membuat temu janji ini.

Niat kita ialah untuk memberikan maklum balas kerana saya percaya sebagai wakil rakyat dan juga pemimpin-pemimpin tempatan, mereka tahu di mana tempat yang sesuai untuk meletakkan stesen atau mereka tahu di mana tempat yang sesuai untuk memberikan satu kesesuaian kepada rakyat supaya menggunakan LRT ini dengan kadar yang lebih optimum.

Tetapi saya telah dikecewakan beberapa kali oleh CEO dan juga pasukannya kerana tidak boleh memberikan pandangan. Alasannya ialah bahawa mereka ini tidak boleh memberikan maklumat yang *detail* kerana alasan spekulasi terhadap hartanah ataupun spekulasi mengenai pengambilan tanah dan seterusnya. Bagi saya ini adalah satu alasan yang tidak munasabah dan bagi saya tidak relevan lagi kerana sebagai contoh di Puchong atau di kawasan bandar di mana *property* ataupun asetnya sentiasa naik, kalau *appreciationnya*, dengan izin.

Saya berharap kementerian mesti mencari satu tempat atau satu pendekatan yang baru di mana kita sebagai wakil rakyat, kita cuma tidak ada agenda lain, tetapi ialah untuk memberikan maklum balas yang berkesan dan yang betul-betul memberikan keberkesanan pelaksanaan projek supaya faedah dan manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat kita ataupun penduduk kita di kawasan-kawasan tertentu. So, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada kementerian bahawa selain daripada satu *feedback mechanism* yang kami cuba untuk hulurkan, apakah rancangan atau pendekatan yang lain supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi pada masa hadapan supaya kita mesti ingat pendapatan ataupun wang ringgit rakyat ini tidak akan dibazirkan ataupun sentiasa dapat diwastekan dengan perancangan-perancangan di dalam *office* sahaja. So, ini satu isu yang pertama.

Yang kedua ialah mengenai PBT. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah banyak rancangan dan juga beberapa pendekatan yang baru seperti menggandingkan CFO dan CCC. Dengan adanya 64 langkah ini, ia telah menambahbaikkan pengurusan PBT. Ini memang suatu yang menuju ke arah yang baik di mana kita boleh mempertingkatkan kualiti sistem kita. Tetapi pada masa yang sama, saya juga ingin memberikan sedikit pandangan bahawa PBT kita jangan kita lupakan apakah tanggungjawab-tanggungjawab asas kita. *Go back to basic*.

Apakah tanggungjawab asas PBT di seluruh negara kita ini iaitu kadang-kadang kita tahu kerana pembangunan ataupun masalah-masalah lain, maka tanggungjawab yang asas seperti untuk penyelenggaraan jalan, longkang, parit dan juga lampu jalan atau tempat-tempat permainan ini kadang-kadang dilupakan. Di kawasan-kawasan khasnya di kawasan bandar

sepertimana dapat dilihat pada hari ini, selalu ada banjir kilat di sana sini termasuklah semalam di kawasan saya yang telah mengalami banjir kilat. Di jalan-jalan besar itu telah menjadi sungai.

Ini bagi saya salah satu sebabnya adalah kerana *maintenance* ataupun *facility maintenance* oleh PBT ini tidak dapat dijalankan dengan lebih terurus. Ini sejajar dengan hasrat Menteri Besar Selangor kita. Beliau sentiasa menyeru supaya PBT Selangor yang sebanyak 12 itu mesti *go back to basic*. Kalau ada apa-apa berlaku seperti banjir ataupun masalah pencemaran alam dan sebagainya, Kerajaan Selangor akan dipertanggungjawabkan. Ini bagi saya tidak adil.

Maka di sini saya cadangkan kalau kita betul-betul ingin memperbaiki ataupun mempertingkatkan keberkesanan PBT kita, kerajaan khasnya Kerajaan Pusat mestilah sentiasa memberi lebih peruntukan yang lebih besar kepada kerajaan-kerajaan negeri, khasnya Kerajaan Negeri Selangor. Kita tahu sekarang Selangor ada lebih kurang 5 juta penduduk dan kebanyakan daripada mereka adalah berhijrah daripada negeri lain kerana mencari rezeki dan juga mencari pekerjaan dalam masa yang sama.

Pada masa yang sama juga, kerajaan negeri terpaksa menanggung tanggungjawab-tanggungjawab yang telah saya nyatakan bahawa daripada aspek ekonomi, aspek sosial dan kadang-kadang aspek yang lain yang sentiasa memberikan tekanan yang besar kepada kerajaan negeri. Maka saya berharap Kerajaan Pusat mestilah memberi perhatian yang lebih serius kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh Selangor ini. Kadang-kadang kita mesti adil dari segi pengagihan.

Selain daripada itu, Selangor ini bagi saya walaupun sebuah negeri yang maju tetapi pendapatannya tidak seberapa banyak iaitu *slightly more than RM1 billion a year* tetapi terpaksa menanggung lebih kurang 5 juta penduduk di negeri ini. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan boleh menimbang macam mana cadangan untuk memperbaiki keadaan di sini.

Isu yang ketiga, saya ingin bangkitkan ialah mengenai tol. Tol telah saya nyatakan beberapa kali di sini.

■ 1230

Di kawasan saya khasnya kita ada LDP dan KESAS tetapi pada masa yang sama yang rungutan yang utama sekali Tuan Yang di-Pertua ialah rakyat di Puchong ataupun di kawasan berdekatan mereka rela bayar tol tetapi mereka tidak boleh tahan ialah bila hendak bayar tol pun terpaksa sesak, tunggu berjam-jam untuk membayar tol. Maka saya beberapa kali telah mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan khasnya Kementerian Kerja Raya bahawa kita mesti ada jalan alternatif. Jalan alternatif yang boleh mengurangkan kesesakan di jalan raya di kawasan sana. Okey ini juga berkait dengan kawasan Kelana Jaya dan juga saya ingat kawasan Yang Berhormat bagi Serdang.

Di sini saya hendak tanya saya telah bangkitkan beberapa kali di sini mengenai jalan alternatif penyambungan di antara Kinrara dengan Taman Seri Puchong. Ini telah menyebabkan

perkara yang lama di mana Yang Berhormat bagi Serdang dulu kawasan itu termasuk di kawasan Puchong maka saya juga sentiasa ingin tahu bilakah ia akan dipinda dan kos perbelanjaan ini tidak jauh hanya lebih kurang 400 meter sahaja. Kalau kita boleh sambungkan ini boleh mengurangkan kesesakan dan juga memberikan keselesaan kepada rakyat dan ataupun penduduk di Puchong dan juga kawasan saya lain di mana mereka boleh menggunakan jalan raya itu ataupun jalan-jalan penyambung ini dengan lebih selesa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: So saya hendak tahu bahawa saya juga ingin kementerian mesti mengkaji cadangan yang telah dikemukakan oleh KESAS bahawa mereka sanggup membayar dulu. Walaupun saya dapat jawapan daripada kementerian bahawa projek ini atau perbelanjaan ini tidak dibawa ke Rancangan Malaysia Kesembilan walaupun dulu saya telah masukkan dalam perancangan saya untuk Kementerian Kerja Raya. Saya ingin tahu dan juga saya merayulah kepada Kementerian Kerja Raya supaya mempertimbangkan cadangan daripada KESAS di mana ia akan melaksanakan projek ini secara *deferred payment*.

Bagi saya ini adalah satu perbelanjaan yang tidak begitu banyak iaitu ada dua opsyen, RM45 juta ataupun RM17 juta. Saya menyokong cadangan kedua iaitu RM17 juta *and once and for all* kita selesaikan masalah ini. So akhir sekali juga mengenai Kementerian Kerja Raya iaitu mengenai kelambatan siap satu projek untuk menaiktarafkan Jalan Puchong 12 dengan 16 ini. Telah beberapa kali saya telah bangkit di sini dan jalan ini masih belum siap lagi anak seolah-olah akan siap tetapi belum siap lagi tetapi menimbulkan banyak masalah kepada pengguna-pengguna jalan di seluruh jalan ini.

Saya sangat berharap Kementerian Kerja Raya ini walaupun telah tiga kali, *extension of time* tetapi masih tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Saya berharap Kementerian Kerja Raya mengambil tindakan lebih tegas kepada kontraktor-kontraktor yang telah menjalankan tugas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kerana ini telah memberikan banyak masalah kepada pengguna jalan raya, kemalangan demi kemalangan, kehilangan jiwa demi kehilangan jiwa telah berlaku. So saya berharap kementerian mengambil tindakan tegas kepada kontraktor ataupun mana-mana kerana ini telah memberikan banyak masalah kepada pengguna jalan raya, kemalangan demi kemalangan, kehilangan jiwa demi kehilangan jiwa telah berlaku. So saya berharap kementerian mengambil tindakan tegas kepada kontraktor ataupun mana-mana yang berkenaan. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

12.33 tgh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya terus kepada apa-apa yang saya hendak kemukakan di sini ialah pertama mengenai dengan Parlimen iaitu hari ini kita menggunakan segala macam jenis IT tetapi mengapa hari ini masih terdapat bahan-bahan cetakan seperti ini? Kadangkala saya rasa saya telah pun bangkit perkara ini berkali-kali di Dewan Parlimen ini yang mana tindakan tidak diambil. Bahan-bahan cetak seperti ini akhirnya akan berlaku banyak pembaziran. Mengapa tidak bahan-bahannya dimasukkan dalam bentuk CD walhal semua Ahli-ahli Parlimen mempunyai komputer dan *lap top* sendiri, kita boleh gunakan itu dengan mudah dan ini akan menjimatkan wang untuk Parlimen. Keduanya ialah perkara daripada jabatan

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran hendak bagi jalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ringkas, ringkas sahaja.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya tertarik dengan pemerhatian Yang Berhormat bahawa perkara yang sudah kita sentuh berkali-kali di Dewan yang mulia ini tetapi tidak diambil tindakan, perkara yang nampak senang seperti laporan yang dibentangkan di Parlimen. Pada pendapat Yang Berhormat apakah sebab kenapa perkara-perkara yang kita bangkitkan di Dewan ini tidak diambil tindakan? Adakah ini disebabkan oleh pegawai-pegawai yang tidak mencatat perkara-perkara yang dibangkitkan ataupun apakah pihak kementerian sendiri yang langsung tidak mahu, dia tutup telinga, dia tidak mahu ambil tindakan ataupun apa? Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Mengenai dengan perkara ini kita telah bangkit dan tindakan tidak diambil. Oleh yang demikian saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua kita mengambil tindakan perkara ini oleh sebab Tuan Yang di-Pertua juga adalah orang yang bertanggungjawab mengenai dengan Dewan dan juga hal pentadbiran Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu laporan daripada mana Yang Berhormat laporan daripada kementerian atau mana?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Daripada kementerian mahu juga daripada Parlimen kenapa tindakan-tindakan susulan tidak diambil? Mengenai dengan perkara Jabatan Perkhidmatan Awam. Tadi pihak Jerai telah bangkitkan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tadi pihak Jerai telah bangkitkan. Ringkas sahaja.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Dalam Dewan ini saya hendak minta kadang-kadang kita hendak beri penjelasan tentang satu-satu hal, satu-satu pembangunan, hendak tunjuk gambar tetapi pegawai-pegawai tidak nampak dan kalau pegawai tidak turun padang, tidak tahu. Maka kita ada bawa *lap top* di sini, boleh tidak dalam Dewan ini kita sambungkan supaya dalam skrin-skrin itu boleh ditunjukkan gambar-gambar. Maka lebih jelas lagi kita memberi penjelasan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya setuju, saya setuju itu kalau yang bawa *lap top* lah, saya tidak bawa *lap top* terlalu berat saya hendak bawa. Jadi kalau saya di rumah saya masukkan disket tadi dan saya boleh lihat dan dapat maklumat-maklumat daripada itu. Jadi saya berharaplah pihak Parlimen dan juga kementerian mengambil berat dalam perkara ini. Ini adalah perkara terakhirlah kita rayu kalau tidak kita akan buat apa-apalah susulan kita daripada Ahli Yang Berhormat sekalian.

Mengenai dengan ini iaitu tadi saya bersetuju dengan pihak wakil Jerai menyatakan mengenai dengan persetujuan untuk menyokong pihak CUEPACS. Saya di sini merayu sekali lagi kepada pihak kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri mengenai menyemak semula gaji kakitangan awam kerajaan.

Di mana saya rasa sudah sampai kepada masanya dan jangan kita lengah-lengah lagi dalam penyemakan ganjaran gaji tadi bagi kakitangan awam. Malah saya juga hendak minta pihak kementerian mengambil tindakan mengenai dengan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi, dari segi kenaikan pangkat tadi dipercepatkan proses. Kerana kalau ia mengambil masa begitu lama dan ini menimbulkan rasa ambil tindakan mengenai dengan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi, dari segi kenaikan pangkat tadi dipercepatkan proses. Kerana kalau dia mengambil masa begitu lama dan ini menimbulkan rasa *frustration* di kalangan kakitangan awam. Oleh itu saya merayu sekali lagilah kepada pihak yang berkenaan.

Perkara ketiga mengenai dengan perkhidmatan awam juga, saya minta Jabatan Perkhidmatan Awam mempertimbangkan kenaikan pangkat dan juga apa-apa lagi kemudahan kepada pegawai-pegawai yang bukan daripada kalangan PTD. Mereka bagi fokus kepada PTD, yang pegawai luar daripada PTD mereka ini 'seolah-olah' ini perkataan yang saya guna mereka ini tidaklah sama seperti PTD. Walhal mereka adalah kumpulan perkhidmatan awam yang mempunyai kod-kod yang tertentu tetapi mengapa PTD, maaf saya kalau saya kata PTD tidak bantu yang lain itu mungkin tidak. Tetapi bagi saya berilah juga perhatian kepada pegawai-pegawai di luar yang dipanggil kumpulan PTD tadi.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan pelajaran. Hari ini dan semalam sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menyatakan mengenai dengan rombakan kurikulum. Jadi soalnya di sini apakah langkah-langkah yang telah diambil

oleh kementerian di mana nampaknya tidak ada tindakan daripada kementerian. Saya telah bangkit ini dalam tahun yang lepas pada kita peringkat perbincangan bajet telah dibangkit tetapi tidak nampak pun suara-suara daripada kementerian untuk bagaimana hendak menyatakan bahawa mereka telah lakukan langkah-langkah yang tertentu untuk menyemak semula kurikulum. Oleh sebab kita lihat dari segi perbincangan, perbincangan pada masa-masa yang lampau mengenai dengan anak-anak kita terlalu *examination oriented* dengan izin. Di mana apakah kita hanya melihat dari segi anak-anak yang hanya mendapat 5A, 10A, 15A dan sebagainya.

■ 1240

Bagaimanakah anak-anak yang tidak dapat 5A atau 10A ini tadi? Apakah dalam kurikulum tadi untuk kita sampaikan bahan-bahan tadi benar-benar berkesan sampai kepada anak-anak kita?

Baru-baru ini kita dengar banyak lagi anak-anak yang tidak begitu dapat ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah, dianggap bahawa mereka itu sebagai dengan izin, *dropout* daripada sekolah-sekolah. Begitu juga saya ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah mutakhir yang diambil oleh pihak kementerian mengenai dengan latihan perguruan? Kita hanya bercakap mengenai dengan kurikulum tetapi di peringkat latihan perguruan, macam kita kata - ini bukan saya hendak sebut guru-guru tidak pandai mengajar tetapi maktab perguruan harus mengambil tindakan iaitu ia mesti *update* cara-cara penyampaian ilmu pengetahuan kepada anak-anak kita supaya sesuai dengan keadaan yang kita panggil hari ini dunia ICT.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun. Hendak bagi jalan?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Yang Berhormat ini bekas Timbalan Menteri Pelajaran dan memang berpengalaman tentang bagaimana kementerian ini ditadbir urus. Dalam soal kurikulum ini, apakah selama ini - negara ini sudah sekian lama dengan kurikulum, dengan sistem pelajarannya. Selepas itu ia berkali-kali diubah-ubah sehinggakan saya rasa guru-guru dan pegawai-pegawai pun tidak mengikuti perkembangan perubahan-perubahan. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya bukan hanya dalam soal kurikulum masalahnya tetapi dari segi pelaksanaan dan dari segi pentadbiran penempatan guru-guru.

Katakan dalam satu PPD ia berlebihan sampai 100 orang guru tetapi tidak ada opsyen bahasa Inggeris, tidak ada opsyen matematik dan sebagainya. Di manakah letaknya masalah ini? Adakah ini masalah kurikulum atau masalah pentadbiran penempatan guru-guru?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya. Walaupun saya bekas Timbalan Menteri Pelajaran tetapi tidak bermakna bahawa saya hendak mengutuk pihak kementerian.

Mereka juga berusaha - bagi saya mereka berusaha dan ramai daripada pegawai yang begitu *dedicated* dalam soal untuk membentuk sistem itu dan ini dan menjayakan sistem pelajaran kita. Tetapi apa yang saya maksudkan di sini, saya hendak ajukan, kalau boleh mempercepatkan lagi. Mereka sedang berusaha, saya tahu. Tetapi apakah perkara-perkara lain yang membantut segala tindakan-tindakan yang baik.

Mengenai dengan guru-guru opsyen itu dan sebagainya, itu soal pentadbiran yang mana saya tidak boleh lagi bercakap soal itu. Cuma apa yang saya hendak bangkitkan tadi ialah yang berkaitan rapat dengan kurikulum ini iaitu soal sukatan pelajaran, maksud saya. Apakah sukatan itu serta sukatan yang bersesuaian? Kemudian bagaimanakah sukatan itu dapat diterjemahkan dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran.

Misalnya macam semalam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bercakap mengenai dengan penggunaan ICT tadi. Jadi apakah ICT iaitu bahan-bahan yang kita masukkan itu di mana kita boleh mencuba keupayaan anak-anak itu dalam penerimaan mata pelajaran mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Habiskan? Sikit saja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mengenai latihan perguruan juga saya mintalah dikaji semula supaya guru-guru yang dilatih tadi benar-benar dapat menyampaikan secara berkesan mata pelajaran mereka. Tetapi pada hari ini, malangnya adakah penyampaian pelajaran sekadar untuk anak-anak itu mendapat 5A, 10A dan sebagainya.

Mengenai Jabatan Pertanian, saya ingin merayu kepada pihak Kementerian Pertanian dan Asas Tani supaya diberikan juga tumpuan kepada di Kedah ini iaitu kawasan luar MADA, kerana fokus terlalu banyak diberikan dalam kawasan MADA. Tetapi di kawasan luar MADA - walaupun saya di kawasan Sungai Petani di mana di Kuala Muda perusahaan padi begitu luas sekali. Jadi bagi kawasan luar MADA apakah ini juga akan diberi perhatian oleh pihak kementerian itu. Termasuk juga dengan soal JPS tadi, dengan tambatan banjir, saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian mengenai tambatan banjir di Kuala Muda, bilakah ia akan siap kerana ini sudah terlalu panjang masanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang akhir sekali ialah mengenai dengan perumahan. Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Perumahan supaya segala macam fasiliti kepada rumah-rumah pangsa diberi dengan baik seperti padang permainan dan sebagainya dan juga komuniti boleh diadakan di satu-satu tempat serta juga *garden* yang indah kerana ini adalah kaitan dengan perkara yang saya bangkitkan semalam iaitu mengenai kesihatan mental. Dengan itu saya menyokong tambahan ini. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

12.46 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) yang melibatkan peruntukan lebih daripada RM19 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya lihat bahawa dalam perbekalan tambahan mengurus melibatkan lebih RM16 bilion yang diletakkan dalam peruntukan kepada kumpulan wang yang terkanun iaitu peruntukan yang diberikan kepada badan-badan berkanun secara pinjaman ataupun pemberian kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin sedikit sebanyak memberi sumbangan perbahasan dalam soal pembangunan negeri Sabah. Secara kebetulan Yang Berhormat Ketua Pembangkang semalam telah menumpukan perhatian dalam perbahasan soal pembangunan Sabah. Sebenarnya Kerajaan Negeri Sabah telah menetapkan tiga hala tuju utama dalam membangunkan negeri Sabah iaitu pertanian, pelancongan dan pembuatan. Dalam ketiga-tiga hala tuju ini, yang paling penting untuk membangunkan ketiga-ketiga sektor ini ialah kita perlukan peruntukan yang besar untuk membangun infrastruktur yang amat penting diperlukan.

Dalam hal pembangunan perindustrian pembuatan sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk pembangunan infrastruktur untuk perindustrian. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan lebih RM800 juta, sebab untuk membangunkan sektor pembuatan atau perindustrian negeri Sabah ini kita perlu membina tanah-tanah perindustrian, kita perlu membina kemudahan-kemudahan pelabuhan, kita perlu membina grid-grid bekalan elektrik, *power plants* dan pelbagai lagi keperluan infra yang diperlukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan sikit. Yang Berhormat ada sebut mengenai ucapan saya semalam dan pagi ini kita lihat dalam *the Star* - "*Makin: ...*" iaitu Yang Berhormat bagi Putatan - "*Donny died to save mum*" mengenai Donny John Dion, kanak-kanak 11 tahun yang membunuh diri kerana kemiskinan. Tetapi apa yang disebut di sini ialah beliau membunuh diri "*...to save his mother who was suffering from a chronic disease. He claimed, wanted to donate his heart to his mother.*" Bukankah ini *ridiculous folktale* yang tidak mahu mengakui masalah kemiskinan. Perlulah sikap yang lebih berani mengakui masalah kemiskinan yang begitu serius di Sabah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Selepas insiden Donny ini saya telah menemui keluarganya dan saya telah berada di sana selama dua jam. Saya telah mendengar dengan telinga saya sendiri bersama dengan isteri saya, tentang apa sebenarnya yang telah berlaku. Yang Berhormat cuba mempolitikkan hal ini. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menerangkan sedikit apa yang berlaku.

Apa yang telah berlaku dalam keluarga Donny ini, bapanya oleh kerana terlibat dalam dadah, telah disabit kesalahan dan dia dimasukkan dalam penjara. Sebelum itu keluarga ini mempunyai keluarga sendiri, mereka mempunyai ladang getah, mereka menoreh dan sebagainya. Dengan anak yang seramai enam orang, mereka cukup makan, cukup perbelanjaan sekolah dan sebagainya. Tetapi setelah bapanya dimasukkan ke dalam penjara maka keluarganya telah berpindah sebab tekanan daripada orang ramai di Penampang.

■ 1250

Apabila telah berpindah ke kawasan subur dia juga memindahkan dia punya persekolahan. Apabila dia berpindah persekolahan segala bantuan yang diberikan oleh kerajaan belum lagi sempat lagi dipindahkan ke sekolah barunya di SK Kinaru. Dan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ketua Pembangkang ini, sebenarnya kesemua bantuan yang diberikan oleh kerajaan telah diberikan kepada keluarga ini termasuklah bantuan buku teks, baucar tuisyen dan sebagainya tetapi malang sekali. Di sinilah letaknya sistem penyampaian kita ini. Apabila dia berpindah ke sekolah ini, bantuan makanan tambahan ini. Begitu sedih sekali. Dia pindah pada bulan Oktober tahun lepas, dia sudah di sekolah ini sampai bulan Mac, tetapi sampai bulan Mac. Itu belum lagi dipindahkan.

Dan menurut mamanya hal ini, menyatakan bahawa guru yang terlibat ini. Guru yang terlibat ini datang semasa *funeral* dan dia menangis menyatakan kepada ibunya, "jika sekiranya saya tahu yang keluarga puan ini begini miskin saya tidak akan marah". Kerana apa yang telah berlaku ialah pada hari itu, oleh sebab kemiskinan, dengan RM70 sebulan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, mamanya terpaksa memotong pensel itu kepada tiga dan diagihkan kepada anak-anaknya. Pada hari itu anak ini, si Donny ini menggunakan pensel yang pendek itu dan guru datang ke situ. Dan mengatakan, "kenapa pensel begini pendek, apakah adik ini tidak cukup makan kerana sampai pen pun dimakan?". Bolehkah seorang cikgu mengeluarkan kata-kata sedemikian sedangkan kasutnya pun nampak sudah koyak. Pakaiannya hanya satu pasang dan sebagainya. Jadi untuk pengetahuan Ketua Pembangkang, saya boleh katakan bahawa ini adalah *isolated* kes yang begitu malang, nanti sebentar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya akan bagi peluang. Begitu malang sebab ini adalah mangsa dadah. Penglibatan dalam dadah. Dan yang paling malang sekali, isterinya sendiri telah melaporkan suaminya kepada pihak polis yang akhirnya mengakibatkan jadi satu kesalahan dan masuk penjara. Dan inilah telah menyebabkan keluarga-keluarga suaminya telah mengenakan tekanan kepada si ibu ini yang juga menghadapi talasemia *major* di mana tiap-tiap bulan memerlukan bantuan darah. Dia juga menghidap penyakit 'ampus' dan juga penyakit jantung dan sebagainya dan dia tidak boleh bekerja. Dia cuba bekerja tetapi bila dia bekerja dia pengsan dan terpaksa RM70 itu.

Sebenarnya Ketua Pembangkang, dalam hal ini kita tidak boleh menuding jari sana sini sebab ini telah berlaku dalam satu keadaan yang cepat dan kalau mengatakan bahawa wakil-wakil rakyat telah gagal sebagai contoh Ahli Parlimen Papar, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawan gagal, sebenarnya mereka ini satu kumpulan keluarga yang baru. Berpindah ke kawasan Papar ini daripada kawasan Penampang. Jadi kalau mengatakan, "oh, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional telah gagal", ini tidak betul. Ini fakta. Sebentar saya bagi peluang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Itu tidak betul. Jadi fakta di sini ialah memang kita akui bahawa anak ini, saya boleh ceritakan dengan Yang Berhormat di luar nanti bagaimana, saya sendiri pun sedih, saya mengeluarkan kenyataan di akhbar tentang perkara ini saya boleh ceritakan hal itu tapi yang penting ini, saya fikir *this is actually an isolated case*. Tetapi yang lebih sedih yang ingin saya nyatakan di sini, ini adalah mangsa dadah, satu perkara yang sudah sekian lama kita nyatakan di Dewan yang mulia ini supaya *the root cause of* dadah, penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah ini hendaklah di selesaikan di Sabah dan ini semuanya berakar umbi daripada enam penempatan pelarian Filipina yang sudah berkali-kali saya sebut di Dewan yang mulia ini. Sudah berkali-kali kita katakan tolong, tolong selesaikan.

Yang Berhormat bagi Papar yang baru-baru ini mengatakan tolong selesaikan ini. Tetapi Majlis Keselamatan Negara, barangkali ini saya boleh pinjam daripada Ketua Pembangkanglah sindrom lah. Mengatakan ini tidak ada masalah, tidak ada masalah. So *this is the case of delivery system* bukan dari segi dasar kerajaan. Silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Tetapi *the long at the short of the story* ialah inilah masalah kemiskinan akhirnya sebab *public service delivery system* tetapi akhirnya membayangkan satu masalah kemiskinan yang sepatutnya dihapuskan di Sabah pada tahun 2000 yang dijanjikan dalam Sabah Baru. Sabah Baru apabila UMNO masuk Sabah. Tapi itu *kemiskinan* yang perlu kita renung dan fikir kenapa masalah semacam ini sama ada *isolated* atau tidak *isolated* boleh berlaku kerana ini menunjukkan bahawa kemiskinan satu masalah yang sangat besar. Lebih teruk nampaknya di Sabah apabila kita bandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Menyampuk]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Nanti, nanti dahulu. Yang Berhormat, kita tidak lari daripada fakta. Memang benar bahawa kadar kemiskinan di negeri Sabah ini 23% berbanding dengan negeri Sarawak hanya 7% dan Semenanjung hanya 3%, peringkat kebangsaan kita 5%, kita tidak nafikan. Saya sudah nyatakan dalam perbahasan saya dalam menjunjung kasih titah ucapan diraja bahawa kadar kemiskinan Sabah yang 23% itu tidak menggambarkan program-program pelaksanaan program-program yang telah dilaksanakan oleh Barisan Nasional.

Saya menyatakan, apa yang telah dibuat oleh kerajaan Sarawak sehinggakan kadar kemiskinan menurun kepada 7? Apa yang mereka telah buat yang kita buat di Sabah? Malah kerajaan Sabah telah membuat lebih daripada kerajaan Sarawak sebagai contoh kita mempunyai, kita laksanakan.... Yayasan Usaha Maju yang sama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia iaitu memberi pinjaman kepada rakyat termiskin. Tetapi saya ada kajian, Yang Berhormat bagi Ketua Pembangkang.

Kalau Ketua Pembangkang tengok sedikit, kajian daripada HEKMAS UKM menyatakan bahawa 23% itu juga telah dimasukkan pendatang tanpa izin. Pendatang tanpa izin yang sudah dijadikan warga negara. Kalau kita buang dia daripada perangkaan, kita sudah sama dengan Sarawak. Sebab itu saya nyatakan tempoh hari bahawa semua kenyataan-kenyataan yang kita tidak buat di Dewan yang mulia ini, berhubung dengan pendatang tanpa izin yang telah diberikan kad pengenalan dan sekarang ini tinggal di 144 buah setinggan di seluruh negeri Sabah dengan penduduk 150 ribu, ini semua kajian daripada Universiti Sains Malaysia. Nanti saya akan bagi. Semua ada di sini. Kalau kita buang itu barangkali kadar kemiskinan negeri Sabah pun sama dengan Sarawak, barangkali 7%, barangkali 8%.

Jadi masalah di negeri Sabah ini ialah sebenarnya ialah soal orang-orang asing yang berada di negeri Sabah yang kita tidak boleh bezakan lagi dengan orang-orang tempatan. Dan di sinilah yang kita berkali-kali menyatakan selesaikan masalah ini. Kalau tidak ini lah pihak pembangkang mengatakan kita tidak melaksanakan program, ya dilaksanakan tetapi kita perlu selesaikan masalah banjir pendatang tanpa izin, enam penempatan pelarian Filipina tadi. Kita perlu selesaikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan? Putatan hendak bagi jalan?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya habiskan ini dahulu saya bagi. Kita perlu selesaikan masalah kad pengenalan yang telah diberi secara mencurigai. Ya, silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya daripada Tuaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya minta jalan, peluang jalan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tapi dia tidak bagi. Soal penjelasan dengan kemiskinan yang telah digembar-gemburkan oleh Ketua Pembangkang ini seolah-olah dia menjadikan bahan itu menjadi satu wira kepada kaum KDN yang dia tidak tahu. Dia tahu sahaja kadar 23% itu kemiskinan negeri Sabah. Yang dia sentuh satu perkara *isolated* kes ini Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah KDN ini golongan yang termiskin di negeri Sabah. Jadi ini tidak baik kerana ini dijadikan satu gambaran yang mana ia seolah-olah memperjuangkan hal ehwal orang-orang KDN. Golongan orang KDN. jadi Yang Berhormat, saya minta sedikit penjelasan tentang keluarga yang sebenarnya saya bagi tentang Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangkitkan tadi kenyataan yang berani yang dikeluarkan di *Star* sebagaimana yang diucapkan oleh beliau.

Sebenarnya betul. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini kenyataan ibu dan keluarganya sendiri kerana keluarga ini ada sangkut paut dengan keluarga saya, apabila kami pergi melawat keluarga ini emak kepada anak itu menyatakan bahawa anak itu telah menyatakan dia bersedia untuk menyerahkan jantungnya kepada emak. Kerana kasihan kepada emaknya kerana sakit talasemia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran sila habiskan ucapan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Putatan itu betul. Ini yang dia gantung diri ini adalah *second attempt* dan memang benar anak ini telah menyatakan pada ibu. Mengatakan bahawa lebih baik saya dermakan jantung saya kepada emak supaya emak boleh hidup lama untuk memberi makan kepada anak-anak. Jadi harapan saya tidak perlu dipolitikkan terutama tolonglah jangan. Yang keduanya janganlah mengatakan hanya kerana Dony ini seorang berbangsa Kadazan Dusun seperti saya mengatakan orang-orang Kadazan Dusun ini telah dipinggirkan sehinggalah begini teruk dasar kemiskinan, ini tidak betul daripada pihak pembangkang. Dia cuba sensasikan. Cuma kita menyatakan bahawa perlu juga pihak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pendatang tanpa izin. Apa-apa pun yang sudah sekian lama kita nyatakan dan akhirnya ini memalukan kita. Pihak pembangkang cuba mengambil *mileage* perkara ini sedangkan banyak maklumat yang dia sendiri tidak tahu sebab dia sendiri tidak pergi ke sana, kita berada di sana. Jadi..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kata terakhir, sedikit sahaja. Bolehkah talasemia diubati dengan derma jantung, dengan *heart*. Talasemia ialah *blood condition*, bagaimana boleh diubati dengan *heart donation*.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tolonglah Ketua Pembangkang anak ini 11 tahun umurnya dan dia tertekan dalam hidup. Dia kasihan tengok emak dia. Dia tidak tahu talasemia. Mamang dia menunggu mati sahaja tapi anak ini kasihan dengan emak dia, itu sahaja. [*Dewan riuh*]. Tolonglah inilah pemikiran pihak pembangkang ini yang cuba memutarbelitkan fakta kita tahu talasemia. Tolonglah cuma di sini itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Curahan hati anak ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, habiskan Yang Berhormat, habiskan. habiskan ucapan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Ketawa*]. Jadi akhir sekali, akhir sekali dalam hal menurunkan kadar kemiskinan 23% ini kepada di bawah paras 10%. Kita mintalah pihak kerajaan semak balik perangkaan itu, Jangan masukkan bukan warga negara. Orang-orang yang mempunyai kad pengenalan yang dicurigai tolong jangan masukkan sebab ini memalukan

kita. kalau orang-orang asing ini, kalau kita perlu ambil tindakan untuk membantu mereka dari segi perikemanusiaan ada caranya tapi jangan masuk dalam perangkaan tokok tambah.

Yang kedua, semua setingan-setingan ini 144 ini di seluruh negeri Sabah tindakan telah diambil sepertimana yang dicadangkan oleh bekas pemangku pesuruhjaya polis Sabah.....mengatakan bahawa kita hapuskan semua. Kita hapuskan. Dan penempatan enam pelarian Filipina itu memang tidak boleh, saya tidak tahu lagi apa hendak cakap. Kalau kita masuk ini pesuruhjaya SUHAKAM, ini laporan SUHAKAM dalam buku ini. Laporan SUHAKAM menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Mereka sendiri dicuba sendiri oleh orang-orang di sana untuk menjual dadah. Kita minta supaya kerajaan mengambil tindakan tegas untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Memperbaiki keadaan enam penempatan Filipina. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat petang, ya. Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.05 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Saya Jemput Yang Berhormat bagi Kepong untuk menyambung ucapan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan sedikit mengenai kemiskinan di seluruh negara khasnya di Sabah. Kita diberitahu di dalam angka di dalam rangka Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita dapati 23 peratus kemiskinan di Sabah. Saya hendak pihak kerajaan mengkaji dan memberitahu kupasan yang diadakan oleh pihak kerajaan, mengapa angka begitu tinggi di negeri itu termasuklah saya diberitahu kerana ada golongan yang tertentu yang membawa pendatang daripada luar dan masuk di dalam golongan miskin dan sebagainya.

Saya hendak tahu apakah kupasan sebenarnya, kupasan analisis untuk kemiskinan di Sabah? Sebab kita tidak boleh faham dan tidak boleh menerima mengapa negeri itu mempunyai kadar kemiskinan yang begitu tinggi. Setakat ini kita nampak langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan terutamanya negeri Sabah tidak begitu berkesan untuk mengurangkannya. Sebab itulah saya berharap pihak kerajaan dapat memberitahu kita dengan teliti apakah sebenarnya berlaku dengan masalah kemiskinan di negeri itu?

Seterusnya mengenai sungai. Walaupun di dalam bekal tambahan ini ada peruntukan untuk membersihkan Sungai Melaka, saya hendak pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberitahu kita setakat mana projek-projek pembersihan sungai dapat dilaksanakan di negara ini termasuklah untuk membersihkan Sungai Kelang. Sebab saya di sini sering kali membangkitkan hal ini supaya pihak kerajaan menghidupkan semula sungai-sungai yang mati. Jumlah lebih 10 batang sungai di negara ini sudah mati dan kita berharap semua sungai ini dapat dipulihkan dengan beransur-ansur oleh pihak kementerian dan juga oleh pihak berkuasa tempatannya. Seterusnya mengenai Proton. Di sini kita ada dana pembangunan automotif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang, hendak bagi jalan?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pembaikan sungai ini saya rasa kalau di Melaka itu pengindahan. Tetapi sungai yang paling teruk hampir mati adalah 3 batang sungai di Pulau Pinang. Sungai Juru, Sungai Pinang dan ada satu lagi saya terlupa. Sepatutnya sungai-sungai yang telah mati inilah dipulihkan dahulu. Bukan mengindahkan sungai ataupun mencantikkan sungai untuk menarik pelancong seperti mana di Melaka tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Pendang. Saya pun gembiralah kerana Yang Berhormat memberi perhatian kepada sungai yang mati itu. Ada 3 atau 4 batang sungai di Pulau Pinang dan juga ada 3 batang di Johor Bahru, dan 2 batang di Selangor termasuk Sungai Kelang dan sebagainya. Ini memang kita mesti menumpukan perhatian yang lebih kepada sungai-sungai yang mati daripada mengindahkan sahajalah itu. Inilah perlu satu usaha yang lebih oleh pihak kerajaan persekutuan untuk memulihkan semula sungai-sungai yang mati itu.

Seterusnya mengenai dana pembangunan automotif untuk Proton Holdings Berhad. Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali itu lebih 20 tahun yang lepas, saya bangun di sini sudah membangkitkan mengenai Proton. Waktu itu kita bergiat. Pihak kerajaan hendak mengadakan Proton sebagai kereta nasional dan kita di sini sudah menerangkan bahawa kependudukan Malaysia tidak cukup untuk menampung walaupun pihak kerajaan menekankan bahawa akan mengadakan industri hiliran untuk industri kereta. Hiliran itu penting dan kalau kita

boleh mengadakan industri hiliran dengan lebih teratur, ini akan membawa faedah kepada kita. Tetapi sekarang lebih 20 tahun kemudian, kita menghadapi masalah yang sama.

Yang pertama kependudukan 26 juta orang itu tidak cukup untuk menampung kereta nasional dan tambah pula pada tahun lepas kita nampak jualan untuk kereta itu sudah turun sampai 15 peratus untuk semua jenis kereta. Tetapi pihak Proton, EON, dia bukan 15 peratus yang kurang jualan, lebih 30.5 peratus yang jatuh. Ini bermakna 400 wakil jualan Proton itu, mungkin lebih 70 peratus menghadapi risiko gulung tikar dan di Arau pun masalah yang sama. Kerana penjual-penjual Proton itu menghadapi risiko gulung tikar. Saya hendak mengetahui macam mana pihak kerajaan dapat mengatasi masalah kemerosotan jualan kereta Proton sejak tahun 2005 dan juga sebahagian besar lebih 70 peratus wakil penjual keretanya mungkin terpaksa gulung tikar ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam akhbar sering melihat ada rakan strategik. Volkswagen, Ford dan sebagainya yang membincang dengan Proton untuk mengadakan rakan strategik. Itu yang penting sekalilah kerana Tuan Yang di-Pertua, maklumlah negara seperti United Kingdom ada lebih 70 juta orang penduduknya dan mereka tidak dapat menampung industri kereta sendiri.

■ 1440

Sampai sekarang kereta-kereta seperti Rolls Royce sudah dijual kepada Jerman, United Kingdom. Mereka mempunyai mesin-mesin, sains dan teknologi yang kalau berbanding dengan kita lebih canggih. Tapi dia tidak mampu untuk menampung industri kereta sendiri.

Di Malaysia ini saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana rundingan untuk mengadakan rakan strategik dapat diadakan dengan secepat mungkin. Kalau tidak bagaimana kita dapat menghadapi masalah yang dihadapi oleh wakil-wakil penjual kereta kerana bukan wakil penjual sahaja, industri hiliran, vendor kita. Beratus-ratus vendor kita, bagaimana mereka dapat hidup?

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya pun berpendapat bahawa kita tidak boleh sentiasa memberi subsidi, memberi perlindungan kepada Proton Nasional kerana sekarang itu tempatnya sudah diambil alih oleh Perodua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Gulung, bukan gulung tikar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Boleh juga Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa]. Memang menghadapi masalah risiko gulung tikar, termasuk wakil penjual kereta bahkan juga vendor kerana kita mewujudkan sistem vendor kita untuk industri hiliran kereta. Apakah akan terjadi dengan vendor kita ini kerana mengapa pihak Perodua dapat mengambil alih kerana sebelum 2005 pihak Proton sudah menguasai pasaran 40% untuk kereta tempatan tapi sekarang tempatnya diduduki oleh pihak Perodua. Apakah yang sebenarnya berlaku yang mengakibatkan hal sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cukuplah? Mungkin tak cukup lagi. Dan saya sekali lagi mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu laporan yang lengkap untuk diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

2.43 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, negara kita hari ini sering dilanda oleh bencana alam iaitu malapetaka seperti banjir. Banjir ini berlaku dalam keadaan yang tidak boleh diramal. Contohnya negeri yang tidak pernah dilanda banjir berpuluh tahun, tiba-tiba banjir datang.

Dalam bandar raya yang semua serba-serbi moden pun dilanda banjir. Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua memang terkenal dengan bencana alam banjir ini. Boleh dikatakan tahun-tahun, kadang-kadang satu tahun empat kali. Persoalannya, apakah kerajaan telah bersedia untuk mengkaji satu pendekatan baru untuk memastikan bahawa bencana alam seperti banjir ini dapat dicegah. Adakah? Boleh direncanakan, satu program jangka panjang supaya kita boleh memastikan keadaan bencana alam ini dapat kita atasi. Sebab, kalau tidak tahun-tahun banjir melanda kawasan contoh Kinabatangan, satu kali banjir datang dia boleh bertahan sampai tiga bulan atau enam bulan dan ini akan mengakibatkan kerugian tanpa ada had nilainya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bukit Mertajam, hendak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itu masalah banjir bukan sahaja di Kinabatangan sahaja. Hari ini di Arau pun ada dua sekolah tenggelam dalam banjir, Perlis bukan di Arau. Di Perlis, Puchong, di Ipoh, di Bukit Mertajam, tempoh hari di Shah Alam. Sering kita dengar ada rancangan, kalau peruntukkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta penjelasan bukan berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, jadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan, selepas pilihan raya kecil Machap ini, saya telah dapat satu jawapan. Bahawa ialah kekurangan *political will*. Kalau di Machap, kalau masalah boleh diselesaikan dalam 10 hari, mengapa masalah banjir di Kinabatangan tidak boleh? Kerana Kinabatangan di sana tidak ada orang melawan. Setujukah Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, *political will* ini memang Barisan saja tidak ada lain. Pembangkang mana ada *political will*. Soal banjir di Kinabatangan ini, Kinabatangan ini merupakan salah satu sungai nombor dua terpanjang dan

terbesar di Malaysia, 720 KM, bayangkan. Jadi dia memang berliku-liku. Saya tidak berliku-liku Yang Berhormat, saya lurus sahaja.

Jadi inilah, kita merayu kepada kerajaan, kalau boleh mencari satu pendekatan baru memastikan bahawa di bandar, pembangunan yang membangun ini haruslah disertai dengan laporan terperinci. Tidak boleh membina bangunan-bangunan, jalan raya tidak bertambah, perparitan tidak bertambah. Satu ketika dulu saya ada bangkit di mana Majlis Bandaraya Kuala Lumpur telah memanggil konsultan daripada Jerman untuk menghalau air kosnya RM2 bilion, menghalau air sahaja. Dalam masa yang sama, apabila kemarau kita kekurangan air pula. Jadi ini memang satu persoalan yang perlu diselesaikan dan ini memang memerlukan satu komitmen daripada kerajaan.

Jadi saya meminta kalau boleh buatlah kajian di kawasan Kinabatangan dan kawasan-kawasan yang lain bagaimana banjir ini boleh dicegah sehingga tidak memudaratkan rakyat dan kerajaan akan rugi setiap kali bencana alam ini kita akan rugi kalau tanpa ada perancangan jangka panjang.

Kita sedar bahawa perubahan keadaan dunia pada hari ini banyak menyumbang ke arah keadaan semasa itu boleh berlaku dan ini diakibatkan oleh mungkin perbuatan manusia dan sebagainya. Satu faktor penyumbang lagi ke arah pencemaran alam kita, di Sungai Kinabatangan ini terdapat lebih kurang 300 ladang-ladang kelapa sawit dengan 45 kilang kelapa sawit. Kerja mereka iaitu mereka membuang sisa-sisa toksik di Sungai Kinabatangan. Jadi sehingga hari ini tidak ada satu pun syarikat didakwa, saya hairan kenapa tidak ada? Apakah penguat kuasa kita tidak nampak, ataupun mereka sudah buta, ataupun mungkin mereka ada 'kautim' atau pun rundingan, saya tidak menuduh. Barangkali sebab kalau mereka menjalankan tugas mereka, sudah ada yang didakwa, sudah ada yang dihadapkan ke mahkamah. Ini tidak ada, sama ada rasuah atau tidak saya tidak menuduhlah. Tapi kalau orang luar cakap memang ada, saya tidak tahulah.

Jadi kalau ada saya minta ketua dialah siasat perkara ini. Dianggarkan 40,000 tan satu bulan sisa-sisa baja dan toksik dibuang di Sungai Kinabatangan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akibatnya, hidupan dalam sungai seperti ikan, udang makin lama makin merosot.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan berucap, tanya saja.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Ketawa]*. Adakah Yang Berhormat faham bahawa di negeri Sabah ada dua agensi yang memantau tentang pencemaran sungai. Yang pertama adalah Jabatan Alam Sekitar di mana mereka memantau apa yang berlaku di dalam kilang, pencemaran di dalam kawasan kilang. Yang kedua adalah Jabatan Konservasi Alam

Sekitar Negeri Sabah ini di bawah kerajaan negeri. Mereka memantau apa yang berlaku termasuk pencemaran di dalam sungai.

Jadi apakah cadangan Yang Berhormat agar kedua-dua agensi ini bekerjasama. Adakah Yang Berhormat akan memberitahu kepada kedua-dua agensi ini.

■ 1450

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tuduh mereka tidak kerja. Tetapi kalau orang kerja, nampak hasilnya. Kalau orang kahwin pun dia kerja, ada anak. Tetapi mungkin dia tidak kerja. Ini persoalannya. Saya tidak menuduh mereka lemah, tetapi terserah kepada mereka untuk membuat tafsiran sama ada mereka betul-betul menjalankan kewajipan sebagai Jawatankuasa Pemantau, Jawatankuasa Alam Sekitar atau Jawatankuasa Konservasi, mereka harus melihat bawah bencana alam menjadi ancaman kepada negara kita, kepada rakyat dan kenapa mereka tidak menjalankan kewajipan secara total?

Memastikan sesiapa yang melakukan kesalahan harus dipersalahkan dan harus didakwa. Undang-undang harus diperketat. Dalam masa yang sama, mereka kena turun padang untuk melihat keadaan-keadaan yang berlaku di sekitar tersebut. Jangan hanya ada laporan TV baru turun, laporan surat khabar baru turun. Kita kena cari masalah, jangan duduk di pejabat. Ini masalah kita. Apabila kita diberi tugas, mereka menunggu orang melaporkan. Kenapa kita sendiri tidak turun cari masalah dan selesaikan. Barulah ada *transparency*. Barulah *delivery* sistem kita dapat diyakini oleh rakyat.

Ini tidak, mereka tunggu arahan. Ada orang melaporkan pun, dia tidak buat siasatan. Dia kata ini tuduhan liar. Mana boleh? Masalah rakyat harus dilihat secara saksama. Kedua-dua jabatan dan agensi yang dipertanggungjawabkan ini harus bertanggungjawab. Kalau tidak boleh, berhenti. Jangan membebankan kerajaan dan rakyat apabila berlaku bencana-bencana seumpama ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, satu lagi Tuan Yang di-Pertua, satu isu lagi. Saya pernah bangkitkan bersama rakan-rakan dua tahun yang lalu iaitu penggunaan beg plastik di negara kita. Hari ini rata-rata negara membangun dan maju, mereka telah mengharamkan beg plastik. Tetapi di negara kita sehingga hari ini, saranan yang telah kita sarankan tidak juga diendahkan. Sedangkan beg plastik yang kita guna pakai pada hari ini dia tidak mudah lupus. Dia bukan *biodegradable* yang boleh lupus serta-merta.

Seorang Ahli: Luput.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Luput atau lupus? Luput. Yang mudah luput.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi apabila ia tidak mudah luput...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani hendak bagi jalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya cuma hendak tanya satu soalan. Kalau kita keluarkan arahan pada hari ini tidak menggunakan plastik lagi, apa akan terjadi kepada industri plastik kita? Ini menjejaskan korporat-korporat yang tertentu dalam dunia plastik ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Ada teknologi baru. Beg plastik juga, tetapi ia mudah luput. Jadi, kenapa kita tidak guna pakai teknologi-teknologi baru - *biodegradable* ini? Kenapa kita masih mengekalkan beg plastik yang boleh membawa ancaman. 20 tahun dalam kajian, beg plastik yang kita guna ini tidak akan luput. Jadi ini memudaratkan alam sekitar kita dan kalau boleh kerajaan harus mengambil perhatian ke arah mengkhususkan kilang-kilang ini menukar teknologi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mereka dapat untung, negara kita juga bersih dan juga mendapat sokongan daripada rakyat apabila melihat bahawa negara kita ini mengamalkan satu sistem pendekatan untuk kepentingan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

2.54 ptg.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Saya straight to the point.* Pertama, setelah kita mencapai 50 tahun kemerdekaan, rata-rata yang bekerja di bawah paras RM1,000 ini menyuruh suarakan di Parlimen ini. Ini kerana setelah 50 tahun kita merdeka, sudah tentulah yang pendapatannya kurang dari RM1,000 ini tidak cukup makan. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kais malam tidak boleh makan. Jadi, kita berharaplah macam Kementerian Kewangan kita ini supaya yang dapat RM300, RM400 atau RM500 ini dinaikkan ke tahap RM1,000. Lebih-lebih lagi seperti KPPM dan PPM di kawasan masing-masing begitu juga imam-imam di pedalaman di luar mukim. Tok-tok khatib dan tok bilal ini yang menjalankan tugas harian lima waktu sehari semalam untuk ini. Maka sudah tentulah sampai masanya setelah 50 tahun kita merdeka, mereka ini dapat diangkat ke tahap RM1,000 ke atas.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi mana Yang Berhormat?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Bagi Yang Berhormat bagi Maran dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sila duduk.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya tertarik dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Krai, sekarang ini kita nampak ramai pesara kerajaan yang saya ingat sebahagian besarnya ramai yang berpendapatan kurang daripada RM1,000. Saya hendak mencadangkan kalau boleh, kerana sekarang ini Yang Berhormat sudah sebutkan tadi bahawa RM1,000 tidak cukup lagi untuk kehidupan sekarang dalam keadaan yang cukup mencabar ini. Saya hendak mencadangkan apa salahnya kalau kita minta kerajaan menetapkan supaya pesara-pesara ini diberikan bayaran persaraan tidak kurang daripada RM1,000. Maknanya semua orang akan dapat RM1,000 walaupun berpendapatan rendah. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Kita jadikan satu ucapan daripada saya juga. Satu lagi saya hendak supaya kenaikan ini patut dikaji. Kalau RM20 satu tahun atau RM50 satu tahun bukan masanya sekarang setelah kita maju. Mesti kalau RM1,000 itu, RM100 untuk setahun. Kalau gaji RM2,000, RM200 untuk setahun. Mengikut ribu ini, barulah sesuai dengan negara kita yang membangun dan maju.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta laluan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai abang saya kerana bukan sahaja 50 tahun merdeka, umur UMNO 60 tahun, satu umur yang dewasa. Setuju atau tidak kalau kita wujudkan Skim Imam, 'endorsekan' skim di bawah JAKIM tadi iaitu A,B,C. Yang keduanya sama juga PPM tadi dengan penghulu. Kedua-dua ini penting, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, itulah yang kita hendakkan. Betul, sampai masa dan ketikanya. Yang kedua, insentif kepada guru-guru dan juga pekerja-pekerja yang pergi ke pedalaman terutama Sabah, Sarawak atau Kelantan, masih ada lagi. Sekarang ini yang RM500 baru dijalankan. Yang RM1,000 ke RM1,500 belum lagi dijalankan dan masih dalam kajian. Maka kita harap, percepatkanlah perkara ini kerana mereka

merungut. Mereka sudah pun menjalankan tugas di pedalaman terutama sekali Sabah dan Sarawak begitu pedalaman sehingga dari Kelantan merayu-rayu kepada wakil rakyat dan kata, "Tolonglah, supaya ada air dan ada api, kita tidak ada asas lagi di sana." Jadi sudah sampai masanya supaya insentif mereka ini kepada RM1,500 patut dikaji dan diberi segera.

Yang ketiga mengenai Jawatankuasa Pemantauan yang kita bercakap mengenai *delivery system* ini. Sudah tentulah ia tidak terlaksana jika tidak diawasi dan dipantau dengan betul-betul. Jadi saya mencadangkan supaya setiap jabatan ini diadakan Jawatankuasa Pemantauan dengan diberi insentif yang tertentu supaya *delivery system* ini bukan lagi kita bercakap setiap kali dalam Dewan ini pada setiap tahun, tetapi masih tidak ada kesannya.

Yang keempat, satu peruntukan kepada kawasan di setiap Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Kita bercakap mengenai dengan modal insan. Sudah tentu di sekolah dan di Pengajian Tinggi ada ini, tetapi di DUN-DUN dan juga di kawasan Parlimen tidak ada. Maka saya cadangkan supaya satu peruntukan diberi kepada setiap DUN ini iaitu kutub khajah (*library*) dan adakan kegiatan-kegiatan di DUN-DUN ini dengan peraduan membaca - berapa banyak buku yang telah dibaca, agihkan ke setiap DUN kemudian sampai ke peringkat Parlimen barulah kita ada asas untuk membaca. Kita pergi negara-negara maju seperti London, Amerika ataupun negara jiran, mereka sentiasa membaca walaupun duduk di atas kenderaan, di kedai-kedai atau di mana-mana. Mereka tidak ada berbual tetapi membaca. Tetapi, negara kita di Malaysia ini masih jauh tahap membaca itu. Maka sudah sampai masanya kita adakan *library* ini di setiap DUN dan Parlimen dan ada peruntukan khas supaya kegiatan ini dapat dijalankan di setiap DUN dan Parlimen itu sendiri.

■ 1500

Yang kelima mengenai dengan sukan tahap, mutu yang begitu rendah sekali. Kita tidak ada padang-padang permainan di sekolah juga terutama sekali di luar bandar macam Sabah, Kelantan, Sarawak masih tidak ada tempat bermain. Budak beribu-ribu tapi tidak ada tempat bermain. Kita hendak supaya tahap sukan negara kita maju dan dapat ke tahap antarabangsa. Sudah tentulah kita ketinggalan kerana tidak ada tempat bermain. Maka sudah tentu kita hendak adakan kompleks sukan ini di tiap-tiap DUN dan juga di tiap-tiap Parlimen. Kita boleh adakan satu kompleks sukan yang begitu mahal di London umpamanya kenapa tidak di tempat sendiri. Tentulah kita kena jaga di tempat sendiri dahulu kerana asasnya berada di tempat sendiri dahulu. Barulah kita boleh pergi lanjutkan ini. Tidak ada kita bermegah-megah di luar negara sedangkan kita di tempat sendiri, tidak ada apa tahap yang boleh kita banggakan.

Dan yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan keadaan pembersihan sungai ini, yang mana telah dilaungkan dan telah disuarakan berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menjaga kebersihan sungai. Saya tertarik dengan Sungai Kelantan, di Kota Bharu, yang mana telah dibuat satu keindahan dari segi menyambung

tanah dan juga membuat benteng di tebing-tebing sungai di kawasan Kota Bharu itu sendiri Bandaraya Islam yang kita hendak bersih yang kita hendak maju.

Kita beri penghargaan di atas hendak maju itu tapi sekarang jauh lagi dengan maju, jauh lagi dengan bersih dan saya hendak tahu, sejauh manakah campur tangan Kerajaan Pusat dalam memperindah ataupun penyambungan tanah di kawasan Kota Baharu itu sendiri. Kalau tidak, jika kita harapkan kerajaan negeri mungkin perkara ini akan terjadi satu kekotoran seperti yang kita kata di Lojing itu, akan lebih dahsyat lagi. Jadi itulah saja pendapat dan pandangan saya, dan saya menyokong...

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Itulah sahaja, dan saya menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

3.02 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya menyokong cadangan Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen yang telah menyuarakan khusus mengenai masalah *delivery system*. Saya rasa kalau perlu mereka yang telah menyuarakan berbagai-bagai idea dan perkara baik itu dipanggil supaya memperjelaskan, apakah rancangan cadangan yang baik itu supaya ia dapat segera diteruskan.

Saya ingin mengkhususkan perkara yang pertama Tuan Yang di-Pertua mengenai watak guru ini. Sifat, sikap kasih sayang guru ini kepada murid-murid, saya nampak sekarang ini sangat berkurangan. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua kalau saya tanya Tuan Yang di-Pertua sekarang ini, lima orang guru yang berkesan wataknya kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa dengan serta-merta boleh jawab. Saya boleh jawab, saya akan ingat Mr. Lingam, Mr. Singam, Cikgu Mustafa, Cik Puspa dan sebagainya. Tetapi saya banyak kali bertanya dengan anak-anak kita yang lepasan SPM baru-baru ini, saya tanya mereka tiga orang guru mereka yang mereka ingat. Mereka terca-cari watak guru mereka ini. Ini satu gambaran bahawa guru kita sekarang ini nampak kurang berkesan. Tapi saya rasa dari segi P&P, pengajaran dan pembelajaran dari segi akademik, saya nampak sangat berkesan. Contoh yang paling jelas Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pandai sebenarnya belilah VCD ini. Saya bukan hendak kempen, *Rahsia Kecemerlangan Nur Amalina*. Tapi ini satu perkara yang biasa. Tetapi yang paling saya takuti sekali ialah Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin tekankan ialah sikap dan sifat kasih sayang guru kepada murid-murid ini nampak kurang.

Oleh kerana itulah, kalau kita lihat sekarang ini manifestasinya ialah ramai anak-anak kita yang sebenarnya ponteng kelas, ponteng guru. Hari-hari perkara ini dimanifestasikan dalam akhbar kita dan nampaknya perkara ini sebenarnya kurang diberikan perhatian. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Pelajaran, supaya kurikulum dalam BPG iaitu Bahagian Pendidikan Guru, ataupun institusi latihan guru ini dikaji semula dalam konteks menanamkan kasih sayang guru ini kepada murid-muridnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat, dan pengalaman ini semua ada pada kita sebenarnya di mana watak seorang guru itu sangat berkesan. Oleh kerana itu saya pernah menyarankan supaya setiap guru, seorang Guru Besar seorang Pengetua kalau dia menegur anak kita di sekolah, memuji anak kita di sekolah, impaknya, kesannya hampir serta-merta. Dia balik, dia akan berlari berjumpa mak bapaknya menyatakan bahawa Guru Besar atau Pengetua telah menegur dan memuji dia. Apa impaknya? Ini ada kaitan dengan semangatnya untuk belajar. Tetapi dewasa ini saya rasa perkara ini sangat kurang...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Oleh kerana itulah bagaimana ia harus dimanifestasikan, saya rasa itu perkara yang harus....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, hendak bagi jalan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sebelum saya lupa Yang Berhormat bagi Tangga Batu, satu lagi perkara, saya bukan hendak lompat jauh tapi saya hendak khusus kepada tajuk ini dan setiap guru itu Tuan Yang di-Pertua, dia perlu ada kelebihan pada muridnya.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak megah diri saya, saya pun tinggalkan agenda guru. Cuba tengok tangan saya ini Tuan Yang di-Pertua. Saya tunjuk perkara ini sahaja sebenarnya murid-murid kita ini dia macam pelik dan hairan sedikit. Ini satu yang saya hendak katakan bahawa setiap guru itu perlu ada keistimewaan. Selepas ini saya akan tunjuk bagaimana saya boleh main silap mata. Saya hendak hilangkan duit lima puluh sen ini. Saya nak kaitkan ini dengan watak guru ini harus menjadi satu manifestasi murid-murid kita akan menaikkan semangat dia untuk belajar. Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya berminat tentang tajuk watak atau karakter guru itu. Ketika saya sekolah saya ingat, masa sekolah Yang Berhormat jadi cikgu dan layak saya panggil ayahanda kalau hendak. Yang Berhormat, murid-murid di sekolah dia mengingat watak guru ini lebih ke arah kekikiran. Maknanya guru yang garang, mereka gelar dengan jenama-jenama yang tertentu. Umpamanya saya pernah mempunyai seorang guru disiplin yang garang dan dipanggil cikgu itu namanya 'Abu Hassan jin'. Maknanya jin itu sejahat-jahat manusialah. 'Abu Hassan jin'.

Jadi watak-watak guru ini, masa saya sekolah dahulu, kita mengingatkan sesuatu yang kurang baik tentang seorang guru bukannya lebih kepada kebaikan. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu manifestasi yang sangat penting yang membuktikan bahawa watak guru ini sangat berkesan, sama ada ia positif atau negatif itu sebenarnya terpulung. Tapi yang saya hendak nyatakan di sini sewajarnya watak kiri ini sepatutnya dikanankan. Tapi kadang-kadang kalau dahulu walaupun dia ada watak jin umpamanya ada guru yang dia suka debuk belakang kita, dia suka debuk memang begitu watak dia, tapi kalau kita lihat guru-guru ini sebenarnya dia dapat membina watak yang positif di kalangan kita tetapi dewasa ini ia berbeza.

Oleh kerana itu saya hendak mengulangi tadi bahawa guru ini seharusnya menjadi hero, menjadi idola kepada murid-murid dia dan ini harus dibina. Macam saya kata kepada pihak kerajaan tadi, bagaimana hendak membina watak ini saya ingat ini harus dikembangkan. Saya ingin mengambil contoh umpamanya, memang ada guru memang sifat dia orang yang lawa, segak, *handsome*. Itu mungkin tak ada masalah. Ini ada guru sudahlah macam saya ini tak lawa, tak *handsome*, lepas itu pakaiannya pula selekeh, habis kita. Tetapi kita bagus pula main bola, kita bagus main badminton dan sebagainya. Akhirnya ini ada kaitan dengan guru itu menarik perhatian murid-murid dia untuk dijadikan contoh dan apa cakap dia itu akan diikuti.

Okay, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya sudah beritahu tadi, ini duit lima puluh sen sebenarnya. Saya cakap dengan murid-murid saya, duit 50 sen ini saya boleh masukkan di sini sampai belakang sebenarnya dia akan hilang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak tunjuk silap mata di kantin Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Nanti dahulu. Bukan, bukan. Saya minta maaf. Okay ya. Saya akan masukkan duit 50 sen ini Tuan Pengerusi dan dia akan sampai belakang. Tengok ya, saya telan dia...*[Menunjukkan gaya silap mata, menelan duit 50 sen]* Ia akan masuk sampai belakang dan ini memang ada 50 sen di sini. Saya hendak kaitkan begini 'Tuan Pengerusi', saya hendak balik kepada tadi, saya bukan hendak megahkan. Seorang guru itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita bukan dalam peringkat Jawatankuasa, kita masih bersidang lagi. "Tuan Yang di-Pertua" Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Okay, maaf. Saya ringkaskan. Terima kasih. Kita boleh berbincang di tempat lain tapi khususnya watak guru ini harus menjadi hero ataupun idola kepada murid-murid dia supaya segala apa yang ditegur atau disuruh oleh guru itu sebenarnya akan diikuti oleh murid-muridnya.

Jadi, perkara yang kedua, saya hendak khusus kepada isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya hampir mengalir air mata, Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang pelajar ini yang dikatakan bunuh diri ini tadi sebenarnya puncanya sebenarnya ialah daripada dadah. Jadi, kerana itu ada beberapa perkara yang saya hendak tanya kerajaan. Yang pertama ialah bila Mahkamah Khas Dadah ini hendak diperkenalkan. Saya ucap tahniah kepada Sabah, Mahkamah Malam akan mula diperkenalkan mulai bulan hadapan. Ini satu gambaran bahawa kerajaan memang serius untuk menangani masalah tunggakan yang begitu banyak di mahkamah. Itu perkara yang pertama.

Perkara kedua, pada dasarnya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sudah berjanji untuk mewujudkan Unit Kerjaya agar pelatih-pelatih yang keluar daripada pusat serenti, beribu mereka, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka maknanya telah pun pulih, maknanya tidak menagih, mereka keluar daripada pusat serenti, kita tahu hanya 20% sahaja ibu bapa yang mengambil mereka. 80% dia bagi duit RM100, balikkah kamu ke mana-mana kamu hendak pergi.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah sebenarnya selepas itu mereka mahukan suatu kehidupan, mereka bukan setakat hendak hilang penagihan daripada dadah, mereka perlukan suatu kehidupan. Oleh kerana itu, mereka perlukan kerjaya, mereka perlukan kerja, mereka perlukan pendapatan, mungkin mereka pun hendak berumah tangga dan ini harus dikhususkan oleh AADK.

Perkara yang ketiga, dari segi dadah ini, saya telah pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang akhir, yang akhir Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang akhir, okey. Kita telah mengenal pasti, Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat tertentu yang jelas sebenarnya serius masalah, bukan sahaja penagihan, pengedaran. Macam sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran, dia tadi tidak sebut lima kawasan termasuk Kanowit, di Sandakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kanowit Sarawak, Yang Berhormat. Sabah Kinarut, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tempat-tempat yang dikenal pasti. Jadi, kita telah mencadangkan pun, Tuan Yang di-Pertua, supaya jika perlu, Timbalan Menteri Pertahanan pun ada di sini, kita telah mencadangkan tempat yang dikenal pasti ini, satu platun, dua platun tentera diletakkan di situ untuk tiga bulan sampailah penagihan dan pengedaran itu kering. Jika perlu pakai preman, tidak usah pakai askar dan sebagainya, ini pun terpulang kepada polis dan juga AADK untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, paling akhir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Satu sahaja, satu sahaja. Ini Suruhanjaya Penapisan Filem ini. Filem dan juga rancangan TV ini, saya tengok televisyen kita

ini rancangannya semakin malam, semakin kurang pakaianya. *[Ketawa]* Semakin malam maknanya semakin kuat lonjaknya, semakin ligat geleknya. Saya harap supaya penapisan ini lebih serius untuk menangani masalah ini kerana ini sangat mempengaruhi gaya hidup anak-anak muda kita. Sekian, Sabak Bernam menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

3.13 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menunggu lama juga tetapi alhamdulillah dapat bercakap pada petang ini dan saya terus kepada, kebetulan pula Timbalan Menteri Pertahanan pun ada di sini. Oleh kerana kawasan saya, Parlimen Tangga Batu ini 20% daripada masyarakatnya terdiri daripada golongan tentera dan juga bekas-bekas tentera, jadi di sini saya ingin membawakan masalah yang telah lama dialami oleh bekas-bekas tentera yang pernah berkhidmat dengan Malayan Special Force di Congo.

Bercakap tentang Congo ini, Tuan Yang di-Pertua, salah seorang daripada guru disiplin saya pun pernah dipanggil Nordin Congo. *[Ketawa]* Ini kerana anak-anak murid nakal, dia kata, "*Kamu ini semua bagus pergi Congo*". Dia katalah, jadi kita panggil dia Nordin Congo, itu watak gurulah. Tetapi di sini, Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah tentang pembayaran elaun kepada tentera-tentera kita yang pernah berkhidmat di Congo ini.

Saya telah dapat menyelami masalah mereka, apabila salah seorang daripada *paymaster* yang pernah berkhidmat di Congo ini memberitahu bahawa ketika itu peruntukan daripada Bangsa-Bangsa Bersatu ialah sebanyak USD12 sehari. Kemudian kadar pertukaran pada ketika itu ialah RM3.21 dan sebenarnya mereka sepatutnya *deserve*, ataupun menikmati pembayaran elaun sebanyak USD38.52 sehari, yang membawa jumlah RM1,255 sebulan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang merunsingkan mereka ialah pada ketika itu, kerajaan Malaya pada ketika itu hanya membayar USD1.40 sehari, yang mana ada berlaku kekurangan sebanyak lebih kurang USD10.60. Jadi, di sini Persatuan Tentera-tentera Congo ini telah pun melahirkan rasa besar hati mereka jika pihak kerajaan dapat mendengar tuntutan mereka, yang mana jika mereka berkhidmat di Congo selama kurang-kurang pun 12 bulan, mereka mungkin boleh dibayar pampasan sebanyak RM12,249.36, itu untuk 12 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji sejarah perkhidmatan askar-askar Malaya di Congo ini, saya kira ia termasuk di dalam laluan kita menikmati 50 tahun Kemerdekaan. Jadi, adalah besarlah harapan saya, selaku wakil kepada sebahagian masyarakat askar Malaya di Congo ini untuk merayu kepada pihak kerajaan supaya menimbangkan semula rayuan-rayuan mereka agar ini agar mereka boleh diberikan tempat sebagai salah seorang yang pernah menyokong kerajaan kita di peringkat awal kemerdekaan.

Soalan saya nombor 37, 17 April hari ini, Tuan Yang di-Pertua, telah menyatakan bahawa kerajaan telah pun mengkaji pemberian sumbangan atau sagu hati sebelum ini kepada bekas-bekas anggota tentera yang telah berkhidmat di bawah PBB di Congo. Mereka telah pun dianugerahkan Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PNBB) di Congo, serta sagu hati sebanyak RM500. Kenyataan yang akhir ini menyebabkan mungkin kekecewaan di kalangan askar-askar kita yang berkhidmat di Congo ialah pemberian ini adalah setimpal dan memadai dengan pengorbanan mereka, hanya RM500.

Jadi, saya pohon kalau Timbalan Menteri ada di sini, sejumlah peruntukan boleh disediakan bagi mengenang kembali, bukan ramai pun, hanya sebilangan kecil lagi yang masih berada bersama kita di Parlimen Tangga Batu terutama, di seluruh negara amnya yang boleh kita pertimbangkan bagaimana boleh mereka ini diberikan ruang bagi sama-sama menikmati kemakmuran ekonomi negara pada hari ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang kebajikan artis-artis berjadual Radio Televisyen Malaysia (RTM), yang mana hari ini kita dapat lihat tidak kurang daripada 4,000 kakitangan-kakitangan yang berkhidmat, anggota kerja yang berkhidmat dengan Radio Televisyen Malaysia ini adalah di peringkat artis berjadual yang disara secara *piecemeal*, di mana mereka ini tidak mempunyai *pay slip*, Tuan Yang di-Pertua.

Mereka juga tidak mempunyai dokumen-dokumen rasmi yang membolehkan mereka untuk membuat pinjaman bagi perumahan, yang membolehkan mereka untuk pergi ke hospital-hospital swasta dan ini adalah menampakkan bahawa kerajaan kita dalam usaha untuk menerbitkan rancangan-rancangan yang berkualiti di radio dan televisyen kita, mereka juga perlu diberikan perhatian. Ini kerana artis-artis berjadual inilah yang sebenarnya telah pun membina Radio Televisyen Malaysia sehingga siaran-siaran mereka hari ini benar-benar mendapat tempat di hati penonton-penonton di negara kita.

Harapan saya supaya pihak kementerian memerhati bahawa artis-artis ini jika mereka tidak diberikan ruang di dalam perkara-perkara kebajikan seperti ini mungkin apa yang berlaku ialah sifat-sifat *demoralize* ataupun sifat-sifat yang mungkin akan membawa keburukan kepada Radio Televisyen Malaysia sendiri yang mungkin akan menjejaskan informasi serta maklumat-maklumat kerajaan kepada masyarakat ataupun rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya bawakan di sini ialah berkaitan dengan isu pembanterasannya najis dadah oleh pihak berkuasa. Di mana pada 10 April yang lalu kita telah dapat melihat suatu tangkapan yang begitu hebat oleh pihak Polis Diraja Malaysia yang telah melibatkan rampasan berpuluh-puluh kilogram dadah jenis sintetik ini dan juga rampasan nilai tunai berjumlah RM5.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah untuk memproses berkilo-kilogram dadah sintetik ini sudah pasti terdapat bahan-bahan mentah ataupun bahan-bahan kimia campuran yang mana pihak kerajaan sudah boleh memastikan dari manakah datangnya bahan-bahan

mentah untuk mencampurkan bahan-bahan kimia ini supaya ia boleh mengeluarkan dadah-dadah jenis sintetik. Jadi, mengapakah pihak kementerian sentiasa berada di peringkat hiliran, di peringkat akhir pengeluaran, tidak berada di peringkat awal boleh mencegah perkara ini daripada berlaku.

■ 1520

Saya juga suka ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya memberikan perhatian kepada bahan-bahan bukti ini supaya tidak berlaku kes-kes di mana kehilangan bahan-bahan bukti apabila kes ini dibawa ke mahkamah pihak kerajaan akan berada di pihak yang kalah. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah tentang pembawamasukan dadah-dadah jenis *subutex* dan juga *methadone*. Pada hari ini telah berlaku berleluasa kerana kelonggaran yang telah diberikan oleh pihak kementerian kepada pengguna-pengguna *subutex* dan juga *methadone* ini bagi tujuan meringankan ketagihan dadah mereka. Jadi alasan ini telah menyebabkan banyak pengimport-pengimport ubat ini telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti menjual ubat-ubat *methadone* dan juga *subutex* ini kepada pengguna-pengguna tanpa kebenaran yang sah daripada pihak Kementerian Kesihatan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberikan maklumat oleh Persatuan Pengasih dan juga Penyayang kerana ubat-ubat seperti *methadone* dan juga *subutex* ini juga jika dicampurkan dengan ubat batuk mereka akan menjadi dadah yang lebih hebat daripada heroin dan morfin yang berada di pasaran. Ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk melihat penagih-penagih dadah kita kembali ke pangkal jalan akan kecewa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa perkara yang saya kira boleh diberikan perhatian ataupun pihak kementerian untuk menyediakan sebahagian daripada peruntukan untuk membina ataupun mengagaskan beberapa unit penguatkuasaan supaya usaha kerajaan untuk melihat cita-citanya di peringkat pelaksanaan akan menjadi satu kejayaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa lagi orang nak bercakap? Dua, empat, enam. Saya ingin memberi masa lebih kepada Menteri untuk menjawab dan memberi semaksimum mungkin Ahli Yang Berhormat berucap. Lagipun Yang Berhormat boleh berucap di peringkat Jawatankuasa. Kalau boleh kita hadkan kepada lima minit supaya semua boleh berucap.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara saja. Yang pertama ialah tentang *delivery system* ataupun sistem penyampaian yang telah pun disuarakan oleh ramai daripada sahabat-sahabat kita dalam Parlimen ini. Dalam pelaksanaan apa juga program yang dilancarkan oleh kerajaan, kita tidak boleh pisahkan tiga elemen dalam masyarakat.

Yang pertama ialah pembuat dasar, kita sebagai pembuat dasar. Yang kedua ialah agen pelaksana, maknanya "*implementer*" dengan izin iaitu di peringkat-peringkat kementerian dan juga jabatan kerajaan. Dan yang ketiga ialah kumpulan sasaran iaitu penerima dasar-dasar yang

dirancang oleh kerajaan dan yang di sana dan pada saya, saya masih belum berpuas hati bahkan ramai daripada kita belum berpuas hati dengan sistem penyampaian yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya kerajaan ini.

Saya nak timbulkan satu saja Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen kita saya pernah menyuarakan suatu ketika dulu di mana kita dah ada sebelas kali Parlimen dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen biasa dijawab oleh berbagai kementerian. Kadang-kadang kita mendapat jawapan yang baik, yang positif dan kadang-kadang tidak memuaskan dan saya pernah mencadangkan soalan-soalan seperti ini dibukukan.

Alhamdulillah, sekarang kita dah dapat jawapan-jawapan daripada soalan-soalan yang dikemukakan telah pun dibukukan oleh pihak Parlimen. Saya juga nak menyentuh tentang Parlimen. Saya minta kalau Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang khusus tentang Parlimen dan juga Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat supaya saya perhatikan kadang-kadang banyak soalan-soalan yang kita kemukakan *over lapping*, berlapis-lapis. Kadang-kadang setiap minggu keluar soalan yang sama sehinggakan jawapan yang dikemukakan timbul sama saja dan jawapan yang diberi oleh Kementerian ini saya kira dari segi *follow up* dan *follow through* tidak cukup.

Saya nak mencadangkan supaya kita melihat satu sistem yang lebih oleh pihak Parlimen. Bagaimana kita boleh pastikan apa juga cadangan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen ini dapat dijawab oleh pihak kementerian dan *follow up* dan *follow through* perlu dibuat dengan izin, cara yang baik kerana Tuan Yang di-Pertua saya terlibat di daerah hampir 30 tahun dan kalau dulu saya menjadi sebagai pentadbir, hari ini saya menjadi Ahli Parlimen saya nampak kadang-kadang *delivery system* yang ada ini tidak memuaskan kita. Sebab itu saya minta supaya perhatian serius perlu diambil kerana kalau sistem ini tidak berjalan dengan baik di semua tiga peringkat tadi saya tidak yakin apa yang kita rancangkan sama ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kesepuluh dan sebagainya akan mendapat kejayaan yang sebaiknya. Itu Tuan Yang di-Pertua.

Kedua ialah Tuan Yang di-Pertua tentang saya nak sebutkan sekali lagi ialah tentang lebuhraya ini. Lebuhraya saya nak khususkan kepada Lebuhraya Pantai Timur dan juga Kuala Lumpur-Karak. Banyak Ahli-ahli Parlimen dan juga masyarakat kita kecewa dengan kenaikan tol di banyak kawasan, di Ampang dan sebagainya dan berlaku *demonstrate* yang melibatkan mereka yang "*protestis*" kenaikan tol ini. Walaupun kita tahu matlamatnya mungkin baik bagi sesetengah pihak tapi saya masih tidak berpuas hati dengan apa yang faedah yang kita dapat.

Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua tol dinaikkan keuntungan akan dapat kepada pemegang konsesi tol ini tetapi faedah yang sebenarnya tidak dapat oleh masyarakat sebagai pengguna seperti kita ini. Saya melalui Lebuhraya Pantai Timur ini Tuan Yang di-Pertua boleh dikatakan tiap-tiap hari, setiap minggu dan tiap-tiap hari dan sehingga hari ini Lebuhraya Pantai

Timur ini masih belum memuaskan dan banyak kemalangan telah berlaku dan juga melibatkan saya sendiri.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Menyentuh mengenai dengan Lebu Raya Pantai Timur kerana kita daripada Kelantan melalui Pahang ke Kuala Lumpur dan ada satu kawasan iaitulah kawasan Bentong yang macam naik kuda. Saya nak tahu supaya Kementerian Kewangan ini ada dah lama perkara ini disebut oleh Lipis dan perkara ini masih sama iaitu lenggang lengkok di situ. Kalau kita duduk tiba-tiba tidur pun terjaga dan kadang-kadang berlaku *accident* di situ. Jadi saya harap pendapat Maran supaya kawasan ini disegerakan kerana Pantai Timur ini daripada Kelantan ke Kuala Lumpur melalui kawasan ini dan ini telah memakan masa tiga, empat tahun. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya Tuan Yang di-Pertua malas nak bercakap lebih sangat, kita nak bagi pengguna pakai kuda kerana kalau saya bercakap mungkin aqak keterlaluan sangat tetapi inilah realiti yang berlaku di tol Pantai Timur dan kita terpaksa bayar. Saya tak boleh kata saya tak boleh bayar tol ini, saya terpaksa bayar. Begitu juga tol Karak-Kuala Lumpur sekarang ini sepanjang tahun. Saya kalau buat Tuan Yang di-Pertua sepanjang tahun.

Dah berapa tahun saya dah jadi Ahli Parlimen dan sebelum ini saya jadi pegawai, saya lalu di kawasan jalan raya ini juga. Sampai sekarang ini baiki, saya nak tahu bila lebu raya ini akan siap dibaiki? Kerana sekarang ini menjadikan kelambatan, rugi masa, kita bayar lebih juga tol tapi kita sampai ke Kuala Lumpur lambat.

Sepatutnya kita boleh sampai setengah jam kita sampai dua jam. Ini satu kerugian yang dihadapi oleh masyarakat. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, masa tidak cukup. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua tentang pembangunan luar bandar, ini penting Tuan Yang di-Pertua berilah peluang sedikit. Ialah tentang kita ada kampung-kampung, kita ada kawasan bandar, pinggir bandar, FELDA dan luar bandar. Saya kira bandar mungkin dah banyak maju, pinggir bandar pun dah banyak maju dan FELDA saya kira satu kawasan penempatan yang sungguh membanggakan kita dan inilah jasa yang dibuat oleh kerajaan termasuk Allahyarham Tun Abdul Razak dan saya ucapkan terima kasih kepada FELDA dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi saya minta semua beri perhatian di mana kawasan-kawasan luar bandar ketinggalan Tuan Yang di-Pertua.

Saya berada di kawasan luar bandar banyak projek-projek yang belum sempurna di kawasan luar bandar dan mereka ditinggal dan saya nak timbulkan masalah di sini ramai daripada masyarakat luar bandar ini termasuklah remaja-remaja yang telah berhijrah ke kawasan bandar dan mereka inilah yang terlibat dengan masalah-masalah sosial ini. Saya tidak mahu nanti kampung mereka tertinggal. Ibu mereka tinggal di kampung tetapi anak-anak mereka jadi hancur berada di Kuala Lumpur, di bandar-bandar besar dan sebagainya.

Saya minta supaya kerajaan berikan perhatian kepada pembangunan luar bandar dan kalau boleh tambah peruntukan kepada Kementerian Luar Bandar ini supaya mereka dapat memberikan secukupnya pembangunan di kawasan luar bandar supaya anak-anak ini dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan yang akhir Tuan Yang di-Pertua ialah tentang bioteknologi.

Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana usaha yang dibuat bagi melaksanakan bioteknologi ini dan usaha yang dibuat termasuklah pameran, ceramah dan *exhibition* dan sebagainya yang dilaksanakan oleh kementerian cukup menggalakkan tetapi saya nak bertanya sejauh manakah usaha yang dibuat oleh kementerian ini supaya bioteknologi ini ataupun program ini akan betul-betul akan sampai di peringkat luar bandar sehingga orang kampung yang sebenarnya berada dalam suasana dalam penempatan yang banyak sumber-sumber asli yang boleh dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik dari FRIM tadi baru balik daripada FRIM dan kita dapat di FRIM ini telah membuatkan banyak kajian termasuk tadi kita buat lawatan kepada satu projek, program iaitu Mas Cotek. Mas Cotek ini untuk kebaikan wanita dan juga lelaki dan dalam istilah orang Sarawak dia panggil Rapat-Rapat. Saya tak tahulah, itu tuan-tuan tahulah apa maksudnya. Tetapi kita difahamkan bahawa FRIM ini tidak mencukupi peruntukan untuk mengkaji ini. Jadi sedangkan bahan-bahan ini, bahan-bahan Mas Cotek ke apa-apa juga serai wangi dan sebagainya semua berada di luar bandar. Jadi kalau kita minta supaya benda ini diberikan perhatian.

■ 1530

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung, habiskan Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya harap supaya kerajaan berikan perhatian dan berikan tambahan peruntukan yang cukup supaya FRIM dan institut penyelidikan seperti ini dapat melaksanakan kajian yang lebih penting dan mendapat faedah kepada masyarakat luar bandar sedangkan syarikat-syarikat atau kompeni-kompeni ataupun pusat-pusat penyelidikan dadah yang diharamkan atau yang dibuat secara haram ini mengeluarkan berjuta-juta duit kerana kepentingan mereka walaupun program itu merosakkan masyarakat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kudat.

3.31 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan kegiatan satu NGO yang beroperasi di Sabah sekarang ini iaitu yang memanggil diri mereka sebagai Komuniti

Bestari atau Anggun Bestari dan mereka ini datang ke kampung-kampung dan juga ke setiap pelosok di negeri Sabah untuk mengedarkan borang tentang kononnya ada pinjaman yang akan diberikan oleh kerajaan iaitu pinjaman IKS ataupun pinjaman kecil ataupun mikro kredit terhadap pengusaha-pengusaha.

Ini telah menyebabkan satu perkara yang begitu heboh kerana ramai daripada mereka yang berminat ini pergi ke pejabat-pejabat daerah untuk mendapatkan *trading license* ataupun lesen perniagaan semata-mata kononnya untuk mendapatkan pinjaman ini. Saya khuatir sekiranya perkara ini tidak dipantau dan juga tidak diperiksa maka ini akan menjejaskan kredibiliti kerajaan kerana apa yang saya tahu bahawa setiap program-program kerajaan sama ada dalam bentuk pinjaman sudah tentu ia disalurkan melalui agensi-agensi yang wujud seperti MARA, Yayasan Tekun, Amanah Ikhtiar dan apa juga agensi-agensi yang boleh digunakan melalui Bank Negara Malaysia ataupun bank-bank saudagar.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Silakan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada di kalangan seperti yang dikatakan penyelaras-penyelaras pinjaman tadi dilantik oleh NGO – Komuniti Anggun Bestari ini mengatakan bahawa ini adalah pinjaman pilihan raya dan pinjaman ini akan diberi sebelum pilihan raya kononnya dan pinjaman ini tanpa cagaran, tanpa penjamin di antara RM10,000 hingga RM50,000.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini berlaku dan sasaran dia ialah wakil-wakil rakyat sedangkan kita wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri tidak tahu menahu, tidak ada apa-apa taklimat tentang apa yang dikatakan pinjaman ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran itu adalah benar. Inilah merupakan perkara yang menjadi kerunsingan kepada kita wakil-wakil rakyat di negeri Sabah kerana ramai daripada mereka ini menjemput wakil-wakil rakyat untuk mengadakan pelancaran bagi setiap kawasan Parlimen dan juga kawasan DUN dan ini sekiranya merupakan suatu *scam* ataupun penipuan maka tentu akan menjejaskan kredibiliti wakil-wakil rakyat kerajaan dan juga memberikan *credibility question* kepada kerajaan kita.

Saya minta supaya Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi supaya membuat suatu kenyataan dengan segera tentang perkara ini kerana ianya telah menimbulkan suatu permasalahan dan sebab pejabat daerah menghadapi masalah beribu-ribu permohonan diminta terhadap pengeluaran lesen ini dan sudah tentu sekiranya program ini tidak benar ia akan memberikan kesan terhadap kerajaan dan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu mengenai Parlimen. Seperti mana yang kita tahu bahawa wakil-wakil rakyat sering memperkatakan tentang

masyarakat penyayang. Antara elemen masyarakat penyayang ini apabila sebagai wakil rakyat ataupun sebagai manusia, sebagai orang biasa haruslah memberikan kasih sayang kepada ibu bapa kita.

Apa yang menghairankan saya di sini ialah Ahli-ahli Parlimen ini tidak pun diberikan kemudahan untuk memberikan sokongan atau bantuan rawatan kepada ibu bapa. Misalnya kalau ibu bapa wakil-wakil rakyat ini dimasukkan ke hospital, kita tidak mendapat pengecualian pembayaran walau pun di hantar ke hospital-hospital kerajaan.

Saya rasa ini tidak selaras dengan apa yang kita inginkan iaitu mewujudkan suatu contoh yang baik di mana kita mahu melahirkan masyarakat penyayang dan menghormati ibu bapa dan ini adalah merupakan teras di dalam negara kita. Saya minta supaya perkara ini walaupun perkara ini sudah dibangkitkan berkali-kali tetapi sudah tiba masanya bagi pihak kerajaan memikirkannya.

Yang ketiga, saya ingin membangkitkan tentang infrastruktur asas

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya habiskan Yang Berhormat. Sila habiskan Yang Berhormat, ya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: ...luar bandar ini yang penting kerana kawasan saya adalah kawasan luar bandar. Saya mahu tahu daripada pihak kerajaan siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memantau ataupun melihat tentang kemudahan-kemudahan infrastruktur pendidikan di luar bandar ini. Masih banyak sekolah-sekolah di luar bandar dan khususnya di kawasan yang kebanyakannya daripada bangunan-bangunan dan juga infrastrukturnya terlalu daif dan ini tidak selaras dengan usaha kita untuk menjadikan sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Di kawasan saya banyak lagi bangunan-bangunan yang wujud semenjak sebelum kemerdekaan lagi, satu sekolah di kawasan saya iaitu Sekolah Kebangsaan Dandun. Bangunan itu sudah tidak selamat tetapi masih lagi digunakan kerana tidak ada usaha-usaha daripada pihak tertentu untuk memberikan bangunan yang lebih baik. Demikian juga satu bangunan sekolah yang saya ingin sebutkan di sini yang saya sudah pun sebutkan tadi, saya minta supaya diselesaikan secepat mungkin kerana ini adalah janji yang kita berikan kepada penduduk di sana iaitu tentang pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kanibungan yang kononnya sudah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sehingga hari ini tidak ada pun usaha-usaha untuk dilaksanakan dengan segera.

Ini adalah permintaan rakyat dan saya harap ia dapat ditunaikan. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

3.36 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya ada dua perkara yang penting untuk mendapatkan maklum secara jelas daripada terutama sekali Menteri Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar.

Minggu lepas dan minggu ini pun heboh di Parlimen ini berkaitan dengan pembangunan tanah tinggi Lojing yang pada peringkat awalnya menteri hentam kerajaan negeri. Di akhir-akhir ini nampaknya menteri sendiri pun bukan hentam kerajaan tetapi nampak hentam syarikat-syarikat ataupun pemaju-pemaju yang memajukan tanah tinggi Lojing tersebut.

Saya hendak tanya dalam sehari dua ini pula kecoh kononnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak mewartakan hutan simpan ataupun *forest reserve* di Lojing. Saya hendak tahu kerana saya takut menteri terkeliru. Tanah Tinggi Lojing ini yang mencakupi 25,000 hektar. 12,000 hektar itu khusus untuk pertanian dan hanya 13,000 hektar untuk *forest reserve* ataupun hutan simpan untuk simpanan air. Yang *forest reserve* itu lama sudah diwartakan. Tetapi kalau hendak tunggu yang untuk pertanian digezetkan, tunggu sampai bila pun tidak jadi itu, untuk pertanian. Ini keliru ini, saya harap pihak menteri memberi penjelasan sedikit kalau-kalau boleh memperbetulkan apa kesilapan sebelum ini walau pun itu merupakan satu isu politik.

Yang kedua, perbincangan di Parlimen ini sampai peringkat ada Ahli Parlimen yang tidak tahu, tidak tahu di manakah keadaan sebenarnya taman negara. Ada Ahli Parlimen menyebut di sini kegondolan tanah tinggi Lojing ini sampai peringkat taman negara. Ahli Parlimen yang saya tahu taman negara ini bukan di Lojing. Taman negara di Malaysia ini hanya ada tiga negeri sahaja yang ada iaitu Terengganu, Pahang dan Kelantan. Tempatnya bukan di situ. Di Kuala Koh sana itu berhampiran Terengganu dan Pahang. Bukan di Lojing. Saya harap pihak menteri tolong perbetulkan Ahli Parlimen khususnya Ahli Parlimen Cameron Highlands yang hari itu sebut kononnya taman negara juga dicerobohi oleh pengusaha-pengusaha tanah tinggi Lojing.

Kemudian saya hendak sebut di sini ialah disebut beberapa syarikat yang tidak ada EIA. Ini memang ada beberapa syarikat, beberapa pemaju yang tidak ada EIA, termasuk KADA sendiri. KADA sendiri yang mempunyai 500 hektar di tanah tinggi Lojing sehingga sekarang pun tidak ada EIA dan laporannya dikatakan sudah 10 kali amaran telah diberikan oleh pihak kementerian ini kepada KADA tetapi masih lagi tidak menghiraukannya.

Banyak lagi perkara-perkara yang perlu dijelaskan di sini. Saya harap kementerian ini memberikan maklumat yang jelas daripada pihak kerajaan negeri jangan pula minta maklumat di tepi jalan ataupun daripada orang-orang yang emosi atau orang-orang yang mencari kepentingan politik di negara kita ini. Selepas ini saya hendak tahu, sebab saya hendak tahu ialah pembangunan sebelum ini dibuat di Cameron Highlands dan pihak menteri sendiri menjawab satu soalan di Parlimen ini minggu lepas memperakui kononnya tanah hutan simpan di Cameron Highlands juga telah diterokai 10 tahun yang lalu oleh penanam-penanam sayur secara haram.

■ 1540

Saya hendak tahu apakah tindakan apabila pihak kerajaan mengetahui penanam-penanam sayur telah menerokai tanah hutan simpan di Cameron Highlands. Sebelum memberi jawapan terhadap persoalan saya tentang Lojing di Kelantan, jawab dahulu apa yang berlaku di Cameron Highlands.

Kalau kita tengok betul-betul, apa yang berlaku di Lojing ini samalah dengan apa yang berlaku di Cameron Highlands semasa 10 tahun, 20 tahun dahulu. Pada peringkat awal, tanah mesti dibersihkan dahulu dan dibuat teres dahulu untuk ditanami dengan sayur ataupun ditanami dengan bunga atau ditanami dengan teh. Serupa sahaja pada waktu itu. Tetapi pada waktu itu barangkali tidak ada penguatkuasaan daripada pihak kementerian ataupun barangkali pada waktu itu oleh kerana Cameron Highlands ini merupakan tempat ataupun negeri yang dipantau oleh Barisan Nasional. Ia menjadi isu politik.

Kelantan ini kalau dilihat pada peringkat awal ini, saya bagi tempoh tiga bulan sahaja. Warna tanah merah hasil daripada pengusaha membuat teres untuk ditanami dengan sayur ataupun untuk ditanami dengan bunga-bunga, tetapi selepas tiga bulan, bumi akan menjadi hijau kembali. Kalau tidak buat teres, tidak digondolkan atau tidak dibersihkan, macam mana hendak tanam sayur? Macam mana hendak tanam bunga? Macam mana hendak tanam teh? Tentu tidak boleh. Takkan tidak potong langsung, hendak pula tanam teh.

Apa yang diambil dalam gambar itu oleh kamera adalah satu kawasan betul-betul gondol ialah kawasan istana, bukannya banyak ekar dan luas, lebih kurang 10 hektar sahaja untuk membuat sebuah istana. Itu pun heboh. Kalau hendak banding dengan Selangor ini, kalau baca dalam surat khabar pada bulan lepas, menteri heboh tengok apa berlaku di Selangor, lagi teruk. Bukan 10 ekar, bukan 20 ekar tetapi berpuluh-puluh ekar untuk projek perumahan, dipotong dan gondol terus, tetapi tidak heboh. Kalau heboh pun sekejap sahaja kerana tidak ada isu-isu politik, tidak ada orang hendak main politik di Selangor ini. Tetapi di Kelantan sahaja menjadi perkara ini.

Akhirnya, saya hendak sebut di sini, saya tidak mahu lagi bercerita tentang Lojing kerana itu sudah menjadi masalah air kononnya. Kemudian masalah Orang Asli. Hari ini ada lagi TV ambil Orang Asli. Macam-macam cerita Orang Asli ini, kalau masalah Orang Asli ini bukan sahaja di Lojing, mana-mana sahaja begitulah peranan Orang Asli. Kononnya tidak ada pekerjaan. Pemaju-pemaju tidak mahu ambil sebagai pekerja, hilang pekerjaan. Kalau hendak banding buruh daripada Myanmar, buruh daripada Thailand dan buruh daripada Indonesia dengan Orang Asli, 10 kali ganda lebih rajin mereka ini. Lebih banyak berbanding dengan Orang Asli.

Kita sudah tahu perangai Orang Asli. Siapa hendak ambil menjadi buruh? UMNO jadi pemaju pun tidak akan ambil buruh Orang Asli kerana sudah tahu perangai mereka macam itu. Bukan setakat bekerja malas, curi lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tiga tahun lepas saya sebut di Parlimen ini, beberapa puluh Orang Asli mencuri limau madu kepunyaan Syarikat Damai ACDC, saya sebut di Parlimen ini. Cerita lama tentang Orang Asli tetapi oleh kerana hendak main politik ini, ambil gambar Orang Asli. "Saya hilang pekerjaan sekarang ini kerana pemaju-pemaju tidak mahu ambil saya lagi."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Yang akhir sekali, saya hendak tanya satu.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah penjelasan, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa dia sudah habis.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sekejap ya, satu penjelasan. Kasihan juga dia.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Tanya sekali sahaja. Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Pada mulanya isu yang dibawa berkenaan dengan balak, selepas itu isu balak maknanya sekarang sudah senyap. Tidak ada lagi masalah pencerobohan balak ataupun tanah yang diberikan untuk penebangan balak. Apa komen Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Fasal balak tadi bermula tahun 1985 lagi. Mula-mula UMNO memerintah tahun 1978, tahun 1985 itu balak keluar habis-habisan pada waktu itu. Tetapi perangai orang UMNO, dia keluar balak, dia tidak tanam apa-apa. Dalam *working paper* (kertas kerja) hendak tanam sayur, hendak tanam pokok teh dan sebagainya, bawa keluar kayu, tinggal pokok begitu sahaja. Pokok yang besar dibawa keluar, pokok yang halus tinggal di situ dan tidak buat apa-apa. Itu pada waktu itu. Tetapi sekarang ini sudah tidak ada pokok besar, sudah lama tidak ada.

Baik. Soalan akhirnya ialah saya hendak tanya menteri ini berkaitan dengan apa logiknya RM1 juta diberi peruntukan khas kepada Ahli Parlimen bagi Jeli untuk pertanian. Saya hendak menteri jawab. RM1 juta khusus untuk kawasan Parlimen Jeli sahaja, tidak untuk seluruh Kelantan. Saya hendak minta penjelasan supaya menteri jawab apa logiknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

3.45 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin Kementerian Kewangan dan Bank Negara memberi perhatian kepada satu keputusan soal selidik yang dijalankan oleh Associated Chinese Chamber of Commerce Malaysia (ACCCIM) berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh SME dalam mendapatkan secukupnya tabung untuk menjalankan perniagaan.

Mereka mengadu bahawa SME menghadapi pelbagai masalah untuk mendapat *funding* yang mencukupi dan yang dapat memenuhi hasrat mereka untuk mengembangkan perniagaan mereka. Lazimnya mereka diberitahu bahawa pinjaman-pinjaman ataupun tabung-tabung yang disediakan untuk kumpulan pelbagai kaum itu senantiasa dikeluarkan sedangkan masih ada ramai yang tidak dapat pinjaman daripada bank-bank untuk sektor SME ini.

Dari soal selidik ACCCIM ini, didapati bahawa ada 27% SME yang disoal selidik menyuarakan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan suasana untuk melakukan perniagaan khususnya dalam sektor hotel, eksport dan import, pembinaan dan sektor hartanah. Mereka mengadu bahawa antara faktor-faktor yang memberi impak kepada perniagaan mereka adalah berhubung dengan pelesenan, kelulusan lesen, dasar dan peraturan yang menyekat perniagaan-perniagaan mereka. Mengikut keputusan soal selidik ini, SME di negara ini juga dihindarkan untuk mencero bohi pasaran-pasaran di luar negara dan cuma 2% daripada yang disoal selidik dapat melangkau daripada pasaran tempatan untuk mencari pasaran di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin kerajaan memberi penjelasan mengapa projek kereta api *double-tracking*, Kereta api Tanah Melayu, yang menelan belanja sebanyak RM9 bilion ditawarkan tanpa tender terbuka. Ada pihak yang menyoalkan mengapa projek *double-tracking* ini masih menggunakan *track meter gauge* yang lama ini, sedangkan di kebanyakan negara sudah pun menggunakan standard ataupun *broad gauge*. Ia digunakan sebab lebih moden dan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berhubung dengan satu laporan yang baru-baru ini dikeluarkan oleh US State Department mengenai *investment climate* di Malaysia bagi tahun 2007. Dalam laporan ini, Amerika Syarikat mendakwa bahawa FDI-FDI yang masuk ke negara ini sedang mengalami satu *profitability* yang semakin kecil dan didapati bahawa sudah tidak menjadi kompetitif untuk melabur dalam sektor pembinaan *low wage*.

Mereka juga mengkritik bahawa Kerajaan Malaysia enggan untuk melakukan reformasi yang secukupnya untuk menarik industri *high technology* ini. Saya rasa ini satu dakwaan yang amat merugikan negara ini sebab apabila US yang merupakan pelabur asing yang terbesar di

negara ini mengeluarkan laporan-laporan sedemikian terhadap Malaysia, ia akan menjejaskan minat peniaga-peniaga dari Amerika Syarikat untuk mengambil langkah untuk melabur di Malaysia dan juga masalah berhubung dengan rasuah, masalah berhubung dengan sistem perundangan Malaysia yang begitu susah untuk mereka uruskan adalah sebab-sebab yang digunakan untuk menasihati industri-industri Amerika Syarikat untuk berwaspada apabila melabur di Malaysia.

Saya juga ingin dapat penjelasan daripada MIDA atau kementerian berhubung dengan projek yang diluluskan pada tahun 2006.

■ 1550

Kita dengar bahawa kementerian masih mempertahankan bahawa FDI di Malaysia ini tidak turun tetapi saya ingin tahu, dari projek-projek yang diluluskan bagi tahun 2006 mahu pun bagi tahun-tahun sebelumnya, apakah peratusannya bahawa projek yang diluluskan itu, akhirnya dilaksanakan ataupun dibina kilang-kilang, atau dilaksanakan pelaburan yang diluluskan pada awalnya. Berapakah peratusan kelulusan dapat diterjemahkan dalam pelaksanaan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Akhirnya saya juga berharaplah... Okey lah saya rasa tak cukup masa untuk membangkitkan satu isu lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

3.52 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam surat khabar *The Oriental Daily* hari ini, dipaparkan satu laporan di mana SRJK(C) Tionghoa di Alor Setar, di mana pada dua tahun yang lalu seorang guru telah jatuh kerana papannya telah di makan anai-anai, sekarang mereka telah membina sebuah sekolah yang baru, tapi dia masih memerlukan wang untuk peralatan seperti meja dan kerusi, kantin dan lain-lain lagi.

Kerajaan hanya memberi RM350 ribu kepada sekolah ini. Jumlah kos untuk membina sekolah ini ialah RM5 juta. Jadi kononnya Timbalan Menteri Pelajaran dari Seremban, telah membuat janji, dia akan membantu untuk mendapat peruntukan daripada kerajaan. Tapi sampai hari ini belum menunaikan janjinya. Jadi pihak sekolah memohon supaya beliau menunaikan janjinya secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, persatuan pelajar-pelajar di Universiti 'Pertanian' Malaysia, sekarang dipanggil Universiti Putra Malaysia atau UPM, yang ingin menubuhkan Persatuan Bahasa Tionghoa. Tetapi telah ditolak tetapi sekarang Kementerian Pendidikan Tinggi katakan, membenarkan untuk mengadakan, menubuhkan persatuan-persatuan budaya ataupun bahasa, berdasarkan kaum. Iaitu membenarkan untuk mengadakan Pertubuhan Bahasa Tionghoa, tetapi pihak universiti masih enggan meluluskannya

Baru-baru ini Kementerian Penerangan telah mengarahkan supaya IFM iaitu siaran radio kelima, yang menggunakan Bahasa Tionghoa, telah diwajibkan supaya setiap jam, radio ini mesti menyiarkan lagu Bahasa Melayu. Kita bukan membantah tetapi adakah langkah yang sama juga dipakai bagi radio yang lain, seperti radio berbahasa Malaysia.

Sekiranya ini tidak dilakukan kita boleh faham mengapa *Malaysian Chinese* selalu merasakan mereka dipinggirkan dengan langkah-langkah seperti ini. Kita mengatakan bahawa Malaysia ini sebuah negara yang kebudayaan majmuk tetapi pada rumah terbuka untuk Tahun Baru Cina, dalam majlis itu, bahasa Tionghoa pun tidak dipakai, *even* satu perkataan pun Seperti... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Ini pun tidak boleh. Apakah ini menunjukkan bahawa kerajaan ini menghormati budaya dan bahasa orang lain selain daripada Bahasa Malaysia?

Jadi saya merayu kepada kerajaan supaya cakap seperti bikin. Jangan cakap lain tapi bikin lain....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Yang Berhormat... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah ramai orang kata... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Mereka tidak mahu sokong MCA lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan kata macam itu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ia betul lah, kalau kita lihat Machaplah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya memang adil, tak boleh cakap. Kalau saya cakap, Yang Berhormat sakit hati.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan begitu Yang Berhormat, ini untuk kebaikan MCA juga..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang ramai orang Cina memang sokong MCA .

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya betul, tapi ada 5 peratus telah tukar pendiriannya dalam *by election* di Machap .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa akan datang, akan tambah lagi

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita lihat juga *Ijok by election*. Tapi Tuan Yang di-Pertua banyak telah dikatakan dengan *delivery system* kerajaan yang semua pun setuju, adalah perlu dipertingkatkan.

Tapi saya lihat di Machap baru-baru ini memang ini *delivery system* banyak bagus, sangat baik, 24 jam dia boleh mengetarkan jalan raya. Dan semua masalah dapat diselesaikan, yang 10 tahun tidak dapat diselesaikan, ia dapat diselesaikan dalam 10 hari. Ini menunjukkan kalau Kerajaan Barisan Nasional, kalau dia mahu, kalau dia ada keazaman untuk menang besar, dia boleh melakukan apa sahaja.

Jadi apa yang dikatakan *delivery system* ini, ini adalah kerana Barisan Nasional terlalu *complacent* atau selesa walaupun dia kerja kah, tak kerja kah, dia boleh menang *by election* juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulunglah..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya rasa, bukan kita kekurangan kaki tangan, bukan kerana kita kekurangan kewangan atau kekurangan pakai tapi kekurangan azam politik.

Jadi saya merayu kepada kerajaan supaya jangan memainkan politik seperti ini. Kerana pada jangka masa yang panjang, ia tidak akan mendatangkan kebaikan kepada semua. Dia juga akan memudaratkan Barisan Nasional juga..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat masa cukup..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah cukup kah? Saya ada satu minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada satu minit lagi ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Jadi saya nak merayulah untuk kebaikan semua, untuk kebaikan bangsa, agama dan negara, kita mengadakan satu sistem politik yang sihat. Di mana, janganlah kerajaan hanya berkesan pada waktu pilihan raya kecil sahaja ataupun hanya ingin menyelesaikan masalah rakyat pada waktu pilihan raya sahaja. Seperti masalah banjir, di mana-mana pun ada masalah banjir sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ..Bukan kita tak mampu tetapi kerajaan tidak mahu buat kerana kerajaan tetap menang kalau tak buat pun.

Dan kerajaan selalu mengatakan, kalau ada *by election*, semua menteri akan turun padang, berjumpa dengan semua rakyat. Tapi ini Menteri Pelajaran, dia patutnya nak jumpa dengan sesiapa pun walau tak ada pilihan raya kecil. Tapi dia tak mahu jumpa dengan Dong Jiao Zong sebab NGO yang berjuang untuk pendidikan, apa sebabnya?. Kerana dia sudah angkuh, kerana dia boleh menang juga kalau dia tak jumpa mereka. Jadi saya rasa, ini bukan budaya kita, begitu juga budaya orang Melayu pun. Orang Melayu saya rasa mereka sangat *humble*, dan mereka menghormati budaya orang yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, masa cukup..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terakhir sekali ialah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Jerai, apa nak tanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kejap sat, sat. Nak tanya sikit. Mahu tanya sikit..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagi dia tanyalah, tak apalah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak boleh kah? Tak boleh, tak apa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, masa cukup

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ada satu lagi hari ini..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *By election* kita menang. Kalau dia kata kerajaan tidak adil, tidak bagus..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Janganlah, tak cukup masa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, tadi saya kata, ramai orang sokong MCA lah, saya sudah bagi tahulah cukup lah Yang Berhormat duduklah..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini memang kuat sokong MIC., Jangan marah, jangan cakap macam itu, dia kena ada fakta..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ganggu Bukit Mertajam. Masa dia pun sudah cukup ..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan MyKad boleh dibuat dalam satu hari. Ada MyKad di kedai kopi ini KOSMO hari ini, MyKad di kedai kopi. Sesiapa boleh beli satu MyKad dalam satu minggu dengan harga RM700.00...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memanglah sesiapa pergi kedai kopi bawa kad, memang MyKad ada di kedai kopi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Coffee house* semua orang pi bawa MyKad, semua kad ada, apa susah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya kagum dengan keberkesanan wartawan KOSMO kerana dia menggunakan satu bulan untuk mengetahui semua ini....

■ 1600

Jadi, saya kagum dengan keberkesanan wartawan Kosmo kerana dia menggunakan satu bulan untuk mengetahui semua sindiket ini bagaimana dia kerja dan dia sendiri dapatkan satu kad, dia beli satu My Kad. Tetapi kerajaan kita, dia kata sindiket ini sudah beroperasi 10 tahun tetapi kita ada 100.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cakap tidak serupa bikin juga. Tadi janji satu minit sudah dua minit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah? / say, tidak apa. Jadi ini saya merayulah supaya

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat cakap mahu bikin Yang Berhormat tidak serupa bikin, Yang Berhormat cakap tidak bikin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya harap kerajaan boleh menjelaskan bagaimana ini boleh berlaku. Bukankah ini Malaysia boleh, takkan kita boleh membolehkan My Kad dibuat di kedai kopi? Ada banyak perkara lagi tetapi tidak ada masa lagi. Boleh kasi satu minit lagikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya keputusan muktamad.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehlah *extend little bit* lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, ini kawan-kawan yang lain hendak ucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang terakhir.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini Parlimen bukan kedai kopi boleh minta tawar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini Parlimen saya tahulah kalau di kedai kopi tidak ada had masa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga bilakah kerajaan akan mengecualikan mangsa-mangsa ragut yang mereka ingin memohon My Kad yang baru jangan mereka dihukum. Lihat sudah di dalam Parlimen ini menteri telah katakan mereka akan timbang, timbang, timbang sampai hari ini belum diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya haraplah ini untuk kebaikan semualah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi Setiu. Berapa ramai lagi ada? Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Bagan, tiga orang baik. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh siap sedia untuk jawab. Yang Berhormat bagi Setiu.

4.02 ptg

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyokong anggaran Perbelanjaan Tambahan yang Kedua. Tuan Yang di-Pertua, negara menuju kepada kemajuan dan dalam pada masa yang sama kita juga sering melihat di dalam akhbar, dalam berita-berita atau perkara-perkara yang menyayat hati, kes-kes jenayah, ragut, bunuh, kes salah laku sosial dan sebagainya. Untuk mengembalikan kepada situasi supaya kemajuan ini seiring dengan kesejahteraan masyarakat. Saya ingin mencadangkan supaya usaha-usaha perlu dipertingkatkan lagi supaya semangat kepada kesedaran dan menghayati rukun negara ini benar-benar dapat dilaksanakan kepada seluruh rakyat negara kita.

Kerana hari ini mungkin kerana sudah lupa dengan kemewahan dan sebagainya sehingga kita lupa semangat untuk sayang kepada negara, sayang kepada sesama bangsa, sayang kepada sesama rakyat dan *citizens* yang ada di dalam negara kita. Sebab itu dengan kelekaan ini berbagai-bagai karenah yang menyayat hati berlaku sehingga kes-kes penculikan yang kita dengar kepada adik kita Yin baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya juga di dalam aspek ini dari segi kesedaran ataupun kefahaman terhadap undang-undang negara juga perlu diterapkan kalangan rakyat negara kita kerana kita tahu di dalam konsep undang-undang, dengan izin *ignorance of law is not an excuse*, kejahilan terhadap undang-undang ini bukanlah suatu pengecualian.

Mungkin kalau kita buat satu kajian di peringkat bawah, saya percaya ramai di kalangan rakyat Malaysia sendiri yang tidak memahami undang-undang ini sehingga kita melihat bagaimana kes-kes Mat Rempit, kes-kes dadah dan sebagainya terus berleluasa dalam negara kita. Dan saya khuatir sekiranya kejadian seperti ini tidak dapat kita bendung, sudah pasti negara kita juga menuju kepada masa depan yang tidak menentu dalam aspek sosial masyarakat kita. Oleh sebab itu, saya juga ingin menekankan supaya selain daripada usaha untuk memberi kesedaran kepada undang-undang, usaha ke arah melaksanakan undang-undang itu, *enforcement of law* dengan izin, supaya dapat disemarakkan lagi agar undang-undang ini dapat dilihat oleh masyarakat itu bahawa *the hands of a law*, tangan undang-undang itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua adalah panjang.

Kalau tidak masyarakat kita meletakkan undang-undang di dalam tangan mereka sendiri dan mereka memperlakukan sesuka hati mereka yang akhirnya membawa kepada suasana yang resah di kalangan rakyat di dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua dasar patriotik ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Sila, sedikit sahaja, sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju undang-undang harus ditangani tetapi adakah Yang Berhormat sedar dan kita mohon kepada kerajaan kerana sebenarnya kita ini kekurangan pegawai penguatkuasaan, *enforcement*. Memang banyak kita lulus sekarang undang-undang itu dan ini tetapi bila kita hendak menguatkuasakan undang-undang, kita kekurangan pegawai-pegawai untuk bertindak di bawah. Jadi adakah Yang Berhormat ingin bercadang supaya kerajaan melantik dan mengisi penuh jawatan-jawatan pegawai penguatkuasaan supaya undang-undang yang kita buat ini dapat dikuatkuasakan. Terima kasih. Bagus tidak Tuan Yang di-Pertua soalan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa itu? Memang buang masa.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, saya bersetuju dengan cadangan ini. Sebab itu satu peruntukan yang perlu ditambah untuk meramaikan lagi penguat kuasa-penguat kuasa undang-undang bukan sahaja polis bahkan di peringkat pendakwaan di mahkamah juga perlu lebih ramai supaya tidak berlaku kes-kes yang tertangguh kerana pegawai pendakwa yang bercuti, yang berkursus dan sebagainya. Begitu juga dengan majistret-majistret, saya rasa perlu diramaikan lagi. Sebab itu kita juga melihat Tuan Yang di-Pertua, kecukupan mahkamah untuk kita jadikan sebagai tempat keadilan ini.

Mahkamah-mahkamah yang ada, yang sudah nampak usang, yang sudah nampak uzur juga perlu diperbaiki dan disediakan bangunan mahkamah-mahkamah yang baru supaya masyarakat melihat mahkamah ini satu tempat yang benar-benar sesuai untuk keadilan. Kalau tidak saya pernah melihat bagaimana seorang perempuan datang ke mahkamah dengan seluar pendek dan pakai selipar Jepun. Ini menampakkan bahawa mereka tidak menyedari adab sopan dan sebagainya yang kita tahu salah satu daripada Rukun Negara kita ialah Kesopanan dan Kesusilaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat dari aspek bagaimana untuk mengembalikan semangat patriotik dan untuk mengindoktrinasi masyarakat orang-orang muda pada hari ini supaya kita rasa cinta dan kasih kepada negara. Saya percaya peranan perlu diubah ataupun dibuat semula ataupun *reschedule* kaedah-kaedah tertentu oleh pihak Biro Tata Negara. Kalau dulu Biro Tata Negara ini begitu mendapat tempat yang baik, memupuk semangat dan nilai-nilai tertentu kepada generasi muda untuk rasa cinta dan kasih kepada negara dan hari ini kita melihat program-programnya sudah tidak begitu mendapat tempat di dalam pemikiran dan hati generasi muda pada hari ini.

Kalau kita melihat di akar umbi takkanlah kita rasa bahawa BTN ini hanya mampu mengadakan program seperti membakar ikan dengan anak-anak muda, ini saya rasa tidak sesuai. Kalau dulu kita melihat bagaimana semangat orang-orang muda untuk bersama-sama pergi berkursus dan sebagainya mungkin kita buat satu pendekatan yang baru supaya nampak *adventure* dan sebagainya pada anak-anak muda pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh soal mahkamah, saya juga ingin memohon kepada menteri yang berkenaan supaya dapat melihat mahkamah di daerah Setiu, mahkamah di daerah Besut, Mahkamah Majistret di daerah Hulu Terengganu, di Kuala Berang, Mahkamah Majistret di daerah Marang.

Saya percaya ini antara mahkamah-mahkamah majistret yang masih lama yang perlu mempunyai mahkamah-mahkamah majistret yang baru supaya mahkamah ini dapat dilihat sebagai satu tempat yang benar-benar untuk meletakkan keadilan di kawasan tersebut dan yang berkaitan.

Perkara yang kedua yang hendak saya sentuh di kawasan Setiu juga Tuan Yang di-Pertua, masalah tambatan banjir. Kalau kita dengar kesan daripada banjir berlaku di selatan tanah air baru-baru ini, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, begitu kita dengar bagaimana tambatan banjir ini diperlukan tetapi di Setiu, saban tahun tiap-tiap tahun banjir ini berlaku dan setiap tahun masyarakat di Setiu dan juga kerajaan menanggung kerugian dan sampai hari ini saya percaya tambatan banjir ini masih dan perlu diadakan, dibina di kawasan Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Kerana mereka sentiasa terdedah dengan masalah banjir. Begitu juga dengan usaha kerajaan untuk memajukan industri pertanian di kawasan Setiu. Sudah tiga tahun lebih Tuan Yang di-Pertua, saluran-saliran untuk pertanian tanaman padi di kawasan Setiu hari ini masih belum selesai. Ada parit yang telah dibina dengan simen, parit tersebut telah pecah dan sehingga hari ini perkara ini masih lagi belum selesai dan ini adalah rungutan rakyat dari kawasan saya.

■ 1610

Justeru itu saya rasa cukuplah untuk saya sebut pada petang ini, dalam masa yang sesingkat ini. Oleh sebab itu saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas dan saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang, selepas itu Yang Berhormat bagi Bagan dan kemudian menteri menjawab.

4.10 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat tidak bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh dalam belanjawan tambahan ini. Pertamanya kita mengucapkan tahniah ke atas TNB yang telah mengumumkan keuntungan sebanyak RM2.801 bilion kelmarin. Tetapi apa yang menjadi masalah kepada rakyat adalah tentang apa punca yang menyebabkan keuntungan TNB tersebut disebut penggunaan elektrik naik 6% dan juga kenaikan tarif pada tahun lepas iaitu Jun 2006. Ini menjadi masalah kepada rakyat sebenarnya oleh kerana kenaikan tarif maka TNB memperoleh keuntungan.

Masalah yang timbul, yang ingin saya bawakan di sini ialah tentang penyambungan ataupun sambung wayar hitam ke rumah-rumah. Sebenarnya perkara ini telah disebut pada sesi yang lepas tetapi oleh kerana tidak ada apa-apa tindakan maka kita sebutkan sekali lagi. Setiap penyambungan mengambil jumlah RM450 walaupun rumah itu hanya menyambung satu wayar sahaja. Maknanya bagi rumah berkembar, biasanya empat ataupun lima buah rumah, tetapi kita terpaksa RM450 didarab dengan empat atau lima buah rumah walaupun wayar hitam hanya satu

sahaja yang dikeluarkan daripada wayar utama TNB tersebut. Jadi saya harap pihak kementerian mengambil perhatian terhadap perkara ini kerana ini cukup menjadi bebanan kepada rakyat dan kos penyambungan ini pula tidak bergantung pada nilai rumah tersebut sama ada banglo, pondok ataupun rumah-rumah yang kecil.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan sedikit Yang Berhormat bagi Pendang. Ia tidak ada kemungkinan satu wayar, ia mesti sekurang-kurang dua wayar. Satu wayar hidup dan satu lagi wayar neutral. Untuk empat buah rumah ia mesti ada empat wayar. Ia tidak boleh satu wayar.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Maknanya sesekali ia dikeluarkan daripada wayar hitam itulah. Memang itu kata-kata daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batulah. *[Ketawa]*

Satu lagi tentang tempoh bacaan. Walaupun tempoh bacaan sebenarnya dibuat tiap-tiap bulan tetapi masih lagi berlaku satu setengah bulan atau dua bulan. Ini menyebabkan blok-blok penilaian terhadap penggunaan elektrik itu akan bertambah kepada blok yang kedua. Misalnya blok yang pertama untuk kediaman 200 unit adalah 0.218 sen tetapi apabila kita menyentuh blok yang kedua ia bertambah menjadi 0.289 sen iaitu 0.071 sen bertambah. Jadi sekiranya bacaan ini dibuat pada masa yang lambat maknanya blok yang kedua itu akan bertambah. Maknanya pengguna terpaksa membayar lebih untuk blok yang kedua.

Yang keduanya perkara mengenai telefon. Oleh kerana sekarang ini banyak talian telefon telah dicuri, maknanya banyak rumah yang menggunakan telefon terpaksa membayar yuran bulanan sebanyak RM26 untuk sebuah rumah. Jadi kenapakah Telekom Malaysia tidak secara automatik ataupun tidak memberi layanan terhadap rumah-rumah yang tidak menggunakan telefon dalam had yang terlalu lama supaya mereka ini tidak payah membayar yuran bulanan sebanyak RM26. Takkanlah mereka tidak dapat mengetahui tentang kadar penggunaan kalau setiap bulan itu 0 sen yang talian itu digunakan tentulah maknanya talian itu telah terpotong ataupun telah dicuri.

Perkara yang ketiga ialah tentang PERKESO. Saya harap perhatian perlu diberikan oleh PERKESO berhubung dengan rekod-rekod yang mereka sering keciciran. Apabila majikan membuat caruman terhadap pencarum-pencarum pekerja PERKESO ini kadang-kadang majikan terpaksa menyimpan resit sampai lima atau pun enam tahun kerana pihak PERKESO tidak mempunyai atau pun saya tidak faham bagaimanakah mereka boleh selepas lima ataupun enam tahun mencari rekod-rekod bayaran yang di carum oleh majikan ini untuk pekerja mereka setelah terlalu lama. Apabila kita tidak dapat menunjukkan resit rekod caruman tersebut, maka majikan kena membayar denda untuk tempoh yang lama.

Kita mengambil contoh seperti KWSP. Kalau KWSP mereka dapat memberikan rekod caruman kita dengan segera, maknanya kalau kita terlewat bayaran pun kita boleh membayar denda dengan sedikit dengan masa yang cepat, tidak seperti PERKESO. Jadi saya harap

PERKESO perlu memberi perhatian terhadap perkara tersebut kerana ini bukan sahaja menguntungkan pekerja tetapi juga memberi layanan yang baik kepada majikan itu sendiri.

Ketiga, tentang FELDA. Saya rasa perkara ini telah disentuh oleh sahabat kita Yang Berhormat bagi Bera semalam iaitu tentang apa yang diberikan oleh FELDA terhadap sebuah syarikat. Tetapi di tempat saya bukan syarikat *techno plant* tetapi FELDA telah memberikan tanah untuk ditanam semula kepada RISDA setelah empat atau lima tahun RISDA tidak dapat menanam semula kawasan tersebut. Kalau sekiranya diberikan kepada peneroka, peneroka hanya menggunakan 4,000 untuk satu hektar tetapi apabila diberikan kepada RISDA, RISDA menggunakan 6,000 untuk satu ekar. Ini sungguh membebankan peneroka. Ada sesetengah peneroka yang mengambil sendiri tanah tersebut dan ditanam semula dengan getah, tetapi oleh kerana ada penyelewengan berlaku, maka kes ini telah dibawa ke BPR dan sekarang setelah lima tahun peneroka-peneroka masih lagi belum mendapat kesan atau hasil daripada penanaman semula oleh RISDA tersebut. FELDA yang saya maksudkan adalah FELDA Sungai Tiang. Jadi, saya harap pihak berkenaan dapat mengambil nota ini dan memberi perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Ada sedikit lagi. *Last.* Akhir sekali ialah berhubung dengan lintasan kereta api yang saya telah sentuh baru-baru ini iaitu berhubung dengan lintasan di Bukit Jambul. Sebenarnya apabila PLUS telah membuat Lebuh Raya Utara Selatan, mereka telah membuka terowong untuk laluan penduduk hendak pergi ke sekolah, menggunakan terowong tersebut untuk ke masjid dan juga ke sawah-sawah mereka. Jadi, maknanya mereka menggunakan terowong yang dibuat oleh PLUS. Tetapi apabila sampai ke lintasan kereta api, Keretapi Tanah Melayu tidak memberi ruang untuk mereka lalu. Mereka terpaksa menggunakan jalan yang jauh hampir 30 hingga ke 40 kilometer untuk sampai ke sekolah, masjid dan juga ke sawah-sawah mereka. Oleh itu saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian terhadap lintasan kereta api di Bukit Jambul. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

4.12 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan saiz mata pukat di Perunchong iaitu 1 ½ inci atau 38 mm yang dicadangkan oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Di peringkat pembahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong dua minggu yang lalu, menteri sendiri telah menjawab bahawa kerajaan melalui satu syarikat perunding swasta telah menjalankan kajian dan keputusan akan diberitahu pada pertengahan bulan April ini dan hari ini adalah 17 April dan saya ingin tahu apakah keputusan mengenai kajian ini.

Kedua, *Butterworth Outer Ring Road (BORR)* - Peringkat *Butterworth Outer Ring Road* ini telah dibuka kepada trafik dan kutipan tol telah dilaksanakan pada 21 Februari iaitu dua bulan

yang lalu. Di peringkat tol Sungai Nyior kutipan telah digantung kerana bantahan orang ramai. Saya ingin tahu sama ada kerajaan perlu menanggung penggantungan ini iaitu bermakna sekarang kenderaan tidak perlu membayar tol tetapi rumah tol ini masih mengira bilangan kenderaan yang melalui tol itu, dan sama ada akhirnya kerajaan perlu membayar kepada BORR berkenaan dengan bilangan kenderaan yang melalui tol ini.

Satu lagi ialah kes kematian seorang ibu mengandung bernama Goh Chiew Ling. Goh Chiew Ling telah meninggal dunia di Hospital Seberang Jaya pada 5 Ogos 2006. Si mati adalah dari kawasan saya dan melalui Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menulis sepucuk surat kepada Menteri Kesihatan pada 14 Ogos tahun lepas. Saya juga telah menelefon dan seterusnya menghantar surat itu tersebut kepada Ketua Pengarah melalui faks. Kedua-dua surat tersebut adalah meminta dan mendesak supaya kementerian boleh menyasat kes kematian ini. Tetapi sehingga sekarang belum ada apa-apa berita dan saya minta satu jawapan diberi.

■ 1620

Yang *last* sekali ialah harga simen dinaikkan RM0.55 satu kimpit dan hari ini juga dilaporkan bahawa harga besi keluli ialah *steel bar* akan dinaikkan 20% daripada siling *pricenya*. Saya ingin bertanya sama ada kenaikan kedua-dua bahan utama dalam pembinaan ini ada memberi kesan atau impak ke atas harga rumah. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

4.20 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana peluang saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2007. Kelancaran sistem pendidikan digerakkan oleh kira-kira 330,000 orang guru yang memberi manfaat kepada 5.2 juta anak-anak murid di sekolah itu. Tetapi akhir-akhir ini ada sedikit keresahan di kalangan guru-guru. Lewat daripada rasa gerak hati kesatuan-kesatuan guru, ekoran daripada usaha PTD untuk memasuki perkhidmatan di Jabatan Pendidikan Negeri-negeri seluruh Malaysia. Sesungguhnya rasa keresahan guru-guru ini ada logiknya kerana sejarah menunjukkan bahawa perubahan pada tahun 1993 ekoran daripada mansuhnya Sistem Saraan Baru kepada Sistem Saraan Malaysia menyebabkan hilangnya jawatan, jawatan tertinggi DG atau pun Didik Guru bagi pegawai perkhidmatan pendidikan kepada skim perkhidmatan M iaitu terdiri daripada pegawai-pegawai PTD. Iaitu hilangnya jawatan di Bahagian Biasiswa, Bahagian Pembangunan dan Perbekalan, Bahagian Sumber Manusia, jawatan di Lembaga Peperiksaan, Jemaah Nazir dan juga bahagian sekolah.

Pada tahun 2004 apabila Kementerian Pelajaran sekarang ini dipecahkan dua kepada Kementerian Pengajian Tinggi, maka sekali lagi sindrom kehilangan beberapa jawatan penting yang selama ini dipegang oleh golongan profesional daripada kalangan profesional pendidik itu

hilang kepada pegawai-pegawai PTD. Ini adalah merupakan satu keresahan dan saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini, keresahan guru itu boleh diterjemahkan dalam bentuk reaksi-reaksi yang *subtle*, reaksi-reaksi yang halus yang boleh menjejaskan prestasi kerja buat guru-guru di sekolah. Saya ingin tarik perhatian, usaha-usaha daripada kategori M ini juga satu ketika dahulu ada rasa keinginan mereka untuk memegang jawatan pengarah hospital.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Maran dan juga Pasir Puteh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya beri peluang kepada Sabak Bernam satu sahaja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kita telah pun mengucapkan syabas, tahniah kepada pihak kementerian banyak perkara yang telah dilakukan untuk meningkatkan imej dan prestasi kementerian ini dan ini telah berjaya. Dalam konteks kejayaan ini tiba-tiba isu ini telah dibangkitkan. Jadi saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat, adakah satu kajian telah dilaksanakan yang memerlukan PTD buat masa ini untuk masuk, itu satu.

Yang keduanya, tidakkah pihak kerajaan menemui umpamanya persatuan-persatuan guru untuk mendapatkan maklum balas, dan maklum balas yang positiflah. Apakah perkara ini tidak dilaksanakan terlebih dahulu sebelum perkara yang memberikan impak yang sangat besar ini yang boleh menjejaskan keyakinan guru seluruh negara ini dilakukan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, saya ingin tarik perhatian agar pihak Jabatan Perkhidmatan Awam benar-benar memikirkan dan semak semula, semak semula tentang kehadiran pegawai-pegawai ini, M ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*. Penjelasan. Boleh jelas sikit tak?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin tarik perhatian bahawa bagi kumpulan M41 untuk naik ke tangga M48 mereka hanya ambil masa kira-kira 5 tahun sahaja, 5 tahun sahaja. Dan mereka akan bersara di jawatan...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Menyampuk]*.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: M52 atau pun jawatan JUSA.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tetapi bagi seorang pendidik dan seorang guru bagi... tidak payahlah saya ingin pantas ini, ini ekspres pun saya cakap ini. Bagi seorang pendidik dan seorang guru daripada G41 untuk naik ke tangga G48 memakan masa

hampir 30 tahun. Maka demikian rasa sengsara dan derita di kalangan pendidik-pendidik ini. Dan mereka seolah-olah berada apa yang disebut sebagai *the death end and the deadwood*. Saya kira ini adalah merupakan satu kerisauan yang harus kita ambil perhatian yang serius. Demikian juga pegawai-pegawai PTD ini, saya kira mereka bagus kerana mereka telah menghadiri kursus atau pun Diploma Pentadbiran Awam sebanyak selama enam bulan tapi ingatlah bahawa guru-guru pula di kalangan DG ini menghadiri kursus yang disebut sebagai CPD (*continues professional development*), kadang-kadang memakan masa hampir dua tahun.

Maka dalam konteks ini saya ingin merayu dan juga mendapat perhatian yang sewajarnya supaya jawatan-jawatan dikhaskan untuk golongan profesional terutamanya di Jabatan Pelajaran Negeri ini diambil kira, diperhatikan, diteliti sebab daripada struktur yang saya lihat seolah-olah hampir 30% jawatan-jawatan di sektor di Jabatan Pelajaran Negeri ini akan di ambil alih....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ...oleh pegawai-pegawai kategori M ini. Saya pohon perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah
4.25 ptg.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dan selepas Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Setiausaha Parlimen jawab.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Dengan ringkas sahaja saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Selepas kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil Machap, Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kemenangan kawasan Machap ini menunjukkan keyakinan rakyat yang amat tinggi ke atas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini tidak ada terlibat dalam perbekalan tambahan.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Nanti saya akan pergi. Nanti saya akan pergi. Ia akan, ini menunjuk keyakinan rakyat amat tinggi terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi saya hendak mengambil kesempatan ini hendak menyatakan Ahli-ahli Barisan Nasional jangan begitu bangga ke atas kemenangan tersebut. Sebab ia tidak mencerminkan satu pilihan raya yang adil kerana penuh dengan taktik-taktik yang kotor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah kalah tidak ada adillah.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Saya ada turun padang, saya ada pergi tengok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah kalah tidak ada adillah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini apa ini?

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jadi jangan begitu bangga sangat sebab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau menang lain. Apalah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*. Apa cerita ini?

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Kemenangan yang tidak boleh membanggakan kerana menggunakan taktik-taktik yang begitu kotor.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah kalah. Sudah kalah duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah BN telah menang besar.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah kalah duduklah.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Walau pun menang tapi bukan kemenangan yang boleh membanggakan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Kalah, kalah. Apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya ingin tanya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia sudah kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat akan berusaha lagilah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah kalah apa cerita lagi.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Ya, sudah kalah. Tapi sudah menang jangan begitu bangga dengan kemenangan itu...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ketua pun telah mengucapkan tahniah.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Walau pun menyatakan Kerajaan Barisan Nasional...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okeylah, saya ucap takziahlah, ucap takziah DAP ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Usaha lagilah. Nanti banyak lagi kawasan ... Cukuplah!

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Kemenangan itu bukan kemenangan yang boleh dibanggakan kerana sangat kotor. Walaupun menyatakan Kerajaan Barisan Nasional mempraktikkan prinsip-prinsip Islam Hadhari.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Janganlah bising-bising.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Jelas, jelas kita boleh tengok dekat sana. Bukan adil, tidak ada keadilan langsung untuk menentukan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: ...bukan yang tiba-tiba, kebetulan sampai ke Machap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini telah dibangkitkan oleh Ipoh Timur, Bukit Mertajam.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Bawa ke mahkamahlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kenapa dia bangkitkan dekat Parlimen, dia sudah kalah.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Isu yang ingin saya bangkitkan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tangga Batu..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia sudah kalah, sudah kalah. Mahu mengadu kepada siapa? Sudah kalah.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Isu yang saya ingin bangkitkan ialah saya ingin tahu apa yang telah berlaku di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat masa ini. Walau pun Machap menang tapi itu tidak mencerminkan kepimpinan keyakinan orang ramai terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh tengok sejak kebelakangan ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada perbalahan, pertelingkahan dengan Kementerian Sumber Manusia berkenaan dengan isu Rang Undang-undang Pekerja Asing. Selepas itu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, semalam Yang Berhormat ada dengar ucapan Ipoh Timur tak? Perkara ini juga dia bangkitkan.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Selepas itu Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, berkenaan dengan pembatalan pencabutan Myvi, hadiah. Selepas itu kita ada Menteri Kerja Raya dengan Menteri Kesihatan isu kelewatan pembinaan hospital. Kita ada isu berkenaan dengan sogokan wang RM5 juta terhadap Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah kementerian pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita ada kes Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bertelingkah dengan polis, orang bawahannya berkenaan dengan indeks jenayah. Jadi apa yang telah berlaku di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini. Orang kata masa bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir tiada masalah macam ini. Mengapa buat masa ini ada masalah macam ini. Mengapa tidak ada disiplin langsung, mana *collective responsibility*. Nampaknya Yang Amat Berhormat telah hilang kawalan. Walau pun beliau pernah dengan terang berkata "*I'm in control*" muka depan dalam surat khabar tapi apa yang berlaku ini contoh-contoh sangat jelas. Ini bukan saya takut atau risau akan apa yang akan berlaku ke atas jawatan mana-mana menteri. Tapi ini merupakan keyakinan orang ramai...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingat Yang Berhormat bagi Batu Gajah tuduhan!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...terhadap masa depan negara...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak berapa tepatlah. Tidak berapa betul Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Apabila kita tidak ada menteri-menteri, di bawah pimpinan seorang ketua yang mendengar arahan yang mempunyai *collectives responsibility* yang diguna pakai. Jadi apa sebenarnya yang telah berlaku? Saya ingin tahu.

■ 1630

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak tahu, nanti menteri boleh jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, masa cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak. Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti tidak dapat jawab. Masa cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia berhentikah?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta maaf Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Masa cukup. Jadi akhirnya, isu bawah keselamatan. Kami semua tak rasa selamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [*Dewan riuh*] Ini adalah di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya pohon supaya sesuatu dilakukannya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Cukup, cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta maaf Yang Berhormat bagi Kinabatangan, lain kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jawab.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak nak bagi ya? Ingat nak bagi, kita hendak tanya sedikit. Kenapalah DAP risau sangat ini? *Why DAP are so concern?*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini negara saya, saya *concern* punya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini kita punya negara jugalah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya ingat dia hendak masuk Barisan Nasional lah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini negara saya. Saya menetap di sini. Masa depan cerah Malaysia tak dapat dilihat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Di Machap sudah kalah, macam-macam dia boleh cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Machap kalah, DAP baliklah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan begitu bangga. Taktik-taktik kotor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dengar jawapan dari pihak Kementerian Kewangan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mana ada kotor? Sudah bersih apa? Machap semua kalah, sembilan peti undi sudah kalah. Semua habis.

4.32 ptg.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua 2006/2007 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2006 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan di dalam undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Insya-Allah, saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh Perbekalan Tambahan yang dibentangkan ini.

Bagi isu-isu khusus yang akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat jawatankuasa kelak dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tambahan belanjawan mengurus yang dipohon sebanyak RM19.6 bilion merupakan tambahan yang besar. Akan tetapi tambahan sebenarnya ialah RM3.8 bilion sahaja manakala bakinya sebanyak RM15.8 bilion merupakan pindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2006 ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkitkan tentang isu perbelanjaan RM600 juta yang telah pun dibuat sedangkan peruntukannya tidak melalui Parlimen dan bagaimana asas pengagihan peruntukan tersebut kerana kawasan Parlimen pembangkang tidak menerimanya.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ini adalah di bawah peruntukan

Kementerian Kewangan dan telah disalurkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Kemudiannya ia dipanjangkan kepada Jabatan Pembangunan ataupun Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Daerah. Pelaksanaan projek di bawah peruntukan ini adalah berdasarkan garis panduan pelaksanaan Projek Pembangunan Kecil Luar Bandar sebanyak RM600 juta dan peruntukan lebih kurang RM3 juta kepada setiap kawasan Parlimen yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 22 Disember 2006.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mendakwa bahawa kaum Kadazan, Dusun dan Murut ditinggirkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sebelum itu. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut mengenai peruntukan RM3 juta dan RM600 juta jumlahnya daripada Kementerian Kewangan. Satu kawasan Barisan Nasional melalui Ketua Bahagian UMNO. Ini benar bukan? *[Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Ketereh]* *[Disampuk]* Ya, dia kata dia benar, okey.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, tidak benar? Bukankah ini benar dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Mesyuarat Ketua Bahagian-Ketua Bahagian UMNO yang melibatkan RM3 juta setiap kawasan Barisan Nasional melalui Ketua UMNO.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, selaku Perdana Menteri, beliau boleh umum di mana-manalah. Di mana-mana pun sama ada di Parlimen atau di mana-mana.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: RM3 juta, makan suap oleh Ketua Bahagian UMNO dan oleh sebab... Mereka tidak nafikan makan suap oleh Ketua Bahagian UMNO, itu benar. *[Disampuk]* *[Dewan riuh]* Selain daripada itu, ada peruntukan RM2 juta untuk setiap kawasan Parlimen Barisan Nasional, daripada Jabatan Perdana Menteri. Bukankah ini bererti sudah RM5 juta untuk tahun lalu? Walhal, untuk dua tahun sebelum itu, barulah ada RM500 ribu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan? Hendak beri ucapan lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak ada, tak ada. Saya mahu tanya, kenapa dalam dua tahun dahulu seolah-olahnya untuk tujuan pembangunan, setiap kawasan Parlimen Barisan Nasional dapat RM500,000. Tetapi untuk tahun lalu, ia sudah naik daripada setengah juta kepada RM2 juta dan lagi tambah RM3 juta, RM5 juta. Apa alasan untuk pertambahan yang begitu tinggi, selain daripada memberi ketua-ketua UMNO, semua bahagian ada peluang untuk kaya raya, untuk mengeksploitasikan rakyat? *[Dewan riuh]* *[Disampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuduhan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan ini di dalam mesyuarat perjumpaan dengan

ketua-ketua bahagian. Tetapi bukan bermaksud untuk ketua bahagian, tetapi untuk kawasan Parlimen. Peruntukan yang diberikan RM3 juta adalah untuk setiap Parlimen, termasuk kawasan pembangkang. Dia sebenarnya bukan RM600 juta, tetapi lebih daripada itu. Berdasarkan jumlah kawasan Parlimen. Tetapi dilaksanakan melalui pejabat daerah, pejabat pembangunan negeri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, tuduhan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengatakan setiap Ahli Parlimen ini kaya raya, satu tuduhan yang liar. Kami tak tengok pun duit itu. Duit itu disalurkan untuk kemajuan negeri oleh pejabat daerah. Projek-projek pembangunan yang dikehendaki oleh rakyat, itulah wangnya. Kami tak tengok pun duit itu. Kami tak nampak pun dan kami bukan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembangunan, duit-duit pembangunan ini. Semuanya urusan kerajaan. Yang kami sebagai Ahli Parlimen, tengok duit itu, Alhamdulillah, apa yang rakyat mohon telah dapat. Kami tak nampak duit itu pun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju benar dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang, saya sendiri pun sebagai Setiausaha Parlimen pun saya tak tengok duit itu. Di kawasan saya dibuat secara undi dan kita tak pilih pun projek itu, ia dibuat oleh pejabat daerah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, penjelasan. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa saya sebagai Ahli Parlimen, yang saya tengok hanyalah senarai yang telah siap dibawa oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan kepada saya untuk memohon sama ada mana-mana ada yang sesuai atau tidak sesuai. Mana-mana yang boleh atau tidak boleh. Tetapi kuasa memilih, kuasa menyenaraikan, kuasa melantik kontraktor, kuasa mengundi dan semuanya adalah kuasa pegawai kerajaan. Kita hanya diminta memantau, supaya projek ini memberi manfaat kepada rakyat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebagai seorang Ahli Parlimenkah...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ya, sebagai seorang Ahli Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... atau pegawai kerajaan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Pegawai kerajaan yang bawa. *No, I'm not answering to you. I'm referring to* Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah saya mahu kata. Saya selaku Ahli Parlimen, saya tidak nampak itu semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu tanya dia.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak perlu. Tanya sana, bukan tanya saya. Tanya sana. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya bersetuju benarlah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelantikan, tidak ada..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Penjelasan. Sama seperti tajuk yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ketereh. Yang Berhormat bagi Ketereh kata, dia hanya dapat satu senarai yang dia sokong atau tak sokong. Tetapi saya Ahli Parlimen bagi Bukit Mertajam, senarai itu tidak datang kepada saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ah! Awak pembangkang. Yang Berhormat tak sedar diri, Yang Berhormat pembangkang. Yang Berhormat daripada DAP.
[Ketawa]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah hegemoni Barisan Nasional. Yang dia tak tahu menghormati pilihan rakyat dan yang menghina rakyat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ini duit kerajaan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duit kerajaan ialah duit rakyat. Itu bukan duit Yang Berhormat bagi Ketereh. Bukan duit daripada poket Yang Berhormat bagi Ketereh atau daripada...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tapi bukan melalui pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu duit rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin pegawai daerah sudah membantu Yang Berhormat lah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan. Saya mesti menjalankan kerja saya sebagai Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau itu adalah kerja Ahli Parlimen, tak bolehlah dia mengasing-asingkan dan mendiskriminasikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, cukuplah, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah tindakan ini ataupun langkah ini selaras dengan Islam Hadhari.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu, apa lagi hendak tanya? Cukuplah

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya hendak meminta penjelasan sedikit tentang keseragaman. Yang Bukit Mertajam tidak perlu jawablah. Saya hendak tanya tentang peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan tadi itu di negeri Melaka umpamanya. Kami pelik sedikit kerana Jabatan Ketua Menteri pula akan berada di dalam gambaran ini dan mengarahkan semua Ahli-ahli Parlimen untuk duduk berbincang bersama-sama dengan ADUN-ADUN diketuai oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya dan juga Pegawai Pembangunan Negeri. Ini menunjukkan ketulusan di peringkat Kerajaan Negeri Melaka. Adakah arahan ini standard di seluruh negara? Ini hendak tanya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua pelaksanaan projek di bawah peruntukkan ini sebenarnya adalah melalui ICU terus kepada Pejabat Pembangunan Negeri dan terus kepada Pejabat Daerah dan akan dilaksanakan oleh Pembangunan Negeri dan Pejabat Daerah dan ada sejumlah projek kecil yang tidak dapat dilaksanakan oleh Pembangunan Negeri akan dibuat oleh JKR. Bermakna semua jabatan terlibat dan ini adalah keterbukaan dan tahniah kepada Melaka kerana mengambil pendekatan itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengakui ini adalah wang kerajaan tetapi diumumkan di mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian UMNO. Kenapa dibuat di sana? Kenapa peruntukkan ini diumumkan di satu mesyuarat parti politik.

Kedua, kenapa Sarawak dianaktirikan oleh kerana Sarawak tidak ada UMNO dan Sarawak dianaktirikan.

Ketiga, kenapa MCA, Gerakan dan parti-parti komponen Barisan Nasional lain semua pun dianaktirikan oleh kerana siapa memantau ialah Ketua UMNO, Ketua Bahagian UMNO di kawasan, diwakili oleh MCA, Gerakan pun UMNO yang memantau. Bukankah ini bukan sahaja tidak adil kepada Sarawak, kepada MCA, kepada Gerakan, kepada MIC yang menunjukkan *UMNO hegemony*, tetapi pun menunjukkan bahawa kerajaan langsung tidak ada konsep integriti, keutuhan. Sebab itu korupsi bermaharajalela dalam negara kita.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah tuduhan Ketua Pembangkang yang melulu...

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Yang Berhormat minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apa yang dikatakan oleh parti pembangkang, tafsiran mereka salah kerana mereka tidak tahu prosedur kerajaan...*[Disorak][Tepuk]* Kalau dia sebahagian daripada kerajaan, dia tidak akan cakap demikian kerana apa yang saya sebagai Ahli MCA, sebagai Ahli Parlimen, saya dipanggil untuk memantau projek... *[Disorak][Tepuk]* Dan senarai yang ditentukan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu tiada kuasa pun kata ada kuasa.

[Dewan gamat]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Parlimen Barisan Nasional bercakap benar di dalam Dewan ini. Kita mesti mahu memperbetulkan di mana tafsiran salah yang dibangkitkan oleh ahli parti pembangkang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua duduk Yang Berhormat.

[Dewan gamat]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua panggil ambulan, bawa dua-dua ini pergi wad..., ini Bukit Mertajam dengan Ipoh Timor

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Ketawa]... Ambulan tak ada petrol, tak ada driver...*

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: ... Untuk memperbetulkan kesilapan itu. Oleh itu saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, prosedur kerajaan seperti mana peruntukkan diteruskan oleh Kementerian Kewangan kepada ICU, di mana dimaklumkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri dan sampai ke Pejabat Tanah. Maka itu akan diaturkan semua projek itu di mana akan dilantik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat prosedur ini semua orang faham. Cukuplah.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Tetapi hanya dia tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Menteri menjawab

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

[Dewan gamat]

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Kerana dia tidak tahu prosedur kerajaan tetapi kesilapan itu mesti diperbetulkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

[Dewan gamat]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ipoh Timor sudah malu, sebab dia silap.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Supaya Ahli Yang Berhormat tadi akan faham dan tidak akan mengulang kesilapan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen saya fikir cukuplah. Prosedur saya ingat semua orang tahu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya Serdang bagus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Hanya mereka yang tidak mahu ambil tahu. Cukuplah.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sarawak bangun, Sarawak...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa lagi mahu tanya?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Minta penjelasan. Saya Ahli Parlimen dari Sarawak, pendapat saya Barisan Nasional sungguh ikhlas dan telus...

[Dewan gamat]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Oleh kerana semua projek ini saya yang memilih projek yang patut dilaksanakan berdasarkan permintaan dan keperluan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Kita tidak nampak wang itu kerana oleh kerana semua dilaksanakan oleh kerajaan, oleh Pejabat Daerah dan pegawai dari Jabatan Persekutuan. Jadi semua dijalankan dengan baik, jadi apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sarawak sudah cakap betul, DAP...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Tripod banyak la.. tripod, tripod!*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa *tripod*...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: DAP cemburu, itu saja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang dan Yang Berhormat Sri Aman. Memang peruntukkan itu adalah untuk semua kawasan Parlimen termasuk Sarawak dan RM3 juta diluluskan pada bulan Disember tahun lepas tapi dilaksanakan pada tahun ini. Yang RM2 juta pada tiap-tiap Parlimen, ditambah tahun lepas kerana Perdana Menteri berpendapat bahawa patut diberi rangsangan sedikit pada ekonomi itu. Sebab itu bila belanja duit itu untuk projek kecil, maka rakyat dapat manfaat. Itu untuk tahun sudah Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukit Mertajam, sudahlah cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Adakah RM2 juta ini sudah dilaksanakan, semua sudah habis diguna? Adakah RM2 juta ini telah dilaksanakan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah, sudah, kawasan DAP pun dapat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Dan bagaimana sebagaimana Ahli Parlimen untuk Bukit Mertajam, bolehkah saya dapat satu senarai...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya minta satu senarai untuk semua projek yang dilaksanakan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Mana boleh bagi itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa kesalahan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat. Saya cadangkan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Masalahnya Yang Berhormat teringin masuk BN tetapi Ipoh Timor kacau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berikan jawapan kepada perkara yang dibangkitkan oleh 30 Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Yang baru itu saya fikir tidak perlulah. Nanti peringkat Jawatankuasa, kalau ada isu baru, baru jawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, yang RM2 juta itu sudah dilaksanakan pada tahun lepas, habis semuanya yang dibelanjakan pada tahun lepas oleh tiap-tiap kawasan Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi Yang Berhormat, saya minta satu senarai semua projek yang dilaksanakan menggunakan wang ini untuk Bukit Mertajam...

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Bolehlah saya minta notis itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pun mahu..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Diberi senarai pada minggu depan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Gajah pun mahu kah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi pada topik yang lain. Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor mendakwa kaum Kadazan, Dusun dan Murut dipinggirkan dalam isu pembangunan ekonomi dan sosial.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada mana-mana kaum dipinggirkan dalam usaha kerajaan membangunkan ekonomi. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, program-program pembangunan kerajaan secara khusus memberi penekanan kepada semua kaum yang berpendapatan rendah termasuk kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Langkah ini adalah untuk mencapai matlamat agihan yang saksama antara kaum. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor turut...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Yang Berhormat kata bahawa tidak ada apa kaum dipinggirkan dalam pembangunan kerajaan. Bukankah orang Melayu dipinggirkan di Pulau Pinang?

[Ketawa]

Bukankah orang Melayu dipinggirkan di Pulau Pinang dan apabila orang...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: .. kata bahawa Kadazan, Dusun dan Murut dipinggirkan, ada orang kata inilah perkauman.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak jahat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Pemuda kawasan Setiausaha Parlimen...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Macam-macam dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Banyak jahat, hati banyak busuk, kepala banyak...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada orang Melayu dipinggirkan di Pulau Pinang? Jawab-jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu batu api punya soalanlah. Batu apilah itu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, itu *perception* Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Balik Pulau...

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: .. adakah ini benar? Adakah ini perkauman?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, kadar kemiskinan Pulau Pinang yang paling rendah iaitu 0.3%.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi tidak betullah apa yang Khairy cakap itu? Kalau tidak betul, cakap sahaja tidak betul. Kenapa takut kepada Khairy?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia pun tidak ada jawatan dalam kerajaan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak kena mengena dengan Khairy.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Atau betulnya dia...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini tidak ada kaitan dengan Khairy.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: .. Khairy Jamaluddin merupakan seorang pemuda yang berkuasa di dalam negara ini walaupun dia tidak ada jawatan dalam negara?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu komen itu...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, hendak pergi pada topik lain pula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]...* Yang Berhormat...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua orang tidak faham.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap dalam Bahasa Mandarin]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup lah Yang Berhormat...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bercakap dalam Bahasa Mandarin]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap dalam Bahasa Mandarin]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, guna peraturanlah. Suruh mereka ini diam sedikit. Kita hendak dengar Setiausaha Parlimen jawab. Diam Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia baik sedikit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu pun begitu tadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua diam, cukup, cukup.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Setiausaha Parlimen mahu jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Diam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Wah, *you speaker* ke?

[Ketawa]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu diam.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menimbulkan soal mengenai sama ada BPR menjalankan siasatan terhadap Dato' Seri Osu Sukam. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Pengarah LKIM. Pihak BPR sememangnya sedang menjalankan siasatan terhadap tuduhan-tuduhan tersebut.

Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sedia maklum, seksyen 21 (4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 diadakan seperti berikut. Sesuatu aduan yang dibuat bersama subseksyen 1 hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai badan dan pendakwa raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh atas mahkamah atas suatu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu. Di mana saya tidak boleh komen lebih daripada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan mengenai apa yang dipetik oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen peruntukan dalam *Prevention Of Corruption Act 1997*, mengenai merahsiakan siasatan BPR tidak bererti bahawa kita dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh menyoalkan mengenai ketidakcekapan *incompetence* dan ketidakberkesanan BPR apabila menjalankan apa-apa siasatan termasuk mengenai Dato' Seri Osu Sukam. Oleh kerana kes Dato' Seri Osu Sukam sangat mudah sama ada mengenai pengisytiharan harta benda adalah melanggar undang-undang.

Bagaimana selepas menjadi Ketua Menteri dia boleh berjudi beratus juta ringgit yang menunjukkan bahawa *calculation of assets* yang ada dibuat apabila beliau menjadi Ketua Menteri atau jawatan-jawatan yang lain yang dibuat kepada Perdana Menteri masa itu semua bohong, palsu dan melanggar undang-undang. *A black and white simple case* kenapa mahu ambil lebih

satu tahun? Adakah ini menunjukkan bahawa BPR tidak guna atau tidak ada kuasa. Itu bukan *diprotected* oleh BPR Act, *Prevention of Corruption Act*, kita mahu tahu adakah ini satu bukti bahawa BPR langsung tidak ada kuasa khasnya mengenai ikan yu-ikan yu semacam Ketua Menteri Sarawak Ketua Menteri Sabah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kes Dato' Seri Osu Sukam dalam mahkamah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Pergilah mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahkamah? Osu Sukam mahkamah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Dibicarakan. Bukan dibicarakan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bila kes Dato' Seri Osu Sukam dibawa oleh BPR ke mahkamah? Mana? BPR langsung buat tidur.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kemudian Yang Berhormat kes Ketua Menteri Sabah kes Ketua Menteri Sarawak dan kes Ketua Pengarah LKIN baru sahaja, biar bagi masa sedikit. Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa ini nyek,nyek, nyek ah? Diam-diamlah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada Yang Berhormat bagi Beluran, bertanya tentang apakah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dia mendapat maklumat terkini dari belakang, kenapa tidak baca? Tidak faham dengan nota-nota yang baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini banyak jahat.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, baca okey.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kes ini sama seperti yang saya cakap tadi. Soalannya mengapa Badan Pencegah Rasuah tidak mengambil tindakan terhadap Dato' Seri Osu Sukam yang memiliki kekayaan yang luar biasa berjudi dengan nilai RM97.7 juta, kalah sebanyak RM31.6 juta dan berhutang sebanyak RM7 juta di sebuah casino di London. Siasatan dibuat oleh BPR berhubung dengan dakwaan yang dibuat ke atas bekas Ketua Menteri ini dan siasatan turut tertumpu ke atas kekayaan harta luar biasa sebagaimana yang didakwa. Namun begitu, kita tersekat dengan undang-undang yang saya sebut tadi. Jadi saya tidak boleh bagi maklumat yang lanjut. Makna sedang disiasat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Terakhir mengenai perkara ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Sampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjelaskan kalau BPR langsung tidak guna, bagaimana BPR boleh disoalkan dalam

Dewan ini kalau *front bench* mahu menggunakan *Prevention of Corruption Act* sebagai satu topeng supaya perlu untuk jawab. Bukankah ini satu *cover up Anti Corruption Agency* menjadi *Anti Corruption Cover up* satu agensi?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen. Kita Ahli Parlimen kena menghormati undang-undang ini. Jadi, kalau sudah disekat dengan undang-undang yang telah kita luluskan bagaimana kita hendak keluarkan masalah *detail* tentang perkara ini? Parlimen yang meluluskan dan kita tidak menghormati undang-undang ini. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Yang Berhormat bagi Beluran bertanyakan apakah mekanisme yang menggariskan untuk penyaluran peruntukan RM3.7 bilion kepada PKS?

Untuk makluman Yang Berhormat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah meluluskan sebanyak 189 program yang utama bagi pembangunan PKS pada tahun 2007 dengan peruntukan berjumlah RM3.7 bilion. Sebanyak 135 daripada 189 program tersebut bertujuan untuk membina kapasiti dan kebiayaan PKS. 27 program lagi bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk PKS manakala 27 program lagi adalah untuk memperkukuhkan struktur yang menyokong pembangunan PKS bagi terus membantu pertumbuhan PKS.

■ 1700

Program-program ini meliputi semua sektor termasuk PKS dalam sektor pertanian, industri asas tani dan industri berasaskan pengetahuan. Peruntukan RM3.7 bilion ini disalurkan menerusi 14 kementerian antaranya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dan Kementerian Sumber Manusia.

Mengenai isu Anggun Bestari yang dikatakan bertindak sebagai jawatankuasa pengelola ataupun ejen bagi urusan permohonan pinjaman kepada PKS ingin saya maklumkan bahawa terdapat tanggapan umum bahawa Anggun Bestari telah dilantik oleh SME Bank dalam menyalurkan pembiayaan kepada PKS. Dalam hal ini ingin saya tekankan bahawa SME Bank tidak pernah melantik mana-mana ejen bagi urusan permohonan pinjaman. SME Bank telah secara berkala mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa mereka tidak pernah melantik mana-mana ejen. Bagi kes Anggun Bestari satu laporan polis telah dibuat pada 26 September 2006 dan menafikan syarikat berkenaan sebagai ejen kepada SME Bank.

Yang Berhormat bagi Beluran juga menyentuh tentang isu berhubung dengan *security features*. Kenapakah tidak dipraktikkan di semua lapangan terbang di Malaysia untuk penerbangan domestik dan antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini

security features tersebut hanya ditekankan di lapangan terbang antarabangsa terutama yang melibatkan penerbangan merentasi Lautan Atlantik iaitu ke UK dan US yang mana ini adalah selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh DCA baru-baru ini. Perkara yang sama akan dilaksanakan di semua lapangan terbang domestik mengikut keperluan pada masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Beluran turut menyentuh mengenai isu pelaburan internet sama ada ianya bercanggah dengan *deposit taking* dan merupakan *money laundering* serta bertanyakan langkah-langkah yang diambil kerajaan agar orang ramai tidak teraniaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, memberi nasihat pelaburan dan menawarkan skim pelaburan yang berasaskan produk sekuriti dan niaga hadapan kepada umum memerlukan lesen daripada Suruhanjaya Sekuriti. Tanpa lesen perbuatan itu melanggar Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Pihak Suruhanjaya Sekuriti (SC) sedang memantau skim-skim pelaburan internet yang kini banyak dipromosikan di Malaysia. Pihak SC juga telah mengeluarkan beberapa amaran dan peringatan melalui siaran media kepada orang ramai supaya mendapatkan pengesahan ataupun menyemak dengan SC untuk memastikan sama ada individu atau syarikat tersebut mempunyai lesen untuk memberikan nasihat pelaburan dan menawarkan skim pelaburan. Pihak SC juga telah menyenaraikan di laman web SC nama-nama syarikat dan laman web yang disyaki mempromosikan skim pelaburan yang tidak diluluskan oleh SC.

Pihak SC bersama pusat perkembangan industri SIDC kini sedang menjalankan kempen kesedaran pelabur untuk meningkatkan pengetahuan umum mengenai aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijalankan melalui internet supaya orang ramai lebih berhati-hati apabila mendapatkan nasihat dan khidmat pelaburan internet kerana aktiviti sedemikian kemungkinan disediakan secara tidak sah oleh individu atau syarikat yang tidak berlesen. Jabatan Aduan SC juga telah menasihatkan individu-individu yang membuat pertanyaan mengenai pelaburan internet untuk tidak membuat apa-apa pelaburan dengan syarikat yang tidak mempunyai lesen atau mendapat kelulusan daripada SC.

Pihak SC juga pernah mengambil tindakan menutup laman web yang dihoskan di Malaysia yang menawarkan khidmat nasihat pelaburan dan skim pelaburan yang tidak dilisenkan oleh SC. Pihak SC sedang membuat siasatan ke atas beberapa skim pelaburan internet seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan.....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Saya hargai tindakan SC yang memantau laman web pelaburan internet ini. Tetapi perkara ini telah lama berjalan lebih daripada setahun saya difahamkan dan wang yang dikutip daripada pelabur ini merupakan satu pelaburan yang besar dan melibatkan segenap lapisan masyarakat di Malaysia ini termasuk mereka yang berada di pedalaman. Memantau merupakan satu tindakan tetapi sama ada tindakan menutupnya soal kewangan yang telah dikutip itu dan kenapa begitu lama sekali SC membuat tindakan menghalang lebih ramai pelabur terjerumus dalam pelaburan yang berisiko tinggi ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bakal pelabur atau pelabur-pelabur mesti sedar bahawa pelaburan yang mendatangkan keuntungan yang begitu lumayan adalah satu perkara yang tidak berlaku dan itu mereka patut sedar yang utamanya. Yang keduanya pihak SC memang sudah memantau lama dan sudah pun membuat tindakan-tindakan yang perlu. Biasalah Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian being Malaysian* mereka mudah lupa. Sudah berlaku dahulu skim 350, skim Pak Man Telo sudah berlaku. Mereka sudah banyak terlibat rugi banyak tapi mereka lupa apa yang telah berlaku tak lama dahulu. Jadi dalam perkara ini SC telah membuat pelbagai nasihat tapi mereka masih lagi hendak melabur. Dalam hal ini mereka menanggung risiko sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Serdang. Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan tentang persoalan bilakah penurunan kadar tarif air bagi kediaman pangsapuri di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya akan dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan migrasi daripada akaun pukal kepada akaun individu baru sahaja diluluskan oleh kerajaan negeri Selangor. Berikutan itu, SYABAS telah pun mempelawakan semua pemilik pangsapuri untuk pemasangan meter air individu bagi membolehkan kadar tarif air domestik dikenakan kepada pemilik pangsapuri. Walau bagaimanapun, keizinan ataupun *consent* daripada jawatankuasa pengurusan ataupun *management corporation* perlu diperolehi oleh setiap pemilik untuk membolehkan permohonan diluluskan oleh SYABAS.

Yang Berhormat bagi Serdang turut menyentuh tentang status projek pemindahan air Pahang-Selangor dan bilakah tender akan dikeluarkan. Tender terbuka antarabangsa ataupun *international comparative bidding* pakej terowong dijangka akan dibuka pada suku keempat tahun 2007. Kerja-kerja fizikal bagi komponen ini dijangka boleh bermula suku pertama tahun 2008. Bagi komponen lain seperti empangan, muara sungai, dan paip berkembar, tender ICB dibuka secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman lanjutan komponen projek tersebut terdiri daripada saluran air mentah dengan kos sebanyak RM3.9 bilion dan komponen rawatan dan agihan dengan kos sebanyak RM4.4 bilion menjadikan kos keseluruhan projek sebanyak RM8.3 bilion dan projek ini dijangka siap pada tahun 2011. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan mengenai apakah penambahbaikan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan JKR Tiga di Serdang. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan amat prihatin dengan kesesakan lalu lintas di Jalan besar Seri Kembangan seperti yang dibangkitkan. Sebagai langkah jangka pendek JKR telah memasang fleksibel hos di lokasi tertentu bagi mengawal perjalanan trafik di kawasan berkenaan. Bagi penyelesaian jangka panjang JKR bercadang untuk membetulkan *alignment* jalan berkenaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Gombak dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan isu berhubung dengan impak alam sekitar ke atas penduduk setempat apabila sesuatu projek pembangunan dijalankan. Ketiadaan kerjasama yang baik antara agensi kerajaan, kelulusan EIA, dan pencemaran sungai serta masalah berkaitan termasuk pencemaran di Sungai Langat. Kejadian loji rawatan air yang ditutup baru-baru ini di Sungai Langat adalah disebabkan oleh paras ammonia yang tinggi dalam sungai tersebut. Punca pencemaran yang telah dikenal pasti ialah pelepasan efluen dari loji pemulihan kumbahan yang dikendalikan oleh Indah Water Konsortium. Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan arahan kepada IWK untuk meningkatkan tahap kecekapan loji kumbahan dengan segera untuk mengelakkan kejadian yang sama tidak berulang.

■ 1710

Di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi aktiviti yang ditetapkan, pemaju projek hendaklah mengemukakan laporan EIA dan mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Pemaju yang melaksanakan projek tanpa kelulusan EIA adalah menyalahi undang-undang Tindakan mahkamah penalti RM100,000 atau lima tahun penjara dan RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas notis disampaikan.

Bagi aktiviti-aktiviti yang memerlukan kelulusan EIA kajian impak ke atas alam sekitar yang perlu dijalankan merangkumi juga impak ke atas penduduk setempat. Ini termasuk pencemaran yang mungkin mereka alami, impak ke atas kesihatan dan keselamatan mereka. Selain itu, impak ke atas sosioekonomi, penduduk setempat juga dikaji.

Mengenai kerjasama antara agensi kerajaan, suka saya memaklumkan di sini bahawa terdapat kerjasama yang baik antara agensi kerajaan yang terlibat. Setiap laporan EIA yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Teknikal dianggotai oleh semua agensi kerajaan yang berkaitan sebelum ketetapan dibuat ke atas laporan EIA.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih setiausaha Parlimen. Tentang kajian impak terhadap alam sekitar ini memang banyak kelemahan langkah-langkah ini. Yang pertama adalah kelemahan dari segi saiz kawasan. Kalaulah projek itu tidak tersenarai di dalam jadual pertama, di dalam perintah EIA dan jika saiznya kurang daripada yang ditetapkan di dalam jadual tersebut, maka EIA tidak perlu. Tetapi banyak projek yang berhampiran, yang berdekatan dengan satu persatunya. Oleh itu, kumulatif kesan ini adalah sangat besar walaupun EIA tidak dibuat.

Jadi, apakah tindakan kerajaan bagi menangani masalah ini. Ini adalah masalah sekian lama terjadi dan oleh itu pencemaran sungai berlaku, pencemaran air berlaku di mana-mana. Ini kerana projek yang tidak memerlukan EIA ini tidak menyalahi undang-undang. Undang-undang apa yang seharusnya diguna pakai? Itulah sebabnya saya selalu menyatakan bahawa sudah

sampai masanya Kementerian NRE umpamanya, untuk meminda undang-undang ataupun perintah EIA ini agar hanya mengambil kira permit EIA, bukannya menjalankan EIA ke atas saiz yang ditetapkan di dalam jadual. Ini adalah satu kelemahan EIA.

Yang kedua, pemantauan. Selepas EIA diluluskan ada banyak syarat yang ditetapkan dan yang seharusnya pemaju-pemaju projek mesti mengikuti tetapi kalau syarat-syarat ini tidak dipatuhi, kalau kurang pemantauan daripada Jabatan Alam Sekitar maka syarat ini pun tidak ada guna, tidak diterima pakai. Oleh itu, pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah perlu selepas EIA, bukan sahaja untuk meluluskan laporan EIA tetapi selepas EIA ataupun *plus* EIA. Ini kerana ini dari pengalaman saya, ramai konsultan EIA mereka tidak turun ke lapangan, tidak melihat keadaan yang sebenarnya, mereka hanya buat laporan daripada meja ataupun *desk job*. Saya boleh buktikan ini semua. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau ikut syarat-syarat EIA ada syarat-syarat tertentu dan memang yang saya tahu pengalaman saya yang lepas iaitu ada pejabat-pejabat kecil di dalam satu tempat kawasan yang luas, mereka buat EIA dan memang lulus bagi projek yang itu. Tetapi kalau banyak projek, di kawasan itu memang impaknya kepada keseluruhan kawasan memang ada. Sebab itu dalam hal ini ada yang saya tahu satu pihak PBT telah pun mengambil tindakan proaktif untuk mengadakan EIA bagi keseluruhan kawasan yang telah pun dicadangkan untuk dibangunkan.

Maknanya kesan bagi tiap-tiap projek kecil ini dibuat kajian keseluruhannya bagi kawasan yang berkenaan. Dan, memang pemantauan haruslah dijalankan oleh alam sekitar dan juga oleh PBT. Dan, tiap-tiap kerja tanah yang akan dijalankan adalah tertakluk kepada *earthward by-law* masing-masing, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua,....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun pernah di dalam kerajaan negeri tentu faham bahawa, tentu tahu bagaimana kerajaan tempatan bekerja. Apakah keberkesanan mereka? Pada waktu sekarang, sebenarnya patut ada *local structural plan*, yang walaupun telah 20 tahun telah dalam proses menyediakan tetapi sampai hari ini pun siap dipakai. Itu adalah sebabnya mengapa ada kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan dan perancangan.

Banyak kawasan dilanda masalah banjir adalah kerana kelemahan dalam pelaksanaan dan juga perancangan, di mana walaupun sekeping tanah yang besar itu dipunyai oleh seorang sahaja tetapi ia mengadakan syarikat-syarikat yang kecil untuk membangunkan hanya sebahagian itu sahaja dan ia tidak payah buat banyak perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada banyak sistem perparitan itu pun kekurangan, ia telah di dalam perancangan itu boleh mengurangkan. Jadi, bagaimana kerajaan untuk

menangani masalah seperti ini? Ini telah menjadi semakin teruk kerana mana-mana pun banjir kerana pembangunan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam *is referring to Penang*. Memang di negeri Pulau Pinang seluruh negeri itu diletak di bawah dua majlis perbandaran dan memang mereka masing-masing menjalankan tugas masing-masing dan memanglah saya faham, saya tahu bahawa struktur pelannya masih di dalam proses, ia akan memakan masa. Ini kerana sekarang ini saya difahamkan digabungkan kedua-duanya sekali, *structural plan* di kedua-dua sekali Pulau dan juga Seberang Perai dan ia akan mengambil masa sedikitlah. Dan, sementara itu kerja-kerja dijalankanlah dan *efficiency* masing-masing kita dapat lihatlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gombak ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin (PATI) dan peminta sedekah asing yang berleluasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk membanteras PATI adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan operasi pemeriksaan bersama antara Jabatan Imigresen, RELA dan juga pihak polis;
- (ii) memantau dan mendakwa majikan yang mengaji atau memberi perlindungan kepada PATI;
- (iii) memperkenalkan sistem biometrik untuk mengambil dan menyimpan maklumat biometrik PATI yang ditahan di depoh imigresen bagi tujuan pengesanan kemasukan semula ke negara ini PATI yang telah diusir keluar ke negara asal;
- (iv) menjalankan pengawasan sepanjang pesisir perairan negara yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan tradisional PATI di mana pengawasan ini dijalankan oleh Polis Marin, Tentera Laut dan juga Jabatan Laut;
- (v) mewujudkan Mahkamah Seksyen PATI untuk membicarakan dan menghukum PATI-PATI bagi mempercepatkan pengusiran PATI yang telah ditangkap sewaktu operasi penguatkuasaan; dan
- (vi) melancarkan program iklan di televisyen mengenai isu PATI yang disiarkan di RTM dan TV3 dan untuk mendidik dan mengingatkan orang ramai tentang betapa seriusnya gejala PATI di negara ini supaya mendapat kefahaman dan kerjasama orang awam untuk bersama-sama menangani gejala ini.

Yang Berhormat bagi Gombak juga ingin mengetahui mengapakah semakin ramai golongan muda di masa kini menagih dadah jenis syabu. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, syabu atau *ice* ini merupakan sejenis dadah perangsang ataupun *stimulant*. Pada mulanya ia akan memberi perasaan yakin pada diri sendiri, bertenaga dan cergas. Oleh itu, ia akan disalah guna oleh golongan muda untuk berjaga daripada tidur, menahan keletihan oleh pemandu lori dan sebagainya.

Ia juga popular di kalangan muda-mudi yang suka ke pusat-pusat hiburan kerana boleh menjadikan mereka aktif dan cergas untuk jangka masa yang lama iaitu antara enam hingga lapan jam.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Gombak supaya pakar kesihatan awam diberikan ganjaran yang setimpal seiring dengan pakar kesihatan swasta. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menjaga kebajikan semua anggota kesihatan termasuk pakar kesihatan awam di Kementerian Kesihatan.

Elaun kesihatan awam yang dibayar kepada pegawai kesihatan awam di Kementerian Kesihatan baru sahaja dinaikkan sebanyak 14% berkuat kuasa pada 1 Januari 2004. Pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengkaji...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada banyak lagi kah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya fikir kerana ada banyak perkara juga. Perkara-perkara yang sama akan juga dibangkitkan di peringkat jawatankuasa dan elok juga menteri yang berkenaan boleh memberikan jawapan. Sekarang kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada isu-isu yang saya rasa tentang perkara-perkara dasarnya. Ini cadangan sayalah kerana untuk makluman Yang Berhormat, kita perlu selesaikan pada hari ini juga berhubung dengan peringkat dasar untuk Perbekalan Tambahan ini.

Esok dan lusa ada dua hari lagi. Semasa peringkat jawatankuasa, Yang Berhormat tentu akan mengemukakan mungkin kebanyakan perkara yang sama. Saya cadangkan supaya Yang Berhormat boleh gunakan kebijaksanaan Yang Berhormat untuk ringkaskan jawapan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya akan cuba seberapa banyak yang boleh dan mana-mana perkara yang saya tidak dapat jawab, saya harap dapat ditimbulkan dalam jawatankuasa dan boleh dijawab oleh kementerian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkitkan tentang sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sentiasa prihatin dengan isu kekurangan guru di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Di antara tindakan kementerian ialah program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dalam pelbagai mode. Pada September 2007, pertambahan di SJKC adalah seramai 900 guru dan SJKT seramai 200 guru dari program Ijazah kemudian daripada program Ijazah Sarjana

Muda Pendidikan melantik Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) sehingga 1 April 2007 seramai 1,645 guru untuk sekolah SJKC dan 241 guru untuk sekolah SJKT telah dilantik dan menggunakan khidmat Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ini adalah tentang ASTRO sama ada siapa hendak bayar kalau perkhidmatan terganggu. Ini saya ingat perkara-perkara yang boleh ditimbulkan di peringkat jawatankuasa.

Yang Berhormat bagi Lipis menyarankan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Bank Pertanian Malaysia memberi perhatian kepada golongan siswazah yang ingin menceburi bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi galakan kepada siswazah untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian sebagai kerjaya. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Bank Pertanian Malaysia berusaha untuk membentuk kesedaran di kalangan mereka bahawa banyak pelaburan pertanian yang berdaya maju dan menguntungkan.

Bank Pertanian Malaysia telah menyediakan program latihan dan pinjaman pembiayaan di bawah Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah (SUTKS) mengikut peruntukan semasa yang disediakan atau diuruskan oleh MOA sebagai pendedahan awal kepada siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, setakat ini sehingga Disember 2006, RM55 juta telah pun diperuntukkan. Untuk memudahkan lagi peminjam-peminjam di bawah skim ini, tidak perlu cagaran cuma ada sekurang-kurangnya dua orang penjamin berkelayakan ataupun jika projek dilaksanakan secara berkelompok di kalangan siswazah, jaminan bersilang boleh diterima. Pinjaman ini diberi perlindungan takaful.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan dan fungsi tanggungjawab Institut Terjemahan Negara Malaysia ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, objektif Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) adalah bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal terjemahan dan kejurubahasaan negara selain memperluas dan mempergiatkan usaha pemindahan maklumat di semua tahap profesional baik di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa.

Berdasarkan kepada tanggungjawabnya, kerajaan berpendapat bahawa fungsi dan peranan ITNM adalah penting untuk membantu meningkatkan bilangan buku-buku terjemahan di negara ini. Oleh yang demikian, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menukarkan status ITNM.

Berkenaan dengan pembaik pulih landasan kereta api dan juga mengambil kira perkhidmatan kereta api di Pantai Timur. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM32.9 juta bagi baik pulih landasan kereta api di Pantai Timur meliputi Projek Pengukuhan Landasan Gemas – Kerdau sebanyak RM29.1 juta yang dijangka siap pada bulan Julai 2007 manakala Projek Pengukuhan Jambatan dan Landasan Mengkarak –

Mentakab telah pun siap dalam bulan Oktober 2006 dengan kos sebanyak RM3.8 juta. Tentang jadual perjalanan dan maklum balas daripada pengguna diambil kira.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya pula membangkitkan tentang sistem pembayaran kontraktor yang mahu dipertingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, pembayaran kepada pembekal dan kontraktor perlu dibuat dengan segera selepas bekalan dan kerja telah dilaksanakan. Kerajaan telah mengeluarkan satu surat pekeliling iaitu Surat Pekeliling Perbendaharaan SPP7/2006 (Pindaan) AP103 bagi mempercepatkan bayaran daripada 30 hari kepada 14 hari dan juga satu Surat Pekeliling SPP4223 bagi bayaran terus dibuat kepada subkontraktor.

Berkenaan dengan Program Latihan Khidmat Negara – Yang Berhormat mahu supaya diperkenalkan Modul Khidmat Komuniti di mana para pelatih telah ditempatkan di pelbagai jabatan kerajaan seperti bomba, polis atau tentera agar mendapat pendedahan mengenai perjawatan dan peluang kerjaya. Bagi mereka yang tidak berpeluang mengikuti Program Latihan Khidmat Negara, para belia berpeluang menyertai badan-badan sukarela seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan Pasukan Simpanan Sukarelawan Polis ataupun PVR.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya membangkitkan isu supaya peruntukan PDRM ditambah bagi perolehan kelengkapan keperluan anggota polis seperti sistem persenjataan dan bagi membanteras masalah peningkatan jenayah masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah pun merancang untuk melengkapkan keperluan persenjataan mereka dengan peruntukan yang begitu banyak untuk membeli senjata-senjata baru. Saya ingat, kalau saya hendak sebutkan satu persatu sangat panjang Tuan Yang di-Pertua, tentang senjata-senjata baru yang akan dibeli oleh pihak polis dengan menggunakan peruntukan yang begitu banyak iaitu lebih daripada RM200 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya apa hendak tanya?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit sahaja. Saya hendak memperbetulkan jawapan yang ditulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang itu, yang panjang boleh hantar secara bertulis kepada Kelana Jaya, Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tentang jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang PLKN. Saya tidak menyebutkan bahawa di dalam Modul Khidmat Komuniti. Cadangan saya adalah mempelbagaikan pakej PLKN supaya kementerian-kementerian yang berlainan iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan dapat mengadakan pakej khidmat negara sebagai satu cara dan strategi untuk mempelbagaikan pakej PLKN. Bukannya dalam Modul Khidmat Komuniti. Itu pembetulan sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Bermakna Yang Berhormat mencadangkan supaya selain daripada modul tentera yang dijalankan sekarang, Yang Berhormat cadangkan modul lain termasuk modul polis dan modul kesihatan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Kejururawatan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Kejururawatan. Ini cadangan-cadangan yang boleh diberi perhatian, diberi pertimbangan oleh pihak yang menjalankan PLKN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi kalau hendak, mungkin dua jam lagi agaknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagaimana sekiranya Yang Berhormat saya cadangkan ini banyak perkara telah dibangkitkan dan sebenarnya telah pun dijawab semasa perbahasan terhadap Titah Ucapan. Saya yakin juga semasa kita masuk ke peringkat jawatankuasa iaitu ada tiga hari, kemungkinan besar perkara-perkara yang sama akan dibangkitkan. Pada masa itu saya lihat lebih elok menteri yang berkenaan sendiri akan berikan jawapan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian masing-masing.

Kalau boleh Yang Berhormat gulung dan kita boleh selesaikan untuk peringkat dasar pada hari ini sebagaimana yang ditentukan oleh Peraturan Mesyuarat. Saya cadangkan supaya Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih berbilang-bilang kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sebenarnya separuh sahaja yang dapat menjawab. Yang lain-lainnya saya tidak dapat menjawabnya. Oleh itu, saya harapkan semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat dapat diberi perhatian oleh semua kementerian. Sekali lagi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion sembilan ratus tujuh puluh tujuh juta sembilan ratus tiga puluh empat ribu tiga ratus ringgit (RM1,977,934,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2007 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, esok boleh kita mulakan perbincangan di peringkat Jawatankuasa dan memang melibatkan banyak kementerian. Saya harap semasa di peringkat Jawatankuasa perkara-perkara boleh sekali lagi dibangkitkan dan dijawab oleh menteri yang bertanggungjawab.

Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.